Jilid II
Bil. 67

Hari Isnin
18hb Januari, 1993

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

## PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

## PENGGAL KEDUA

*Second Session*

## KANDUNGAN

**PEMASYURAN TUAN YANG DIPERTUA:**

**Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 13477]**
**Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 13477]**
**Penolakan Majlis Raja-Raja Terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 [Ruangan 13479]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 13480]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 [Ruangan 13480]**

**USUL-USUL:**

**Merentikan Kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1) [Ruangan 13480]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 13580]**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
ALOR SETAR
1995

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG KEDUA

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N. .

Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

terhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis),

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A.. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun- Langkawi).

" Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., PJ.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

Yang Berhormat -Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR, FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar),

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan,Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S..P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penefangan, DATO HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan. DATO' K. KUMARAN (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M.; D.P.M.J., B.S.I; (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T, P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGT TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P. D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P.'(Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI UMAR, D.S.D.K., J.S.M.,K.M.N.,B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR; P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO ALIAS BIN MD. ALI,: D.P.M.T.; J.S.M., S.M.T.,K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

„ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K..(Jerai).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M:S.,P.J.K. (Kuala Langat).

„ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

Yang Berhormat TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

" TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

" TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Menajam).

" TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

" TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

" DR. V. DAVID (Puchung).

" TUAN FONG KUI LUN (Klang).

" TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

" TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

" TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

" TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

" TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

" TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

" CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

" LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

" PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

" TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

" DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).

" TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

" TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

" TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

" TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

" TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

" TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

" TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

" TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

" TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

" TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

" TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

" TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

" TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

" PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

" DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

" TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

" TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

" DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

" TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

" TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

" DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

" TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

" TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

" TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

" DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

" DATO' HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

" DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

" DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

,, DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

,, Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis).

,, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

,, DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

,, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

,, DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

,, DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

,, DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., PJ.K. (Bagan Serai).

,, TUAN RADIN MALLEH (Padas).

,, PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

,, TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

,, PUAN RUHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

,, TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

,, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

,, TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

,, DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

,, TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

,, PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

,, TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

,, TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

,, DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

,, TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong)

,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

,, WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

,, TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

,, WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

,, TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

„ TUAN WONG WING ON (KAMPAR).

,, TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

,, DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

,, TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

,, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

,, TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

,, TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

,, TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

# DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan. .
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

**MALAYSIA**

# DEWAN RAKYAT

**Isnin,18hb Januari, 1993**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

## PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1993;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1992) 1992; dan
3. AktaPerlembagaan (Pindaan) 1992.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA KEPADA DEWAN RAKYAT

"31hb. Disember, 1992.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

(1) Rang Undang-undang Perbekalan, 1993;

(2) Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) 1992;

(3) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);

(4) Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti;

(5) Rang Undang-undang Jualan Langsung;

(6) Rang Undang-undang Bekalan Gas;

(7) Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan);

(8) Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan);

(9) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang;

(10) Rang Undang-undang Kewangan (No.2);

(11) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);

(12) Rang Undang-undang Koperasi;

(13) Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);

(14) Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.3);

(15) Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan;

(16) Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);

(17) Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan); dan

(18) Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA".

## PENOLAKAN MAJLIS RAJA-RAJA TERHADAP RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1993

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada jam 2.20 petang ini, saya telah menerima satu surat daripada Penyimpan Cop Mohor Raja-Raja yang dialamatkan kepada saya sebagai Speaker yang menyatakan bahawa Majlis Raja-Raja nampaknya tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993.

# RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1993

### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari ini.

# USUL

## MERENTIKAN KUATKUASA PERATURAN MESYUARAT 48 DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 90 (1)

*2.35ptg.*

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul bahawa dengan izin saya—dan

saya telah memberi keizinan—di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1), Dewan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 dikemukakan kepada Majlis Ini untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993. *(Tepuk)*

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1993

### Bacaan Kali Yang Kedua

*2.40 ptg.*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memperkenal dan mengulas Akta yang telah saya sebutkan tadi.

**(Tuan Lim Kit Siang masuk ke dalam Dewan)** *(Tepuk)*

**Perdana Menteri:** Ketika negara menuntut kemerdekaan, pemimpin-pemimpin negara yang telah mendapat kemenangan besar dan sokongan padu dalam Pilihanraya Umum tahun 1955 telah membuat pilihan supaya sistem pemerintahan di negara ini ialah sistem Demokrasi Berparlimen (Parliamentary Democracy) dan Raja Berperlembagaan (Constitutional Monarchy).

Sistem ini dipilih kerana semasa Negeri-negeri Melayu diperintah melalui sistem feudal dengan kuasa di tangan Raja, Negeri-negeri Melayu adalah begitu lemah dan pentadbirannya berada dalam keadaan kucar-kacir. Negeri-negeri ini tidak dapat menentukan keamanan dan menguat-kuasakan undang-undang. Akibatnya negeri-negeri ini terpaksa meletakkan diri di bawah naungan kuasa-kuasa asing seperti China, Siam dan negara Barat. Akhirnya semua Negeri Melayu ditakluki oleh British dan diperintah sebagai tanah jajahan British melalui perjanjian di antara Raja-Raja yang memerintah dengan pihak Kerajaan British.

Selepas Perang Dunia Kedua, Raja-Raja Melayu berharap apabila British mentadbir semula kedudukan mereka sebagai Raja yang berada di bawah nasihat pegawai-pegawai British akan dikembalikan. Negeri-negeri Me!ayu akan sekali lagi diperintah oleh British walaupun tidak seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. di mana British berkuasa penuh.

Bagi majoriti rakyat Melayu negeri-negeri Semenanjung, mereka juga bersedia menerima pemerintahan di mana kemelayuan Negeri-negeri Melayu diakui oleh British, walaupun pentadbiran dikuasai hampir sepenuhnya oleh British. Namun ada pendapat di kalangan sebilangan orang Melayu bahawa negeri-negeri Melayu sepatutnya dibebaskan daripada pemerintahan Kolonial British sama sekali.

Orang Melayu hanya sedar akan kemungkinan mereka diketepikan dan menjadi pengemis di negeri mereka sendiri apabila Raja-Raja Melayu tunduk kepada

ugutan MacMichael dan menandatangani perjanjian baru dengan British yang menyerahkan Negeri-negeri Melayu terus kepada British untuk diperintah sebagai tanah jajahan takluk British sama seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka.

Oleh kerana begitu mudah Raja-Raja menyerahkan Singapura, Pulau Pinang dan Pangkor kepada penjajah dan kemudiannya menyerah pula Negeri-negeri Melayu, maka rakyat tidak lagi boleh menerima sistem yang memberi kuasa hanya kepada Raja dan rakyat tidak diberi peranan apa-apa dalam politik negara. Lagipun selepas Perang Dunia Kedua, Sistem Raja berkuasa penuh sudah menjadi lapuk di seluruh dunia. Di merata-rata tempat, Sistem Beraja ditamatkan terus. Di mana ia dikekalkan, kuasa Raja dihadkan oleh Perlembagaan ataupun undang-undang asas negara. Justeru itu, semasa Persekutuan Tanah Melayu menuntut kemerdekaan, pemimpin-pernimpin rakyat telah mengkaji sistem-sistem pemerintahan dengan mengambil kira sejarah negeri-negeri Melayu dan sistem-sistem pemerintahan lain.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pemerintahan lama Negeri-negeri Melayu adalah sistem feudal di mana Raja berkuasa penuh tanpa Perlembagaan yang ditulis. Sistem feudal ini ditentukan oleh adat yang sering dimanipulasikan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa. Jika pihak yang berkuasa rrielampaui adat, pegawai-pegawai istana atau rakyat sukar untuk menegur dan membuat sebarang dakwaan. Tetapi apabila keadaan menjadi terlalu buruk, kemungkinannya ialah adat diketepikan dan pemberontakan berlaku. Tetapi cara ini tetap membawa kesan yang buruk tanpa menjamin bahawa pemberontakan akan memperbaiki keadaan.

Oleh itu, lahirlah pendapat bahawa Raja perlu diletak di bawah suatu Perlembagaan yang menentukan kedudukan dan peranan Raja. Dengan cara ini Raja tidak lagi boleh bertindak dengan sewenang-wenangnya. Kuasa Raja akan ditentukan oleh Perlembagaan, iaitu undang-undang asas negara. Namun ada Raja yang sanggup menyerahkan negeri sendiri kepada kuasa asing tanpa menghiraukan Perlembagaan.

Namun semasa sistem Raja Berperlembagaan digubal untuk Persekutuan Tanah Melayu, yang ketika itu menuju kemerdekaan, penggubal-penggubal Perlembagaan masih percaya Raja-Raja akan patuh bukan sahaja kepada yang tersurat, tetapi juga yang tersirat di dalamnya—iaitu semangat yang terdapat dalam Perlembagaan.

Di zaman penjajahan British, oleh kerana mereka boleh menaik ataupun menurunkan Raja, maka Raja menerima nasihat pemerintah kolonial. Perkara ini dimasukkan dalam perjanjian diantara pihak British dan Raja-Raja Melayu di mana nasihat British Resident atau British Adviser mesti dipohon dan dipatuhi oleh Raja melainkan berkenaan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Bagi British, nasihat yang mesti dipatuhi oleh Raja tidaklah ganjil kerana dalam sistem Kerajaan di Britain, "King" atau "Queen" mereka mesti menerima nasihat Kerajaan. Jika tidak, Raja akan diturunkan daripada takhta. Oleh itu, apabila King Edward VIII berkeras untuk berkahwin dengan seorang janda, baginda terpaksa turun dari takhta atas nasihat Kerajaan, walaupun tidak ada peruntukan khusus untuk tindakan ini. Yang dikuatkuasakan bukan undang-undang, tetapi kepentingan politik negara, dan Raja-raja British memang akur kepada politik negara. Sebab itulah sebelum pun Parlimen British memutuskan supaya Queen Elizabeth membayar cukai pendapatan, Baginda sendiri baru-baru ini membuat

keputusan untuk membayar cukai pendapatan. Perlembagaan British, walaupun tidak bertulis, dipatuhi daripada segi semangat dan adal.

Oleh kerana Raja-Raja Melayu di zaman kolonial telah mematuhi nasihat, maka dipercayai bahawa masalah Raja bertindak di luar undang-undang tidak akan berlaku. Penggubal undang-undang dan pengasas pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka juga percaya peruntukan bahawa Raja tidak boleh didakwa di mahkamah hanyalah sebagai petanda kemuliaan Raja dan bukan sebagai hak untuk melakukan jenayah. Sudah tentu penggubal Perlembagaan dan pengasas kemerdekaan negara tidak bermaksud peruntukan ini diberi hak kepada Raja untuk membelakangkan undang-undang sivil dan criminal. Raja Berperlembagaan atau Constitutional Monarch tidak pernah memberi keistimewaan atau privilege kepada Raja untuk melakukan jenayah.

Tetapi jika Raja tersalah semasa menjalankan tugas rasmi, Raja adalah bebas daripada tuduhan. Ini adalah kerana yang bertanggungjawabdan boleh didakwa ialah kerajaan. Dalam usaha menentang Malayan Union dan mengembalikan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selatkepada *"statusguoante"* iaitukeadaan sebelum Perang Dunia Kedua, rakyat telah memainkan peranan yang penting walaupun tidak diperuntukkan oleh undang-undang. Adalah jelas kepada rakyat pada masa itu bahawa Raja tanpa sokongan rakyat mudah dikuasai oleh pihak penjajah dan pihak-pihak lain. Justeru itu, rakyat perlu diberi hak dalam politik dan pentadbiran negara. Peranan rakyat mestilah ditentukan oleh undang-undang.

Memandangkan hakikat inl dan sekali lagi dengan mengambil contoh daripada Britain, Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka memilih Sistem Demokrasi Ber-parlimen. Rakyat akan melantik wakil mereka ke Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri yang menjadi penggubal utama undang-undang dan dasar-dasar negara.ini menentukan rakyat boleh memainkan peranan mereka dengan tertib dan tersusun.

Tetapi sekali lagi mengikut sistem di Britain, undang-undang hanya menjadi sah setelah ditandatangani oleh Raja. Di Britain, ini tidak menjadi masalah kerana Rajatidak mungkin menolak nasihat Jemaah Menteri.Tetapi di Malaysia perkataan nasihat, yang penggubal Perlembagaan percaya akan mempunyai makna yang sama seperti di Britain dan juga di zaman penjajah, tidak ditaisirkan dengan jelas. Oleh itu pihak Raja boleh menolak nasihat kerajaan.

Jika kerajaan diakui terdiri daripada wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat untuk menentukan rakyat berkuasa, tetapi nasihat kerajaan berkemungkinan tidak diterima, ini bererti Demokrasi Berparlimen tidak wujud dan rakyat tidak berkuasa sepenuhnya. Dalam perkara-perkara terteniu bukan sahaja persetujuan Yang di-Pertuan Agong diperlukan, tetapi juga persetujuan Majlis Raja-Raja.

Walaupun Wakil Rakyat bebas bercakap dalam Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri mengenai apa juga tajuk, tetapi mereka tidak boleh menyentuh diri Raja-Raja kerana sebarang kritikan ataupun teguran terhadap Raja boleh ditakrif sebagai hasutan dan mereka boleh didakwa di bawah Akta Hasutan. Peruntukan ini adalah hasil pindaan yang dibuat pada tahun 1971. Sebelum ini, teguran terhadap Raja boleh dibuat di dalam Dewan. Di Britain dan di negara-negara lain, Ahli-ahli Parlimen bebas menegur atau mengkritik Raja. Adalah jelas bahawa menegur dan mengkritik Raja tidak menghapuskan kedaulatan Raja.

Sementara halangan ke atas teguran ini dikatakan akan memelihara kemuliaan Raja, tetapi apabila Raja tidak ditegur, maka ia tidak akan sedar akan kesalahan yang telah dilakukannya. Dengan itu, mungkin lebih banyak kesalahan akan dilakukan dan kesalahan ini mungkin akan menjadi lebih serius. Ini bukan sahaja akan mencemarkan kemuliaan Raja, bahkan juga boleh menimbulkan kebencian rakyat terhadap Raja. Tidaklah benar jika dikatakan larangan terhadap mengkritik Raja akan memelihara kemuliaan Raja. Sebenarnya kemuliaan Raja akan tercemar kerana larangan ini.

Dengan kemungkinan Raja menolak nasihat serta bebas daripada teguran dan sebarang tindakan keadilan, maka Raja sebenarnya bukan Raja Berperlembagaan lagi tetapi menjadi Raja mutlak. Sekali lagi Demokrasi Berparlimen tidak wujud kerana tidak ada tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap Raja yang tidak menerima nasihat kerajaan rakyat dan melakukan kesalahan.

Pada tahun 1983, tindakan telah diambil untuk meminda Perlembagaan supaya sekurang-kurangnya kuasa Yang di-Pertuan Agong menolak Rang Undang-undang yang dilulus oleh Parlimen dibatalkan. Usaha ini berjaya tetapi tidak sepenuhnya.Yang diluluskan akhirnya ialah kuasa Yang di-Pertuan Agong menolak Rang Undang-undang Parlimen dikurangkan sedikit dengan mengadakan peruntukan baru bahawa Baginda boleh merujuk balik kepada Parlimen jika Baginda enggan menandatangani Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen. Jika Parlimen meluluskannya sekali lagi, sama ada dengan pindaan ataupun tidak, maka Rang Undang-undang itu akan menjadi undang-undang yang sah dalam jangkamasa 30 hari (Perkara 66(4) Perlembagaan) walaupun tidak ditanda-tangani oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tetapi kelulusan secara ini terhad kepada perkara-perkara yang tidak menyentuh hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan Raja-Raja. Untuk meminda peruntukan Perlembagaan yang menyentuh Raja-Raja, Majlis Raja-Raja perlu memberi persetujuan.

Di peringkat negeri, tidak ada pindaan. dibuat kepada Perlembagaan Negeri. Dengan itu tidak ada undang-undang yang boleh diluluskan tanpa .ditandatangani oleh Raja. Ini bermakna kuasa Raja-Raja di negeri-negeri mengatasi kuasa Dewan-Dewan Undangan Negeri yang mewakili rakyat.

Peruntukan-peruntukan ini tidak menjadi masalah jika tidak ada tentangan pendapat di antara Raja-Raja dengan Dewan-Dewan Undangan, atau tidak ada perbuatan yang salah yang dilakukan oleh Raja-Raja, atau tidak ada adat Melayu yang tidak suka memburukkan hubungan dengan Raja-Raja. Malangnya oleh kerana Menteri-Menteri Besar dan Perdana Menteri adalah orang Melayu yang enggan bermasam muka dengan Raja, maka apabila Raja membuat sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan, tidak ada teguran yang berkesan yang dibuat. Jika ada pun, keengganan Raja mengambil berat akan teguran penasihat-penasihat rasmi ini tidak mendatangkan apa-apa tindakan kepada Raja.

Justeru itu,dalam sejarah Malaysia yang merdeka, tindakan Raja-Raja dan pihak-pihak yang berlindung di belakang Raja yang melampaui hak dan keistimewaan Raja, semakin lama semakin serius. Kemungkinannya ialah ia akan menjadi lebih serius lagi di masa-masa hadapan. Jika tidak ada pindaan undang-undang, seperti yang dicadahgkan ini, tidak syak lagi bahawa perkara-perkara yang lebih buruk akan berlaku yang mana ini akan menyebabkan institusi Raja dibenci oleh

rakyat. Bukanlah mustahil jika satu hari kelak tuntutan dibuat untuk menghapuskan Sistem Beraja sama sekali walau apapun yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Justeru itu, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan mengelak atau menghalang daripada meningkatnya perasaan benci kepada Raja yang boleh membawa kepada tuntutan untuk menghapuskan Sistem Beraja. Pindaan ini adalah untuk menyelamatkan Raja-Raja sendiri dan Sistem Raja Berperlembagaan. Untuk memperkuatkan lagi peruntukan Perlembagaan bagi mengekalkan Sistem Beraja, peruntukan dibuat supaya sebarang syor ataupun cadangan untuk menghapuskan Sistem Beraja akan ditakrif sebagai hasutan dan terlakluk kepada Undang-undang Hasutan.

Pindaan ini tidak menyentuh keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada Raja-Raja. Raja-Raja akan terus bertaraf Raja, dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada Raja dan keluarga Diraja mengikut Perlembagaan dan undang-undang akan diteruskan.

Untuk menentukan sistem Raja Berperlembagaan benar-benar berkesan, maka tiga pindaan perlu dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan. Yang pertama ialah peruntukan Perlembagaan berkenaan dengan kekebalan Raja-Raja daripada sebarang tindakan undang-undang seperti di dalam Fasal (1) Perkara 32 yang mana selepas perkataan "mahkamah" ditambah perkataan "tetapi hanya berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dalam perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan fungsi-fungsinya dibawah mana-mana undang-undang bertulis". Ini bermakna tidak ada tindakan mahkamah yang boleh diambil terhadap Raja dalam menjalankan tugas rasminya.

Kekebalan Raja atau Sovereign Immunity adalah suatu prinsip feudal—satu konsep kononnya 'The King can do no wrong". Mengikut Dr. Hogg dalam bukunya "Liability of the Crown", dengan izin, konsep ini berasas kepada alasan bahawa seorang Raja tidak boleh didakwa dalam mahkamahnya sendiri. Alasan ini sudahlamadipersoaldanditolakolehpakar-pakar undang-undang di Eropah seperti Adams yang merasakan tidak ada keraguan bahawa feudal lords diletak di bawah mahkamah mereka sendiri, dengan izin, "No doubt at all of the subjection of feudal lords to their own courts".

Di bawah Government of India Act 1935, Governor General ataupun Governor adalah kebal hanya semasa melakukan tugas rasmi. Di Amerika Syarikat, tuntutan Presiden Nixon supaya dianya dikecualikan daripada suatu peruntukan undang-undang telah dttolak oleh Supreme Court.

Di England, Queen tidak boleh ditangkap dan penangkapan sesiapa tidak boleh dibuat dalam kawasan istana. Juga dakwaan terhadap Queen tidak boleh di buat dalam mahkamah. Tetapi dalam satu kertas yang membincangkan Constitutional Law of India, di bawah Crown Proceedings Act bagi England peruntukan asal telah dipinda supaya "Civil Proceedings by and against the Crown" boleh dibuat. Dengan ini perbezaan "proceedings" terhadap "Crown" disamakan dengan rakyat.

Di dalam kertas yang sama disebutkan bahawa adalah menjadi, dengan izin, fundamental general rule bahawa "His Majesty cannot sanction any act forbidden by the law". Apabila Baginda tidak boleh sanction, Baginda dengan sendirinya tidak boleh berbuat sesuatu yang salah. Dengan ini, maka "His Majesty is under and not above the laws, (and) that he is bound by them equally with his subjects".

Peruntukan dalam Perlembagaan-perlembagaan Sepanyol, Belgium, Norway, Denmark, Sweden dan Luxembourg, semuanya memberi immunity kepada Raja hanya dalam menjalankan tugas rasmi sebagai Raja. Sebarang kesalahan dalam menjalankan tugas rasmi akan dipikul oleh kerajaan ataupun Menteri.

Tidak ada peruntukan khusus dalam mana-mana Perlembagaan negara-negara Eropah yang memberi immunity kepada Raja apabila melakukan perbuatan yang tidak rasmi, namun Raja-Raja negara-negara berkenaan masih diiktiraf dan berdaulat. Mereka terus menjadi sovereign dan tidak hilang sovereignty mereka. Pendapat bahawa Raja hanya berdaulat jika Raja boleh melakukan jenayah dengan sewenang-wenangnya, tidak disokong oleh amalan-amalan di negara-negara lain di zaman ini. Bahkan di zaman dahulu pun Raja kerap dihukum apabila melakukan kesalahan. Demikian dengan Charles I di England dan Louis XVI di Prance.

Hanya dalam Perlembagaan Malaysia sahaja yang diperuntukkan secara khusus bahawa di bawah Artikel 181(2) bahawa, dengan izin, no proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personal capacity". Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama negara ini, pernah menulis bahawa kekebalan ataupun immunity ini tidak "satisfactory" kerana Raja boleh membunuh tanpa sebarang tindakan terhadapnya. Kesan peruntukan Artikel 181(2) ini amatlah luas.

Oleh kerana Perlembagaan-perlembagaan Persekutuan dan Negeri adalahjuga undang-undang, Artikel 181 (2) sebenamya membenarkan Raja melanggar Perlembagaan. Sebab itu apabila Raja berniaga, walaupun dilarang oleh Perlembagaan, tidak ada apa-apa yang boleh dibuat oleh kerajaan. Yang di-Pertuan Agong juga tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah. Tetapi Majlis Raja-Raja boleh melucutkan jawatannya. Sebaliknya sebagai Raja, Artikel 181(2) akan melindunginya.

Jika Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kekebalan yang diberikan kepada Raja-Raja perlulah dihapuskan. *(Tepuk)* Oleh kerana Perlembagaan di negara-negara yang mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan tidak memberi kekebalan kepada Raja-Raja mereka, maka penghapusan kekebalanRaja-RajaMelayu tidak akan menjejaskan sovereignty atau kedaulatan mereka. Di zaman moden ini, hanya kerana Raja tidak boleh melakukan jenayah dengan sewenang-wenangnya tidak akan menjejaskan taraf Raja, terutama di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Untuk menentukan bahawa penghapusan kekebalan berkesan, dua lagi peruntukan dalam Perlembagaan perlu dipinda. Yang pertama ialah berkenaan dengan peruntukan dalam Artiket 63(2) yang melindungi seseorang yang mengambil bahagian dalam perbahasan di Parlimen atau Jawatankuasa Dewan daripada disoal dalam mahkamah, telah dipinda di bawah Artikel 63(4) jika dianya menyentuh peruntukan Akta Hasutan. Peruntukan ini dibuat pada tahun 1971. Ini bermakna teguran terhadap Raja boleh dibuat sebelum 197L tanpa menjejaskan kedaulatan Raja. Justeru itu membenar semula wakil-wakil rakyat mengkritik Raja yang bersalah tidaklah menidakkan hak atau keistimewaan asli Raja-Raja.

Pindaan Perkara 63 selepas Pasal (4) berbunyi:

"(5) Walau apa pun Fasal (4) tidak seorang pun boleh dikenakan apa-apa proceeding dalam mana-mana

mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan olehnya tentang Yang di-Pertuan Agong dan seseorang Raja semasa mengambil bahagian dalam apa-apa proceeding mana-mana satu Majlis Parlimen ataupun mana-mana Jawatankuasanya kecuali jika ia menganjurkan penghapusan kedudukan Berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Kepala Utama Negara bagi Persekutuan ataupun kedudukan Berperlembagaan Raja sesuatu negeri, mengikut yang mana-mana yang berkenaan".

Perkara 72 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (4) Fasal yang berikut:

"(5) Walau apa pun Fasal (4) tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan olehnya tentang Raja mana-mana negeri semasa mengambil bahagian dalam apa-apa proceeding Dewan Undangan mana-mana Negeri atau mana-mana Jawatankuasannya kecuali jika dia menganjurkan penghapusan kedudukan Raja itu sebagai Raja Berperlembagaan Negeri itu".

Tafsiran yang dibuat mengenai hasutan terhadap Raja dalam Perlembagaan adalah begitu luas sehingga tidak ada apa-apa pun teguran yang boleh dibuat di dalam Parlimen oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan. Dengan itu, media juga tidak berpeluang untuk melapor. Teguran yang boleh dibuat hanyalah oleh Penasihat Raja secara tertutup. Jika teguran ini tidak berkesan, tidak ada apa-apa lain yang boleh dibuat.

Sebenarnya ketiga-tiga Perdana Menteri dahulu, sebagai Penasihat kepada Raja-Raja, telah pun menegur Raja-Raja berkali-kali semasa mereka berkhidmat. Saya tahu teguran ini dibuat kerana perkara ini telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan juga Majlis Tertinggi UMNO berkali-kali.

Allahyarham Tun Hussein Onn semasa menjadi Perdana Menteri pernah dalam ucapan bertulis di suatu Mesyuarat Majlis Raja-Raja, yang dihadiri hanya oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia atau wakil-wakil mereka sahaja, menegur dengan kerasnya perbuatan Raja-Raja yang tidak harus dilakukan.

Tetapi semua teguran ini tidak berkesan. Perkara-perkara yang disentuh terus dilakukan juga, bahkan ditingkatkan. Apa yang tidak pernah dibuat di zaman British dan pada tahun-tahun awalan Malaysia merdeka, dilakukan dengan semakin ketara dan meluas.

Walaupun hampir semua Perdana Menteri dan Menteri Besar melaporkan kepada Majlis Tertinggi UMNO akan masalah yang dihadapi oleh mereka tetapi orang ramai tidak diberitahu. Justeru itu, orang ramai tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh Kerajaan. Sebahagian besar daripada mereka terus percaya bahawa Sistem Raja Berperlembagaan berjalan dengan baik dengan Raja menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan. Hanya sebilangan kecil daripada rakyat yang mengetahui dan mereka ini memang tidak senang hati dengan perbuatan Raja-Raja. Tetapi mereka ini tidak dapat menyuarakan pandangan dan perasaan mereka ini kerana adanya Akta Hasutan.

Akta Hasutan dan peruntukan berkenaan dengan hasutan terhadap Raja-Raja dalam Artikel 63(4) Perlembagaan menghalang rakyat daripada mendapatkan maklumat dan menyuarakan pendapat mereka. Mereka hanya dapat bercakap sesama sendiri sahaja. Pemimpin-pemimpin politik termasuk pemimpin-

pemimpin Kerajaan memang mendengar dan menyedari akan pandangan dan kemarahan sebilangan rakyat yang mengetahui perbuatan Raja. Demikianlah kemarahan mereka sehingga ada, terutama di kalangan generasi muda yang menganggap Sistem Beraja sudah ketinggalan zaman.

Tetapi oleh kerana Akta Hasutan dan larangan terhadap mengkritik Raja, Raja tidak mendengar dan tidak percaya kepada Penasihat mereka apabila maklumat disampaikan berkenaan kegelisahan rakyat. Raja dan keluarga-keluarga Diraja nampaknya berpendapat bahawa semua ini adalah ciptaan Penasihat-penasihat Raja untuk menakutkan Baginda atau untuk merebut hak Raja.

Dalam keadaan ini, Raja bukan sahaja akan meneruskan amalan-amalan yang tidak disenangi atau disukai oleh rakyat tetapi juga akan melakukan perkara-perkara yang lebih dibenci oleh rakyat. Jika trend ini tidak disekat, perasaan rakyat terhadap Raja tentu akan meluap dan menjadi begitu buruk sehingga pada suatu masa nanti rakyat mungkin tidak lagi dapat membendung perasaan mereka. Perasaan yang diluahkan dalam surat-surat kepada akhbar sebenamya sudah lama wujud.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca petikan daripada satu rencana yang dihantarkan kepada akhbar *The Straits Times* pada tahun 1946 oleh seorang tokoh Melayu yang terkemuka, apabila British mencadangkan penubuhan Malayan Union. Tokoh ini kemudian memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan. Rencana ini tidak disiarkan oleh akhbar *The Straits Times* tetapi ia disampaikan kepada saya baru-baru ini oleh penulis.

Penulis ini menyalakan, dengan izin "All intelligent Malay leaders ought now seriously to give most profound and careful thought to the question whether the time has not arrived when the Malay Royalty (I mean the Sultan and Raja) should gracefully withdraw themselves allogether".

Jika pandangan seperti ini sudah ada pada tahun 1946, apakah ia tidak mungkin wujud semula pada tahun 1993 *(Tepuk)* jika Raja-Raja tidak dihalang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini?

Perlindungan dan keistimewaan yang diberi kepada Raja bertujuan meletakkan Raja di tempat yang tinggi dan mulia. Perlindungan dan keistimewaan ini bukanlah untuk membolehkan Raja melakukan apa sahaja termasuk jenayah. Raja yang sedar dan faham akan maksud sebenar peruntukan ini akan sentiasa memelihara daripada mencemar diri dalam perbuatan atau berkelakuan yang tidak baik dan tidak disukai oleh masyarakat. Raja yang sedar akan tahu bahawa perbuatan tidak menghiraukan perasaan dan pandangan masyarakat akan menyebabkan rakyat akhirnya menyingkirkan Raja, bahkan menghapuskan Sistem Beraja. Inilah yang berlaku di negara-negara lain yang sekarang menjadi republik.

Di Malaysia, lindungan yang diberi amatlah tebal. Kekebalan Raja daripada undang-undang dan larangan terhadap teguran, walaupun hanya oleh Ahli-ahli Dewan-Dewan Undangan yang dipertanggungjawabkan uniuk mentadbir negara, mengasingkan Raja daripada dunia sebenar. Dalam keadaan ini, perbuatan dan tingkah laku Raja akan menjadi lebih buruk sepanjang masa. Inilah yang berlaku di Malaysia sekarang.

Justeru itu, adalah penting Ahli-ahli Dewan diberi semula hak menegur Raja dalam perbahasan mereka. *(Tepuk)* Tanpa hak ini, Ahli-ahli Dewan tidak akan

berjaya mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan tidak akan dapat membuktikan bahawa rakyatlah yang berkuasa dalam sistem ini, *(Tepuk)* Tanpa hak ini, yang berkuasa ialah Raja dan bukan rakyat.

Dengan adanya larangan terhadap menegur Raja, Ahli-ahli Dewan sebenamya tidak dapat memelihara Institusi Raja dan Sistem Beraja. Justeru itu, kebebasan Ahli-ahli Dewan berucap dalam Dewan tidak harus disekat oleh Akta Hasutan seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 63(4) dan 72(4). *(Tepuk)* Dengan ditambah Artikel 63(5) dan 72(5) Ahli-ahli Dewan bukan sahaja boleh memelihara kedudukan Raja, tetapi Institusi Raja Berperlembagaan akan dilindungi oleh Perlembagaan secara jelas, kerana disebut di dalam Artikel 63(5) dan 72(5) bahawa pengecualian daripada Akta Hasutan tidak termasuk penganjuran "penghapusan kedudukan Berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Kepala Utama Negara bagi Persekutuan atau kedudukan Berperlembagaan Raja sesuatu negeri".

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang boleh menidakkan penghapusan kekebalan Raja-Raja apabila melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang dalam suatu urusan yang tidak rasmi ialah hak pengampunan Raja seperti yang diperuntukkan dalam Artikel 42. Dengan peruntukan ini, Raja boleh mengampunkan dirinya sendiri jika ia dihukum salah oleh mahkamah setelah kekebalan daripada tindakan undang-undang ditarik balik. Ini bermakna penarikan kekebalan tidak bermakna dan tidak berkesan.

Justeru itu, kerajaan bercadang supaya Perkara 38 dan 42 Perlembagaan Persekutuan dipinda seperti dalam Fasal (2) Perkara 38 dan Pasal (12) Perkara 42 yang terdapat dalam Kertas yang telah diedarkan.

Dengan pindaan ini, Raja tidak boleh mendengar rayuan dan mengampunkan dirinya sendiri. Jika ada Raja ataupun konsortnya yang merayu pengampunan, maka Majlis Raja-Raja akan mendengar dan memutuskan kes berkenaan.

Raja juga tidak boleh mendengar rayuan dan mengampun anaknya. Majlis Raja-Raja akan melantik seorang Raja lain untuk mendengar dan memutuskan rayuan pengampunan anak raja.

Dengan pemansuhan kekebalan Raja-Raja daripada tindakan undang-undang, kecuali ketika mereka menjalankan tugas rasminya, adalah dipercayai Raja tidak akan melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh didakwa di mahkamah. Dengan ini, Raja akan dihormati oleh rakyat.

Pemansuhan sekatan yang dikenakan terhadap Ahli-ahli Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri oleh Akta Hasutan akan mengelakkan Raja-Raja daripada melakukan sebarang perbuatan yang mungkin menarik teguran Ahli-ahli Dewan-dewan berkenaan.

Pemansuhan kuasa mengampun diri sendiri akan menjadikan tindakan undang-undang lebih berkesan.

Tujuan sebenar pindaan-pindaan ini bukankeranakerajaan alaupunrakyat ingin mengheret Raja-Raja ke mahkamah dengan sewenang-wenangnya. Tujuannya ialah supaya Raja-Raja akan menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh mengakibatkan tindakan undang-undang. Oleh itu, Raja akan lebih dihormati.

Harus diingat bahawa penghormatan rakyat terhadap Raja tidak boleh ditentukan oleh undang-undang. Dengan izin, "Respect must be earned". Mengadakan undang-undang yang menakutkan rakyat tidak akan membawa respect. Dengan kesedaran Raja boleh dihadapkan ke mahkamah, Raja tentu akan mengelak daripada melakukan perbuatan yang akan menyebabkan rakyat tidak menghormati Raja. Dengan itu, Institusi Beraja akan lebih dihormati dan lebih berkekalan.

Bagi menguatkan usaha mengekalkan Raja dan Sistem Beraja, sebarang syor ataupun desakan menghapuskan Sistem Beraja adalah ditafsirkan sebagai hasutan dan akan didakwa di bawah Akta Hasutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sedih kerana pada hari ini saya terpaksa mengemukakan kepadaDewan yang mulia ini satu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan yang sedikit sebanyak mencemar nama baik Raja dan Institusi Raja. Dengan hati yang berat saya telah mengemukakan dan mengulas pindaan-pindaan yang dicadangkan ini.

Kerajaan membuat keputusan untuk meminda Perlembagaan bukannya tanpa sebab. Sebenarnya seperti yang telah saya katakan, kerajaan telah mengelak daripada membuat pindaan ini semenjak daripada mula kita mencapai kemerdekaan. Kita mengelak kerana ingin menjaga maruah Raja-Raja. Tetapi pendekatan secara ini tidak meredakan keadaan. Sebaliknya, keadaan menjadi lebih buruk.

Akhirnya dengan berlakunya insiden Raja memukul rakyat dan sebelum ini satu lagi insiden di mana anak Raja juga memukul rakyat, kerajaan tidak dapat memandang ringan kejadian-kejadian ini tanpa menjejaskan kredibiliti kerajaan sebagai pemerintah yang bertanggung jawab. *(Tepuk)*

Kerajaan terpaksa membuat pendirian tegas untuk melindungi rakyat daripada dianiaya oleh Raja..Sudah tentu pendirian ini tidak dibuat keranadua insiden ini sahaja. Sebelum ini terdapat banyak insiden di mana Raja menganiaya rakyat, Raja menyalahi undang-undang civil dan criminal, Raja menyalahgunakan wang serta harta kerajaan dan negara, Raja menekan dan menganiaya pegawai-pegawai.

Insiden di Johor hanyalah dengan izin, "the straw that broke the camel's back". Reaksi rakyat terhadap insiden-insiden ini jelas menunjukkan bahawa rakyat tidak lagi dapat menerima dan "tolerate" perbualan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada orang tertentu yang seolah-olah ingin memberi kuasa dan mempertahankan Raja apabila Raja melakukan jenayah. *(Tepuk)* Mereka cuba memesongkan fikiran rakyat dengan menuduh bahawa kerajaan bercadang menghapuskan Sistem Beraja. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak bercadang sama sekali untuk menghapuskan Sistem Beraja. *(Tepuk)* Ini jelas daripada pindaan yang dikemukakan. Sebarang cadangan untuk menghapuskan Sistem Beraja akan ditafsir sebagai hasutan dan kerajaan akan mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan ke atas sesiapa sahaja yang mengesyor atau bertindak untuk menghapuskan Sistem Beraja. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa rakyat, khususnya orang Melayu menerima dan menyokong Institusi Raja-Raja Melayu. Tuduhan yang dibuat bahawa kerajaan bercadang untuk

menghapuskan Sistem Beraja adalah kerana kepentingan politik sahaja. *(Tepuk)* Kerajaan yang mewakili majoriti orang Melayu dan kaum-kaum lain akan mematuhi kehendak rakyat dan tidak akan melakukan sesuatu yang tidak disukai oleh rakyat. *(Tepuk)*

Oleh kerana jelas majoriti rakyat berbilang kaum di negara ini masih menghendaki Sistem Beraja, khususnya Sistem Raja Berperlembagaan, maka Kerajaan akan menentukan sistem ini dilindungi oleh Perlembagaan. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang berpendapat bahawa Raja Melayu diperlukan untuk melindungi orang Melayu. Peristiwa Perjanjian MacMichael dan Malayan Union jelas membuktikan bahawa yang sanggup dan mampu melindungi orang Melayu ialah orang Melayu sendiri. *(Tepuk)* Jika tidak kerana mereka bangun dan menentang Malayan Union, hari ini orang Melayu akan menjadi pengemis di negeri sendiri. *(Tepuk)*

Percubaan pihak yang cuba menakutkan orang Melayu terhadap pindaan ini adalah kerana mereka ingin menggunakan sentimen kaum untuk kepentingan parti mereka. *(Tepuk)* Sejarah mereka yang pendek tidak boleh meyakinkan kita bahawa mereka ikhlas. *(Tepuk)* Mereka inilah yang telah cuba melemahkan orang Melayu dengan memecahbelahkan UMNO *(Tepuk)* dan mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak tertentu yang diragui oleh orang Melayu. *(Tepuk)*

Apakah dengan hanya menghalang Raja daripada melakukan jenayah, maka Raja akan hilang kedaulatan dan tidak lagi menjadi Raja? Pendapat bahawa Raja hanya boleh menjadi Raja jika ia berhak dan diberi keistimewaan melakukan jenayah adalah bertentangan dengan konsep Raja sebagai punca undang-undang. *(Tepuk)* Di zaman dahulu di Barat, Raja memang mempunyai hak melakukan jenayah. Umpamanya, mengikut kepercayaan kepada konsep, dengan izin, "Droit du seigneur", ataupun "right of the Lord", ataupun Hak yang di-Pertuan, Raja berhak bermalam dahulu dengan semua pengantin baru. *(Ketawa)*

Tetapi di Barat pun, semua hak ini telah dihapuskan. Sebab itu, di negara-negara Barat yang mengekalkan Sistem Beraja tidak ada kekebalan secara khusus bagi Raja. Jika adapun sebutan bahawa Raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah, ini hanyalah formaliti sahaja. Raja, Kerajaan dan rakyat tahu bahawa jika Raja melakukan jenayah, ia akan dihadapkan ke mahkamah dan ia akan diturunkan dari takhta. Justeru itu, Raja di negara Barat tidak akan dengan sengaja melakukan jenayah.

Walaupun jelas Raja-Raja di Barat tidak kebal ataupun immune daripada tindakan undang-undang dan bukan undang-undang, Raja masih tetap juga Raja. Mereka masih dihormati dan disegani.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman British Raja-Raja Melayu bukan sahaja tidak kebal tetapi juga berada di bawah telunjuk pegawai-pegawai British. Mereka boleh dinaikkan ataupun diturunkan dari takhta. Satu daripada ugutan MacMichael supaya Raja menandatangani Perjanjian Malayan Union ialah mereka akan diturunkan dari takhta jika mereka tidak menandatangani perjanjian tersebut.

Dalam keadaan sebegini pun, Raja masih terus menjadi Raja. Rakyat tidak menuntut supaya Raja-Raja disingkir atau Sistem Beraja dihapuskan walaupun Raja-Raja telah menyerahkan Negeri-negeri Melayu kepada penjajah. Sayugia diingatkan bahawa pada masa itu Raja-Raja di Indonesia, India dan Pakistan telah ditolak oleh rakyat yang menuntut kemerdekaan. Sebaliknya rakyat Malaysia, terutama orang Melayu dan UMNO, telah berjuang untuk menyelamatkan Raja-Raja dan Sistem Beraja.

Dengan tindakan orang Melayu melawan Malayan Union adalah jelas bahawa nasib orang Melayu berada di tangan rakyat Melayu. Keselamatan orang Melayu tidak terjejas dengan Raja Melayu tidak memiliki hak untuk melakukan jenayah. Ada pihak yang berkata dengan penghapusanhak Raja melakukan jenayah, makaorang Melayu tidak akan Melayu lagi atau akan habislah keistimewaan kedudukan orang Melayu. Ini tidaklah benar. Ini adalah fitnah. Yang akan menjamin Melayu terus Melayu dan hak-hak orang Melayu terus terpelihara ialah orang Melayu sendiri. Merekalah melalui wakil-wakil dan kerajaan yang mereka pilih yang mencipta dan melaksanakan berbagai-bagai rancangan untuk memelihara dan menebus maruah bangsa Melayu. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, seorang Raja telah menyoal kenapakah Pindaan Perlembagaan ini dikaitkan dengan agama Islam sedangkan kerajaan ini tidak bersetuju dengan perlaksanaan Undang-undang Syarak dan Hudud. Menurut Baginda, Baginda sedia menerima hukum-hukum Islam tanpa immunity, tetapi tidak sanggup menerima undang-undang negara yang dikatakan bukan undang-undang Islam.

Sama ada direstui atau tidak oleh Baginda, kedudukan Raja-Raja Melayu semenjak merdeka ditentukan oleh undang-undang, iaitu Perlembagaan. Undang-undang inilah juga yang memberi keistimewaan-keistimewaan tertentu kepada Raja. Di antara keistimewaan ini ialah immunity daripada tindakan undang-undang. Jika Raja sanggup menerima immunity di bawah undang-undang yang bukan undang-undang Islam, kenapakah penghapusan immunity dalam undang-undang yang sama tidak mahu diterima oleh Raja? *(Tepuk)*

Dalam Islam ada dua prinsip yang dipegang kuat berkenaan dengan undang-undang. Yang pertamanya ialah tidak ada perbezaan antara umat Islam daripada segi penguatkuasaan hukum-hukum Islam. Raja dan rakyat adalah sama sahaja. Immunity bagi Raja adalah bertentangan dengan prinsip ini. Menolak penghapusan immunity supaya dikekalkan perbezaan antara Raja dan rakyat dalam undang-undang tidak mencerminkan pegangan yang kuat kepada prinsip Islam.

Menerima immunity daripada undang-undang yang dikatakan bukan undang-undang Islam, tetapi menolak penghapusan immunity ini dalam undang-undang yang sama amatlah bercanggah dengan dakwaan hanya sanggup menerima undang-undang Islam sahaja.

Islam memberi banyak kelonggaran. Islam mengambil kira segala faktor dan keadaan yang dihadapi oleh umatnya. Demikian dalam menunaikan ibadat pun keadaan alam sekeliling, kesihatan individu dan keadaan semasa diambil kira. Oleh itu, sembahyang boleh dilakukan tanpa gerak badan tertentu, tanpa menghadapi kiblat, didahulukan, dikemudiankan

ataupun dicantumkan, berjemaah ataupun berseorangan. Rakyat Palestin yang dihalau keluar oleh pemerintahan Zionis boleh sembahyang tanpa menanggalkan kasut. Dalam ibadat-ibadat lain kelonggaran juga diberikan. Demikian jugadengan penguatkuasaan hukum Hudud. Keadaan alam sekeliling dan masyarakat perlu diambil kira. Sebab itu tidak banyak negara yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Islam yang melaksanakan hukum Hudud. Yang melaksanakannya pun tidak melaksanakan dengan sepenuhnya.

Kerajaan tidak menolak hukum Hudud. Pelaksanaannya mestilah mengambil kira keadaan negara di mana penduduk Islamnya hanya merupakan 56% dan mereka masih daif dalam berbagai-bagai bidang. Pentadbiran yang menolak kelonggaran yang diberikan oleh Islam sebenarnya tidak mematuhi ajaran Islam. Islam tidak menyuruh orang Islam atau kerajaan Islam melaksanakan hukum Islam secara membuta tuli sehingga boleh membinasakan diri. Sebab itu Nabi menyuruh pengikutnya pergi ke Habsyah untuk menyelamatkan diri. Sebab itu Nabi berhijrah ke Madinah untuk menyelamatkan Islam dan perjuangan Islam.

Jika keadaan mengizinkan, kita akan menguatkuasakan hukum Hudud. Tetapi janganlah sementara kita menunggu hukum Hudud dilaksanakan, kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Sebenarnya jenayah yang dilarang dalam undang-undang negara ini adalah juga yang dilarang oleh agama Islam. Apakah Raja berkenaan mahu kebebasan melakukan jenayah hanya kerana kita belum boleh melaksanakan hukum Hudud yang melarang jenayah yang sama? *(Ketawa)*

Prinsip yang kedua ialah tidak ada kekebalan dalam Islam. Semua hukum adalah untuk semua umat. Raja yang mahu dirinya kebal daripada undang-undang sudah tentu menentang prinsip Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menyentuh mengenai masalah menasihati Raja. Seperti yang telah saya sebutkan, Raja dikehendaki menerima nasihat kerajaan. Di negara-negara lain di mana Sistem Beraja masih wujud, walaupun tidak ada peruntukan khusus bahawa Raja bertindak mengikut nasihat kerajaan, namun Raja tidak pernah bertindak bertentangandengannasihatkerajaan.Oleh itu, perhubungan di antara Raja dengan kerajaan yang mewakili rakyat tetap baik. Lebih daripada itu, di negara-negara ini Raja dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat.

Malangnya, di Malaysia walaupun ada peruntukan bahawa Raja harus bertindak mengikut nasihat Kerajaan, tetapi pihak Raja memegang kepada tafsiran nasihat yang diterima umum—iaitu nasihat boleh diterima ataupun ditolak. Tafsiran ini adalah salah. Dalam pada itu, ada pula perkara tertentu yang Raja menganggap ianya tidak perlu diberi nasihat. Dengan inl banyaklah perkara yang dilakukan yang bertentangan dengan kerajaan yang mewakili rakyat.

Masalah yang dihadapi hari ini berpunca daripada pendapat bahawa Raja boleh membelakangkan kerajaan rakyat. Tindakan curang yang berlaku adalah kerana nasihat tidak dihiraukan. Tidak adanya persetujuan terhadap pindaan ini juga berpunca daripada keengganan Raja menerima nasihat.

Jika ini berterusan, maka kerajaan Demokrasi Berparlimen tidak dapat wujud sepenuhnya dan sebenarnya. Inilah

sebabnya kerajaan membawa pindaan ini kepada Dewan. Jika proses ini dipertikaikan, maka keputusan boleh dibuat oleh mahkamah. Sebagai kerajaan yang berpegang teguh kepada, dengan izin, "rule of law", kita akan patuh kepada keputusan mahkamah. Di masa yang sama, perkara ini tidak harus dilihat daripada sudut undang-undang sahaja. la perlu dilihat daripada sudut politik juga.

Di waktu Raja menyerahkan Negeri-negeri Melayu kepada British, rakyat mengambil tindakan politik untuk mendapatkan balik Negeri-negeri Melayu dan mengekalkan Institusi Raja. Walaupun daripada segi undang-undang rakyat tidak berhak kerana semua perjanjian dibuat antara British dan Raja sahaja, pihak British menghormati tindakan politik rakyat.

Saya berharap Raja-Raja Melayu juga akan mengambil iktibar daripada sejarah negara, khususnya sejarah Malayan Union dan menerima kehendak politik negara. Walaupun tanda-tanda menunjukkan bahawa Raja-Raja tidak menerima pindaan ini, saya berharap selepas pindaan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Raja-Raja Melayu akan menerima dan meluluskan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *(Tepuk)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.Tanjong. *(Tepuk)*

*340ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya kembali ke Parlimen *(Tepuk)* setelah digantung kerja dengan sewenang-wenangnya *(Ketawa) (Tepuk)* dan tidak dapat menghadiri sidang Parlimen selama 8 hulan akibat penyalahgunaan kuasa yang tidak segan-silu oleh majoriti dalam Parlimen. *(Tepuk)*

Saya kembali ke Parlimen pada waktu dan saat yang amat tepat sekali, kerana Parlimen sedang mengadakan sidang khas untuk membahaskan perkara penting berkenaan penyalahgunaan dan melampaui kuasa. Dalam kes ini, adalah berkaitan dengan Raja-Raja. Kita mesti menyedari hakikat dengan sepenuhnya dalam perbahasan kita bahawa keperluan untuk mengadakan kawalselia yang sesuai dan berkesan ke atas segala bentuk penyalahgunaan kuasa, bukan hanya terhad kepada Raja-Raja sahaja *(Tepuk)* tetapi juga ke atas pemimpin-pemimpin politik yang berkuasa hari ini *(Tepuk)* dan ke atas institusi penting dalam masyarakat kita, seperti Parlimen, kerajaan, media massa dan sebagainya. *(Tepuk)*

Semasa kita membahaskan soal kekebalan Raja-Raja tentang bagaimana mendemokratikkan sistem Raja Berperlembagaan untuk memastikan Raja-Raja bertanggungjawab dan Demokrasi Berparlimen, kita lidak boleh membenarkan pemimpin-pemimpin kerajaan menikmati kekebalan *(Tepuk)* yang membebaskan mereka daripada sebarang akauntabiliti awam sebagaimana yang dipamerkan oleh berbagai skandal yang tidak diselesaikan dalam negara ini. *(Tepuk)* Dan begitu juga dengan undang-undang yang memberikan kekebalan kepada kerajaan untuk mencabuli kebebasan

demokratik dan hak-hak asasi manusia rakyat Malaysia, *(Tepuk)* seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri *(Tepuk),* Akta Rahsia Rasmi *(Tepuk),* Akta Percetakan dan Penerbitan dan lain-lain lagi. *(Tepuk)*

Sebagaimana hakikatnya baru-baru ini, saya telah menjadi mangsa kepada penyalahgunaan dan melampaui kuasa sedemikian yang dilakukan oleh Parlimen sendiri apabila saya cuba membongkar dan meneruskan siasatan ke atas skandal perampasan saham Telekom MAIKA *(Tepuk)* pada bulan Mei lalu. Rakan saya, Yang Berhormat dari Jelutong telah menjadi mangsa kepada penyalahgunaan dan melampaui kuasa Parlimen yang serupa apabila pada 5hb November, 1984 beliau cuba menarik perhatian Parlimen ke atas penyalahgunaan kuasa dan melampaui kuasa Diraja yang melibatkan Sultan Johor. Jika Kerajaan telah mengambil perhatian yang serius ke atas apa yang cuba dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong di Dewan Rakyat pada 8 tahun yang lalu, maka tentu sekali peristiwa Douglas Gomez dan banyak lagi peristiwa-peristiwa yang mengecewakan, yang melibatkan salah laku kerabat Diraja mencabuli kemurnian hak rakyat Malaysia, tidak akan berlaku dalam 8 tahun ini. *(Tepuk)* Tetapi sebaliknya, Yang Berhormat dari Jelutong telah menjadi mangsa dan dihukum oleh kuasa majoriti Barisan Nasional di Parlimen dan beliau digantung kerja sehingga akhir sesi, melainkan beliau memohon maaf kerana menyatakan kebenaran. *(Tepuk)* Penggantungan ini berlanjut selama 20 bulan. Nyata sekali Parlimen dan Kerajaan perlu meminta maaf kepada Yang Berhormat dari Jelutong *(Tepuk)* kerana mengenakan hukuman ke atas beliau pada 1984.

DAP telah menyatakan pendirian kami yang begitu jelas dan nyata dalam soal salah laku Diraja, sebagaimana yang ditunjukkan oleh sokongan penuh Ahli-ahti Parlimen kami kepada Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat pada 10hb Disember. Saya ingin menegaskan 3 prinsip DAP di atas soal salah laku Diraja:

(i) bahawa tidak ada Raja yang terletak di atas undang-undang yang berkuasa untuk melakukan kesalahan jenayah alau sivil;

(ii) setiap individu yang tersinggung oleh salah laku harus dapat menuntut pembetulan (redress) dan memperolehi keadilan; dan

(iii) bahawa Kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mempertahankan keluhuran undang-undang (The Rule of Law) dan memberikan perlindungan nyawa dan harta benda kepada setiap individu dalam negara ini.

Berdasarkan 3 prinsip ini, DAP pada umumnya menyokong cadangan cadangan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan 1993 bagi menghapuskan kekebalan persendirian Raja-Raja. Oleh kerana Ahli-ahli Parlimen telah berikrar untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan, maka adalah tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini adalah dibentang dan diluluskan menurut peruntukan Perlembagaan atau setelah mengambil segala usaha yang patut untuk melaksanakan Perlembagaan.

Fasal 38(4) memperuntukkan bahawa tiada apa-apa undang-undang. yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja. Terdapat kontroversi dalam soal pada peringkat proses perundangan yang manakah persetujuan Majlis Raja-Raja mesti diperolehi dalam kes demikian, sama ada sebelum ianya dibentang dan diluluskan oleh Parlimen atau sebelum ianya diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghujahkan bahawa persetujuan Majlis Raja-Raja tidak perlu diperolehi sebelum ianya diluluskan oleh Parlimen kerana pada masa itu ianya hanyalah Rang Undang-undang dan belum menjadi undang-undang lagi, tetapi Peguam Negara secara terbuka menyatakan bahawa Kerajaan harus memperolehi persetujuan Majlis Raja-Raja sebelum membentangkan Rang Undang-undang sedemikian di Parlimen.

Maksud biasa Fasal 38(4) mestilah bererti bahawa persetujuan Majlis Raja-Raja harus diperolehi untuk Rang Undang-undang sedemikian sebelum ianya diluluskan oleh Parlimen bagi mengelakkan kebuntuan dan krisis Perlembagaan. Kini fakta yang paling penting ialah Majlis Raja-Raja yang telah pun dipersembahkan dengan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan 1993 ini dan ia telah bermesyuarat beberapa kali mengenainya tidak perkenankan Rang Undang-undang tersebut.

Persoalan yang timbul ialah memandangkan kepada hakikat ini sama ada patut dan sah dari segi Perlembagaan bagi Parlimen untuk meneruskan dengan kelulusan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini ataupun sama ada usaha-usaha lanjut perlu dibuat untuk merumuskan satu formula di mana persetujuan Majlis Raja-Raja diperolehi bagi sebuah Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan yang akan mempertahankan prinsip bahawa tiada Raja yang mengatasi undang-undang atau boleh melakukan kesalahan-kesalahan jenayah atau sivil dan bahawa setiap individu yang terkilan dapat menuntut serta memperolehi keadilan.

Apakah kita telah sampai ke penghujung jalan, the end of the road, di mana tiada sebarang kemungkinan langsung dalam lingkungan Perlembagaan yang wujud kini, untuk memperolehi persetujuan Raja-Raja terhadap pindaan kepada Perlembagaan untuk mempertahankan kedua-dua prinsip ini?

Saya tidak fikir begitu kerana saya tidak percaya Raja-Raja akan mendakwa mereka berhak melakukan kesalahan-kesatahan jenayah atau sivil dan bahawa orang yang terkilan tidak berhak untuk menuntut serta memperolehi keadilan.

Saya baru mendapat satu salinan kenyataan yang ada dibuat atas nama Majlis Raja-Raja yang mengukuhkan kepercayaan saya dan ada dua tiga perenggan yang saya mahu sebut, dengan izin:

"The Conference of Rulers has unanimously decided that il is not in a position at this state to give its consent on certain proposals in the original Bill and to the subsequent amendment thereto without further deliberation and consultation with the Govemment".

Dan lagi:

"Bearing in mind the complex constitutional structure in Malaysia, the Conference of Rulers considers it only desirable that a more detailed study of the principles and the mechanisms involved in the proposed amendments incorporated in the Bill be made".

Dan lagi satu perenggan:

"No Ruler has the right to hurt or cause harm to another person. The Conference of Rulers agrees to the formation of an effective mechanism to hear the rakyat's grievances against them. Il is in total agreement with the view thal there cannot be two systems of justice in the country."

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab inilah saya telah memberi pemberitahu, bahawa saya akan mencadangkan satu Usul supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali keduanya untuk menimbang bagaimana satu formula dapat dirumuskan untuk mempertahankan kedua-dua prinsip ini, yang boleh mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja.

Kerajaan telah gagal untuk mencapai satu persetujuan satu accord dengan Raja-Raja untuk mempertahankan kedua-dua prinsip ini di dalam undang-undang dan Perlembagaan kita dan disebabkan itu. maka biarlah Parlimen berusaha mencapai satu persetujuan dengan Raja-Raja.

Raja-Raja hendaklah akur kepada kehendak demokralik rakyat, yakni tiada Raja yang mengatasi undang-undang sehingga melakukan kesalahan-kesaiahan jenayah atau sivil dan bahawa setiap individu yang terkilan harus dibenarkan menuntut serta memperolehi keadilan.

Tiada sebarang keraguan bahawa dalam negara kita yang demokratik, kemahuan hasrat rakyat akan mengatasi segala-galanya. Akan tetapi sebelum Kerajaan dan Parlimen mengorak langkah yang mungkin membawa negara ini ke suatu arah yang tidak diperuntukkan di dalam Perlembagaan, maka segala usaha untuk menggunakan Perlembagaan yang wujud kini harus dilakukan.

"Sekiranya Perlembagaan semasa ini dibuktikan sebagai, dengan izin, unworkable untuk memenuhi kehendak rakyat, maka negara kita terpaksa menghadapi satu scenario yang lain.

Atas sebab itu, sungguhpun kita supportive cadangan-cadangan dalam Rang Undang-undang, kita rasa tidak wajar dan bijaksana pada saat ini Rang Undang-undang ini diluluskan. Sebelum saya kemukakan Usul sekarang, saya mahu membuatsatuteguranmengenaisebahagian ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungguhpun ini bukanlah tajuk perbahasan hari ini, tetapi oleh kerana ada disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan oleh kerana perkara ini satu perkara yang penting saya rasa tidak boleh dibiarkan begitu.

Tadi ada satu pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan ini, Kerajaan BarisanNasionalyangterdiri dari berbagai-bagai parti komponen, berhasrat untuk mengadakan hukum Hudud pada satu masa yang sesuai. *(Ketawa)* Saya rasa itu adalah satu pengumuman yang akan memeranjatkan rakyat jelata *(Tepuk)* dan saya rasa untuk tujuan politik satu pengumuman begitu dibuat sangat tidak bertanggungjawab. Khasnya, adakah ini menjadi satu dasar baru Kerajaan yang mewakili semua parti-parti komponen dalam Barisan Nasional, bukan sahaja UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan semua yang lain?

Seperti saya kata, saya tidak mahu masuk dalam tajuk ini, tetapi untuk mencatatkan protes kita mengenai digresion ini, dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mencadangkan—saya ada memberi notis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tunggu pada masa saya kemukakan Bacaan Kali Kedua...

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum ia dibaca?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sebelum dibaca.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum diundikan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gua Musang.

*357 ptg.*

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang):** Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan negara kita adalah unik kerana ia dihasilkan melalui perjuangan dan perjanjian, iaitu perjuangan orang Melayu menolak Malayan Union, dan perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan.

Penolakan Malayan Union melahirkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan perjuangan kemerdekaan menghasilkan Perjanjian Kemerdekaan 1957. Inilah uniknya Perlembagaan kita. Ia bukan sekadar sebuah dokumen mengenai peraturan dan cara pengendalian sebuah negara, tetapi yang lebih penting lagi ia merupakan asas kontrak sosial antara perbagai komponen yang saling berkaitan dalam negara kita. Kontrak sosial itu ialah antara orang Melayu sebagai kaum pribumi dengan kaum pendatang, antara Raja dan rakyatnya dan antara negeri-negeri yang berdaulat dengan Persekutuan. Masing-masing diberikan jaminan haknya sebagai timbal balas kepada kerelaan mereka melepaskan sebagian daripada haknya yang lain.

Orang Melayu mendapat hak keistimewaan orang Melayu, jaminan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, tanah rezab Melayu dan hak-hak yang lain. Orang bukan Melayu mendapat jaminan hak mengamalkan adat resam, bahasa dan agama masing-masing, di samping hak mereka yang terpenting sekali iaitu hak kewarganegaraan untuk berkongsi hidup sebagai rakyat di bumi bertuah ini.

Negeri-negeri Melayu yang menyertai Persekutuanjugadijaminkedudukannyadi dalam Persekutuan, manakala Raja-Raja Melayu pula dijamin kedaulatan dan hak-hak kedaulatan atas dirinya sebagai tanda terima kasih rakyat atas perkenan Baginda-baginda melepaskan banyak hak-haknya yang lain dalam Sistem Raja Beperlembagaan. Rakyat menerima Raja yang berdaulat sebagai payung keadilan, ketua agama Islam, pendukung adat istiadat orang Melayu, simbol ketuanan Melayu dan pemelihara keadilan bagi masyarakat berbilang kaum. Perihal pentingnya kedudukan kedaulatan Raja-Raja Melayu ini dicerminkan melalui susunan Perlembagaan itu sendiri.

Perkara 181(1) dan 181(2) yang berada di bawah Klausa, dengan izin, "saving for Rulers' sovereigny, etc." adalah terletak di bahagian paling terakhir Perlembagaan kita. Inilah klausa penamat yang menjadi kesimpulan kepada keseluruhan isi kandungan karya besar yang bernama "Perlembagaan Malaysia" ini. Perkara 181(2) mengenai Immunity Raja-Raja adalah manifestasi terpenting kepada Konsep Kedaulatan Institusi itu. Konsep Kedaulatan Instltusi itulah yang menjadi tiang seri kepada kekukuhan Perlembagaan negara ini. Keharmonian antara berbagai pihak di negara ini akan terus kukuh selagi rakyatnya rela bertolak ansur. Berakomodasi dan saling menghormati perjanjian yang dibuat oleh mereka yang terdahulu. Sebab itulah sehingga kini, kita boleh berbangga Malaysia, walaupun masyarakatnya yang berbagai keturunan dan agama, kita boleh terus hidup dalam rukun dan damai.

Sejarah keharmonian ini pernah dicacatkan oleh tragedi 13hb Mei, 1969 iaitu 21 tahun setelah Perjanjian 1948. Perbezaan taraf ekonomi antara kaum mencetuskan perasaan marah hingga ada yang mengungkit perjanjian terdahulu. Ini termasuk membangkitkan soal kewarganegaraan, mencaci Raja-Raja Melayu dan mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu. Sebab itulah selepas tragedi hitam itu, rakyat terpaksa diingatkan kembali perjanjian asal tadi dan diberi amalan demi kestabilan kemakmuran negara, jangan sesiapa pun membangkitkan lagi soal hak keistimewaan orang Melayu, soal kedudukan bahasa Melayu dan soal kedudukan Institusi Raja-Raja Melayu bahkan kepada orang Melayu sendiri, mereka diingatkan jangan sama sekali membangkitkan soal hak kerakyatan kaum bukan Melayu. Ini adalah persetujuan asal yang tidak boleh dibangkitkan lagi.

Kebebasan bersuara yang terjamin dalam Perlembagaan bukannya untuk memaki hamun sesiapa sahaja tanpa mengambil kira soal sensitiviti perasaan rakyat yang berbilang kaum. Sehab itulah dalam tahun 1971, Perlembagaan Persekutuan dipinda dan dimasukkan ke Perkara 63(2) yang melarang sesiapa sahaja, termasuk di Dewan yang mulia Jni membangkitkan perkara-perkara yang disifatkan sensitif oleh Akta Hasutan. Ini termasuklah soal yang menyentuh kedudukan dan kemuliaan martabat Raja-Raja Melayu,

Bagi mengelakkan peristiwa pahit tadi berulang lagi, kita memberi kunci amanah kestabilan negara kepada Institusi Raja-Raja Melayu. Saya mengulangi, "Kita memberi kunci amanah kestabilan negara kepada Institusi Raja-Raja Melayu yang berdaulat untuk menyimpan bukan kepada Ahli-ahli Politik". Amanah itu ialah Perkara 159(5), Perlembagaan Persekutuan. Antara lainnya, Perkara 159(5) ini menyatakan: "Bahagian III, Perlembagaan kita mengenai hak kewarganegaraan. Perkara 38 mengenai kedudukan Raja-Raja Melayu. Pekara 152 mengenai kedudukan bahasa Melayu dan Perkara 153 mengenai hak keistimewaan orang Melayu tidak boleh dipinda melainkan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu". Inilah amanah besar keharmonian negara yang tidak boleh diubah oleh kuasa majoriti 2/3 di Dewan Rakyat tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja Metayu.

Maka inilah peranan paling unik dan terbesar yang diamanahkan kepada Institusi Raja-Raja Melayu kita. la bukannya sekadar simbol kepada sejarah peradaban bangsa kita tetapi sebagai pemegang amanah kepada masa depan kestabilan negara yang dicintai ini. Jangan melihat Raja-Raja Melayu dari segi individunya—benar sembilan orang individu yang bergelar "Raja" mungkin tidak banyak menentukan masa depan kita. Tetapi sebuah institusi besar yang mengandungi 9 buah Institusi Raja-Raja Melayu tetap besar maknanya dalam melindungi amanah tadi. Malangnya, sekali lagi, selepas 21 tahun, kita bersetuju dengan peraturan-peraturan tadi. Nampaknya, sejarah mula dilupakan. Rakyat secara terbuka digalakkan memaki hamun Raja-Raja ini, terutamanya dalam media massa kita.

Cadangan Perkara 63(5) mengenai Akta Hasutan hanya akan menjadikan Parlimen gelanggang dan menceca Raja-Raja Melayu. Kita bimbang kalau ia diteruskan luka sejarah pahit tahun 1969 akan terbuka kembali. Klausa yang melarang Ahli-ahli Parlimen menganjurkan penghapusan Sistem Raja Berperlembagaan tidak menjamin yang orang tidak akan berbuat demikian.

Hari ini terbukti undang-undang yang ada tidak lebih daripada sekeping kertas yang boleh dicampak ke tepi. Di saat Akta

Hasutan yang ada masih berkuatkuasa pun, rakyat sudah menyaksikan "Pesta Memaki Hamun Raja-Raja Melayu berlangsung setiap hari tanpa sebarang tindakan diambil". Bahkan kita ingin bertanya tidakkah Rang Undang-undang Pindaan di depan kita ini pun sudah melanggar Akta Hasutan yang sedia ada? Apakah di saat kita menghapuskan Immunity Raja-Raja, kita Ahli-ahli Parlimen menambahkan pula immunity kita. Siapakah yang lebih kebal hingga melanggar undang-undang yang ada sesuka hatinya?

Saya akui Perlembagaan kita adalah ciptaan manusia yang tidak statik dan boleh berubah menurut peredaran masa. Namun, sebagai manusia bertamadun, kita juga mesti mempertahankan perjanjian yang telah kita buat. Kita tidak boleh mengubah apa-apa perjanjian menurut selera kita. Apatah lagi di pihak yang lain, mereka tidak bersedia merombak perjanjian itu. Kami akui di pihak Raja-Raja sendiri, mereka tidak boleh menyalahgunakan kedudukan mereka untuk melakukan apa sahaja sehingga menjejaskan martabat mereka sebagai pemelihara institusi itu dan juga sebagai ketua agama lslam.Kami juga sama sekali tidak boleh menerima peribadi laku mana-mana Raja yang melakukan kesalahan sivil ataupun jenayah. Sesungguhnya, pendapat kami ini tidak berbeza dengan pendapat orang lain dan pendapat umum.

Namun begitu, kami merayu supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membezakan antara individu Raja dan Institusi Raja-Raja. Jangan kerana kesalahan seorang dua individu orang Raja maka seluruh institusi hendak dirombak. Mari kita selesaikan masalah individu berkenaan dengan cara kita sendiri iaitu cara orang Melayu mengikut adat Melayu ataupun mari kita fikirkan suatu mekanisme dalaman yang boleh memberi peluang kepada Majlis Raja-Raja Melayu membuktikan kesanggupan mereka memuliakan .martabat institusi ini. Ini termasuk menurunkan mana-mana Raja yang tidak berperilaku baik dari takhtanya. Setelah itu, barulah ia dikemukakan ke muka pengadilan sebagai rakyat biasa.

Cadangan pindaan yang dibentang ini adalah terlalu drastik. Kita tidak perlu membunuh seekor lalat dengan menggunakan meriam besar. *(Diganggu)* Pindaan *(Tepuk)* 181(2) dan timbulnya Perkara 181(3) bukanlah sekadar memungkiri perjanjian awal kita dengan Raja-Raja Melayu. Bahkan ia turut merombak falsafah asas Perlembagaan negara kita. Penutup kepada karya besar ini bukan lagi disimpulkan dengan suatu simbol yang menjadi lambang kedaulatan Raja-Raja Melayu tetapi diubah kepada suatu penyataan bahawa negara ini ada Raja tetapi Raja kita tidak berdaulat lagi.

Raja-Raja Melayu kini boleh disaman, digari,dilokapdandipenjarakantetapiboleh kembali ke istana dan menjadi raja. Bahkan Perkara 181(3) yang dicadangkan itu menurunkan martabat istana kepada sebuah banglo biasa yang boleh diserbu oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa. Nampaknya rakyat biasa pun tidak diletakkan kepada kedudukan serendah ini dalam Perlembagaan Negara. Cadangan pindaan kepada Perkara 32(1) yang turut mencabut immunity Yang di-Pertuan Agong meletakkan Ketua Negara kita kepada kedudukan yang amat janggal. la bertentangan dengan konsep universal yang selama ini diterima oleh seluruh dunia. Simbol negara yang berdaulat ialah Ketua Negaranya yang berdaulat. Simbol kedaulatan itu ialah kepada immunitinya. Lihatlah di keliling kita Presiden Singapura, Raja Thailand,Presiden Indonesia dan jauh sedikit Presiden Amerika Syarikat, semuanya diberikan immunity oleh Perlembagaan negara. masing-masing. Kenapa hanya kita sahaja yang nampaknya ingin sangat berbeza daripada orang lain.

Di negara kita tidak ada seorang raja Malaysia, yang ada ialah Raja-RajaMelayu yang mendapat kedaulatan dari negeri masing-masing. Jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan negeri-negeri dan kedaulatannya terkandung dalam Perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan. Cadangan menghapuskan kedaulatan Raja negeri-negeri kita adalah pencabulan kepada perjanjian asal Persekutuan Tanah Melayu. Kalau kita tidak menghormati perjanjian yang dibuat oleh orang sebelum kita, maka semua perjanjian kita hari ini juga, boleh dilanggar oleh orang lain.

Majlis Raja-Raja Melayu yang bersidang pada hari ini telah menyatakan pendiriannya menolak cadangan pindaan ini. Perkara 38(4) Perlembagaan Negara jelas menyebut tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja, boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja. Meneruskan rancangan meminda Perlembagaan ini jelas bertentangan dengan perkara tersebut dan sebarang persetujuan kepada cadangan ini adalah mencabul Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang terunggul di negara ini.

Di negara ini Parlimen tidak unggul, yang unggul ialah Perlembagaan. Struktur Parlimen kita pula mengandungi 3 komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kini salah satu daripada komponen berkenaan telah menyatakan pendiriannya menolak cadangan ini menurut Perkara 38(4). Apakah kita ingin bertindak melampaui struktur ini? Jangan kita meletakkan diri kita di atas Perlembagaan atas alasan untuk membetulkan undang-undang.

Sekiranya kita meneruskan juga rancangan meminda Perlembagaan ini dengan membelakangkan Majlis Raja-Raja Melayu, kita bukan sekadar melanggar Perkara 38(4),tetapi juga mencabul Perkara 159(5) Perlembagaan kita. Kalau hari ini kita melanggar Perkara 159(5) untuk meminda Perlembagaan yang menjejaskan kedaulatan Raja-Raja, besok tidak ada jaminan yang orang lain itu tidak boleh membuang kedudukan bahasa Melayu, hak keistimewaan orang Melayu dan juga hak kewarganegaraan orang bukan Melayu dari Perlembagaan Negara dengan cara yang sama.

Semua perkara yang hendak dipinda ini boleh dibuat sekiranya mendapat persetujuan daripada MajIis Raja-Raja kita. Sekiranya mereka menolak, kita mesti akur kepada keputusan ini. Bagi orang-orang Melayu kalau mereka sendiri tidak menghormati Raja mereka, siapa lagi yang diharapkan berbuat demikian. Maka dengan itu, kami merayu kepada pihak kerajaan dan semua pihak, janganlah berkonfrantasi dengan Raja-Raja kita. Jangan tutup pintu perundingan, berundinglah dengan mereka. *(Tepuk)* Selesaikanlah masalah ini sebaik-baiknya. Jangan terburu-buru kerana masa tetap ada. Raja-Raja kita tidak ke mana-mana dan saya percaya mereka sentiasa membuka pintu perundingan. Rakyat tidak boleh menerima perbuatan menghina Perlembagaan Negara dan Institusi Raja-Raja Melayu sebagaimana yang dilakukan hari ini. Ingin saya mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini sebarang usaha yang mencabul keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang akhimya akan membawa kepada kehancuran masyarakat dan negara kita.

Dengan penjelasan ini, kami tidak lagi dapat mengambil bahagian seterusnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Marang.

*(Semua Ahli-ahli Semangat 46 keluar Dewan)*

*4.16ptg.*

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita menempa sejarah kepada negara tercinta demi mencapai suatu matlamat di mana baik dan buruknya terpulang kepada keikhlasan dan keberanian kita, membuat reformasi secara berani dan tegas, menghapuskan perkara-perkara negatif kepada kepentingan negara dan rukun-rukunnya, yang merangkumi segala aspek agama, Perlembagaan, Raja, Jemaah Menteri dan seterusnya rakyat di semua peringkat. Perubahan yang ikhlas dilakukan bukan kerana ingin merampas kuasa atau membolot kuasa, tetapi mestilah kerana mempelajari dari kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan yang berlaku.

Hari ini kita membahas Rang Undang-undang yang berkaitan dengan Raja-Raja, pengampunan dan kebebasan untuk mengkritik sesiapa sahaja, menyedarkan kita betapa lemahnya undang-undang manusia atau undang-undang ciptaan mereka dan mestilah merempuh segala halangan walaupun daripada Perlembagaan sendiri. Sekiranya ada, kerana ingin membuat sesuatu yang lebih penting daripada segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Islam Se-Malaysia (PAS),kami menyetujui sebarang perubahan kepada yang lebih baik walaupun oleh sesiapa dan tetap menghalang sebarang perubahan ke arah keburukan, kejahatan dan kezaliman dari sesiapa sahaja. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

> "Bertolong menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bertolong-menolong dalam perkara kejahatan dan permusuhan".

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Hai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang bangun menegakkan keadilan kerana Allah dan janganlah mengheretkan kamu oleh rasa permusuhan dengan sesuatu kaum itu sehingga kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana ia lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan".

Tuan Yang di-Pertua, Islam dari Allah S.W.T. meletakkan salah satu daripada kewajipan manusia di atas muka bumi ini ialah mewujudkan pemerintahan. Wajib ada yang memimpin dan mentadbir urusan manusia dengan baik dan adil, dan mengakui wujudnya pemimpin sama ada yang dinamakan Raja dan apa sahaja nama-nama di dalam pemerintahan, dengan syarat melaksanakan kewajipan dan tugas-tugas dengan baik. Semua Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh Allah menentang adanya mereka yang meletakkan diri berkuasa seperti Tuhan, sama ada Raja yang berkuasa mutlak yang dikecualikan daripada tindakan undang-undang, immunity atau kuasa rakyat secara mutlak berdasarkan slogan demokrasi Greek, suara rakyat suara Tuhan atau suara keramat. Semuanya dianggap syirik kerana semua manusia sama ada Raja, pemimpin dan rakyat di semua peringkat adalah hamba-hamba kepada Tuhan, dan semua mereka adalah manusia daripada keturunan Adam yang dicipta daripada tanah.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Wahai manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain; sesungguhnya yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, "Kamu semua dari Adam, dan Adam dicipta dari tanah; tiada kelebihan di antara orang Arab dengan orang bukan Arab, di antara yang berkulit putih dan yang berkulit hitam, melainkan dengan takwa". Sabdanya lagi: Manusia itu sama sahaja laksana gigi sikat. Islam mengakui terdapat perbezaan pangkat, kebijaksanaan dan harta benda di kalangan manusia. Ada orang yang menjadi Raja, yang menjadi pemimpin, yang menjadi Perdana Menteri, yang menjadi Menteri, yang bijaksana, yang bodoh, yang kaya, yang miskin. Ini merupakan perkara yang berlaku di kalangan manusia.

Sebagaimana ditegaskan oleh Tuhan dalam firman-Nya bermaksud, "Kami telah menentukan di antara mereka penghidupan mereka dalam kehidupan dunia, dan Kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat agar sebahagian mereka dapat menggunakan sebahagian yang lain, dan rahmat Tuhanmu lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan". Tetapi Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana bijak sekalipun kuasa dalam pemerintahan yang bernama manusia itu sama ada Raja ataupun Menteri, ataupun pakar-pakar cendekiawan ataupun "cendawan" tetap mempunyai kelemahan-kelemahan dan kesilapan yang mesti dikawal dengan peraturan dan undang-undang. Begitu juga rakyat, walaupun di atas nama majoriti, melalui Ahli-ahli Parlimen, kerana mereka yang dipilih oleh bermacam-macam pengundi. Ada pengundi-pengundi di kalangan intelektual, dan ada juga pengundi-pengundi yang boleh dibeli dengan nasi kandarPulau Pinang, *(Ketawa)* yang boieh dibeli dengan nasi bungkus Terengganu, nasi kerabu Kelantan, kain pelikat, kain batik dan pengundi-pengundi hantu. *(Ketawa)*

Tuan Yangdi-Pertua, untuk memelihara dan menghormati Raja menurut Islam, bukannya dengan immunity. Immunity bercanggah dengan ajaran Islam. Dengan immunity,kelemahan-kelemahannyatidak boleh diatasi. Kesalahannya sebagai manusia tidak boleh dibendung. Bahkan immunity juga melahirkan pengampu-pengampu yang jahat, bertindak dan berlagak lebih daripada Raja, dan merosakkan Raja untuk menghormati Raja, dan mempertahannya ialah dengan peribadi dan akhlak yang mulia oleh Raja itu sendiri dan melalui keadilan undang-undang yang ditegakkan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T. telah menunjukkan teladan di dalam Al-Quranul-Karim melalui kisah Bani Israel apabila mereka meminta Nabi mereka memohon Allah melantik untuk mereka seorang Raja yang memimpin mereka. Cerita ini disebut di dalam Al-Quranul-Karim. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Nabi itu bersabda kepada mereka, Allah melantik kepada kamu seorang yang bernama Thalut menjadi Raja. Bani Israel menjawab, kami lebih berhak menjadi Raja daripada Thalut kerana dia tidak mempunyai harta yang banyak. Nabi mereka bersabda, Allah yang memilihnya untuk kamu dan menambahkan kepadanya ilmu dan kekuatan jasmani". Bani Israel menolak Raja itu kerana politik wang, kerana mereka dikuasai oleh politik wang. Nabi mereka meletakkan syarat orang yang menjadi Raja itu ialah ilmu, agama dan ilmu dunia yang baik kepada peribadi bertakwa dan mengendalikan urusan pemerintahan dan sifat-sifat keberanian mempertahankan negara. Kalau ada ilmu tetapi penakut, dia menyerah tanahair kepada musuh. Kalau berani tak ada ilmu, dia memukul orang mengikut kemahuan nafsunya. *(Ketawa) (Tepuk)* Oleh kerana itu, maka kedua-dua perkara ini hendaklah diberi penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga Raja, bukannya dengan immunity, tetapi mestilah juga dengan penasihat-penasihat yang baik. Bukan dengan immunity, tetapi dengan penasihat-penasihat yang baik, berani dan tegas. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, "Apabila Allah menghendaki seseorang pemimpin atau Raja itu baik, nescaya dia menjadikan untuknya Menteri yang benar; jika dia lupa Menteri itu memperingatkannya, jika dia ingat Menteri itu menolongnya. Jika ia menghendaki pemimpin atau Raja itu sebaliknya, yakni tidak baik, nescaya dijadikan untuknya Menteri yang jahat; jika ia lupa tidak diperingatkan, jika ia ingat tidak diberi pertolongan. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, "Allah tidak membangkitkan seseorang Nabi dan pemimpin atau Raja-melainkan baginya di kelilingnya dua golongan, iaitu golongan yang menyuruhnya kepada kebaikan dan menggalakkanya supaya melakukan kebaikan itu. Dan golongan yang menyuruhnya supaya melakukan kejahatan dan menggalakkannya supaya melakukan kejahatan itu. Dan orang yang terpelihara ialah yang dipelihara oleh Allah".

Kita ingin bertanya, sejauh manakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri— PerdanaMenteri dan Menteri-menteri Besar menjadi penasihat kepada Raja-Raja? Adakah selama ini untuk meluluskan Raja-Raja tanpa perhitungan baik-buruk. Mengapa selepas lebih 30 tahun mencapai kemerdekaan, pihak kerajaan baru menyedari perkara ini; mengapa baru setelah berlakunya peristiwa Gomez baru timbulnya kesedaran. Mengapa ketika berlaku peristiwa yang lebih besar daripadanya tidak tergerak hati untuk membuat perubahan? Sejauh manakah mereka yang dinamakan Ahli-ahli Jemaah Pangkuan Negeri atau Jemaah Diraja berperanan menjadi penasihat yang adil atau hanya bertugas untuk menyenaraikan orang-orang yang menerima pingat-pingat untuk hari-hari pertabalan sahaja? *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah ahli-ahli Majlis Patwa, Mafti-mufli dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri yang menjadi penasihat agama secara langsung dan mengendalikan urusan agama secara langsungkepadaRaja-Rajayangsepatutnya memberi nasihat; bukannya hanya berdoa menipu Allah dan menipu Raja. Memberi fatwa untuk menghukum rakyat seperti fatwa kepada Peristiwa Memali dan lain-lain. *(Tepuk)*

Di mana mereka? Dan ke mana perginya suara mereka? Ketika riuh-rendah dalam negara ini membincangkan masalah immunity; sangat malang mereka hanya menjadi Imam ketika sembahyang dan diberi tauliah menjadi Imam oleh Raja-Raja untuk menyembah Tuhan, tiba-tiba menjadi makmum ketika hamba-hamba Tuhan ini menghadapi masalah negara dan masyarakat, hanya sanggup memberi fatwa kepada rakyat untuk menghukum rakyat tetapi tidak memberi fatwa kepada Raja untuk menasihat dalam perkara-perkara penyembahan dan amalan-amalan khurafat dan adat-adat pertabalan manusia danpertabalanjin kononnyayangdilakukan lebih khusyuk, lebih bersopan dan mengambil masa yang lebih panjang daripada menyembah Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara Raja, bukannya dengan immunity, tetapi dengan keadilan undang-undang, keadilan tidak dapat diwujudkan dengan adanya immunity. Bahkan disebalik immunity itu berlakunya penyalahgunaan kuasa, bertindak mengikut hawa nafsu yang akan melahirkan rasa marah, dendam dan menghilangkan kehebatan Raja dan seterusnya meruntuhkan institusi Raja itu sendiri apabila rasa marah dan dendam itu meledak setelah tidak boleh dibendung lagi.

Kita tidak mahu rakyat takut kepada Raja kerana immunitynya tetapi kita mahu rakyat menghormati, rasa malu dan sayang kepada Raja kerana keadilannya. Saya tegaskan bahawa immunity bukannya keadilan tetapi meruntuhkan keadilan dan keluhuran undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan undang-undang itu, di antaranya ialah tidak ada orang yang istimewa di bawah undang-undang. Saya telah menegaskan bagi pihak PAS dalam persidangan yang lalu, bahawa orang yang menjadi Raja atau Ketua Negara menurut Islam ialah pemegang amanah untuk menegakkan keadilan dan tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang. Negara bukannya milik individu yang tertentu atau keluarga secara jual beli atau pesaka tetapi ianya adalah pemberian Tuhan kepada hamba-hambanya sebagai pemegang amanah menjadi Khalifah untuk mentadbir rakyatnya dan menggunakan secara manfaat segala harta bendanya yang mesti dikawal dan dijaga dengan batas-batas undang-undang dalam segala urusannya. Kerana itu Rasululiah s,a.w. yang menjadi contoh kepada seluruh manusia menegaskan bahawa dia tidak dikecualikan daripada undang-undang.

Saya mengulangi sekali lagi sabdanya lima hari sebelum wafat. Maksudnya, ketahuilah sesiapa di kalangan kamu yang pernah aku pukul belakangnya, maka ini dia belakangku, maka silalah membalasnya. Sesiapa di kalangan kamu yang aku pernah mengambil hartanya, maka ini dia hartaku, silalah ambil daripadanya. Dan sesiapa di kalangan kamu yang aku pernah memalukannya, menjatuhkan maruahnya, maka ini dia maruahku, silalah balas daripadanya.

Pernah berlaku secara praktikal pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. telah menyocok, menikam seorang sahabat dengan tandan kurma kerana ia gopoh untuk mengambil sesuatu yang dibahagikan, tiba-tiba sahabat itu mengaduh sakit, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, silakan balas. Sahabat itu menjawab: "Saya memaafkan". Ini membuktikan di mana sikap terbuka uniuk dihukum sekiranya bersalah, bukannya immunity melahirkan hormat dan kasih daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Gabenor Mesir, Amar bin Al-Asy berkaia kepada SayidinaUmaryangmenjadiKhalifahyang kedua: "Salahkah kalau saya memukul rakyat saya kerana tujuan mengajarnya?" Umar menjawab: "Aku akan menghukum-nya kerana aku melihat Rasulullah s.a.w. mempelawakan dirinya untuk dibalas". Maka sebagai orang-orang Islam khasnya, kita perlu percaya bahawa immunity tidak wujud di dalam ajaran Islam. la diadakan oleh penjajah dan adat jahiliah yang tiada kena-mengena dengan Islam dan asing daripada masyarakat Islam yang sebenar.

. Tuan Yang di-Pertua, Islam tidak mengharuskan adanya orang-orang yang dikecualikan daripada undang-undang, sama ada secara berperlembagaan atau secara amalan melalui tindakan penyalahgunaan kuasa oleh orang-orang yang memerintah untuk melepaskan dirinya atau suku-sakatnya dahpada tindakan undang-undang. Rasulullah s.a.w. bersabda, apabila berlakunya peristiwa seorang bangsawan mencuri dan sabit kesalahannya, lalu diputuskan hukuman menurut Undang-undang Islam. Maksudnya, apalah halnya yang berlaku adanya orang-orang yang meminta syafaat digugurkan hukuman dalam perkara hukum Hudud yang telah ditetapkan oleh Allah supaya dibatalkan. Sesungguhnya, bina-salah umat yang terdahulu daripada kamu apabila orang-orang bangsawan mencuri, mereka biarkan tanpa hukuman, dan apabila orang-orang yang lemah mencuri, mereka menjatuhkan hukuman, demi Allah, sekiranya anakku Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya akujatuhkan hukuman memotong tangannya.

Tuan Yang di-Pertua, Islam menentang semua bentuk immunity, sama ada secara berterang-terangan ataupun secara sembunyi-sembunyian. Oleh itu maka kami berharap supaya pihak Kerajaan benar-benar ikhlas membuat perubahan bagi mengatasi kelemahan dalam undang-undang negara, Dan mestilah perubahan ke arah yang lebih baik dan paling baik. Kita tidak mahu seperti perubahan yang dilakukan oleh Revolusi Perancis, yang menjatuhkan Raja Louis dan menghapuskan kezaliman dan kekebalannya, setelah itu kezaliman dan kekebalan diambilalih oleh pemimpin-pemimpin revolusi itu di atas nama rakyat dan menyalahgunakan kuasa yang diberi kepadanya oleh rakyat.

Kita juga perlu mengambil pengiktibaran daripada Revolusi Bolshevik di Russia yang menentang kezaliman Raja Tzar tetapi bertukar pula dengan diktator komunis yang meneruskan kezaliman dan kekebalan yang lebih melampau. Begitu juga dengan revolusi di Negeri China telah memindahkan kekebalan daripada Raja-Raja kepada mereka yang menjadi pemerintah selepasnya. Tetapi kezaliman dan kekebalan berulang kepada yang lain.

Selepas hilangnya Raja-Raja di India, pembunuhan beramai-ramai masih berlaku khasnya terhadap orang-orang Islam yang berlaku sekarang ini setelah dirobohnya Masjid Babri. Sebenarnya, sebahagian besar masyarakat Malaysia, Melayu, Cina dan India semuanya mempunyai pengalaman dengan pemerintahan Beraja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu maka semua bentuk kekebalan secara nyata seperti di dalam Perkara 181(2) mestilah dihapuskan. Begitu juga yang berkait dengannya. Begitu juga kekebalan yang tersirat daripada penyalahgunaan kuasa melalui ISA, OSA, Perkara 145(3) Perlembagaan kuasa yang diberi kepada Peguam Negara dan lain-lain hendaklah dielakkan daripada berlaku sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya perlu diketahui bahawa kekebalan dalam pengertian yang sebenar tidak dapat dihapuskan tanpa perubahan sikap dan roh oleh semua pihak di mana undang-undang manusia tidak dapat mengatasi hal ini. Maka kami mencadangkan perubahan yang menyeluruh kepada Perlembagaan supaya saki-baki kelemahan daripada warisan zaman penjajahan hendaklah dihapuskan.

Maka Perkara 4(1) daripada Perlembagaan yang menjadikan undang-undang manusia mengatasi undang-undang Tuhan hendaklah dihapuskan dan ditukar dengan meletakkan hukum Islam yang menjamin keadilan untuk seluruh rakyat dari semua kaum dan agama sebagai hukum yang tertinggi di dalam negara ini dan membatalkan segala yang bercanggah dengannya hendaklah dilakukan oleh pihak Kerajaan. Maka perbincangan menuju ke arah itu bagi memberi faham kepada semua pihak hendaklah dilakukan. Maka di negeri Kelantan yang dikuasai oleh ANGKATAN, perlu diberi peluang untuk menjadi contoh praktikal di dalam perkara ini *(Tepuk)* dan saya mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri untuk menuju ke arah itu dan insya-Allah dibuka masa untuk menuju ke arah itu. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perubahan ini dilakukan, maka perubahan secara menyeluruh tidak berlaku dengan tepat, dan amalan kekebalan akan berpindah tangan daripada Raja kepada yang lain melalui penyalahgunaan kuasa yang akan berlaku secara nyata atau tersembunyi. Kami juga mengalu-alukan langkah

meminda perkara-perkara yang menjadi halangan bagi menghapuskan kekebalan iaitu pindaan kepada perkara yang berkait dengan pengampun. Tetapi kami ingin menambah kepada yang lebih baik iaitu menurut ajaran—yang berhak memberi keampunan ialah Allah S.W.T. dan mereka yang di beri hak pengampun oleh Allah S.W.T.dimana menurut perundangan Islam pemerintah mempunyai hak pengampunan dalam perkara yang berkait dengan hukuman Takzir (hukuman dera). Adapun dalam perkara yang berkait dengan hak manusia yang dizalimi atau yang menjadi mangsa kezaliman hendaklah diberi kepada mangsa atau keluarganya kuasa pengampunan. Keadaan ini berlaku dalam perkara undang-undang Qisas yang berkait dengan pembunuhan dan kecederaan.

Maka orang yang menjadi mangsalah yang berhak memaaf dan mengampunkan sama ada bayaran secara diat (ganti rugi) atau dimaaf sepenuhnya berdasarkan kepada firman Tuhan yang bermaksud "Maka sesiapa yang dimaafkan untuknya daripada saudaranya, maka hendaklah ia mengikutinya dengan amal yangbaik, yakni setelah dimaaf, tidak boleh lagi ia melakukan tindakan selepas itu dan menunaikan kepadanya dengan baik—yakni kalau dia berjanji hendak diberi ganti rugi hendaklah diberi. Itu adalah satu hukuman meringankan daripada Tuhan kamu dan juga rahmat daripada-Nya, maka sesiapa yang melampaui batas selepas itu maka untuknya azab yang sangat pedih".

Dan Firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Maka sesiapa yang memaaf dan berdamai, maka ganjarannya daripada Ailah"—menunjukkan bahawa Islam lebih menggalakkan untuk memaafkan kesalahan. Mereka yang dinamakan Ahli Lembaga Pengampunan tidak berhak mengampun. Mereka hanya berhak untuk memberi nasihat kepada orang yang berhak mengampun, sama ada mangsa kekejaman atau keluarga mangsa pembunuhan. Tujuannya ialah melahirkan perdamaian keluarga yang sebenarnya di kalangan mereka yang terlibat dan mewujudkan masyarakat penyayang di mana kerajaan perlu melantik orang-orang yang dapat memberi nasihat supaya berlakunya keamanan secara rela hati.

Adapun cara yang berlaku sekarang boleh menimbulkan "double standard" dalam pengampunan. Sekiranya orang-orang bangsawan, maka mudah diampun, sekiranya bukan bangsawan atau bakan bumiputera, maka payah diampun, dan tidak menghilangkan rasa dendam di kalangan mereka yang terlibat kerana orang yang diberi hak mengampun di dalam Lembaga Pengampunan itu tiada kena-mengena dengan mangsa jenayah dan tiada merasai penderitaannya. .Walau bagaimanapun Islam memberi hak kepada Kerajaan untuk menjatuhkan hukuman kepada penjenayah-penjenayah Qisas yang tertentu yang diampun oleh keluarga atau orang yang menjadi mangsa itu sekiranya ia perlu dihukumjuga, sekiranya dengan kemaafan itu orang-orang yang tertenlu dengan kebiasaan kerja-kerja jenayahnya yang boleh berulang kali dan membahayakan masyarakat.

Berdasarkan pada perkara ini,maka kami mencadangkan supaya dimasukkan ke dalam Ahli Pengampunan itu prang-orang yang berhak ia itulah mangsa kezaliman dalam perkara yang berkait dengan hukuman Qisas. Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak mengampun dalam perkara yang berkait dengan undang-undang Takzir yang diberi kuasa kepada pemerintah. Adapun dalam perkara yang berkait dengan hukum Hudud, yang berhubung dengan hak Allah S.W.T., yang sangat berkait dengan kepentingan masyarakat, maka tiada maaf bagi mereka yang melakukannya sekali-kali setelah perkara itu di bawa ke mahkamah. Walau

bagaimanapun, undang-undang Islam menggalakkan bertaubat sebelum di bawa ke mahkamah tanpa diambil tindakan undang-undang Hudud. Kami mengalu-alukan pindaan yang memberi hak kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mengkritik Raja-Raja kerana ia merupakan cara yang sangat baik bagi memelihara kedudukannya dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkannya atau memalukannya atau menjatuhkan maruahnya. Kerana menurut Islam, cara mengatasi masalah di antara pemerintah termasuk Raja dan rakyat itu ialah nasihat.

Sabda Rasulullah s.a.w. "addin-an-nasihah"—"agama itu nasihat", para sahabat bertanya "liman" (untuk siapa)? Sabda Rasulullah s.a.w., maksudnya "Bagi Allah, bagi Rasulnya, bagi Kitabnya, bagi Pemimpin Umat dan bagi Umat seluruhnya". Yakni nasihat itu adalah berdasarkan kepada ajaran Allah dan Rasul dan nasihat itu menjadi hak bersama dan bukannya hak satu pihak sahaja kerana dengan nasihat boleh mencegah berlakunya kezaliman dan melahirkan kasih sayang di antara pemerintah, Raja dan rakyat. Al-Quranul-karim telah memberi amaran kepada orang yang lebih tinggi daripada Raja-Raja, Perdana Menteri, Pemimpin atau ketua Kerajaan iaitu Nabi Muhammad s.a.w.—yang bermaksud "Sekiranya engkau hai Muhammad (s.a.w.) berkeras hati, degil, tidak mahu menerima nasihat atau sebagainya, nescaya mereka lari daripadamu. Oleh itu, maaflah kepada mereka, ampunilah sekiranya tersilap, bermesyuaratlah dengan mereka dalam mengendalikan urusan".

Oleh itu Kerajaan, begitu juga Raja hendaklah memberi peluang kepada nasihat, menegur, mengkritik dan membangkang. Saya berharap tidak ada lagi pembangkang yang digantung pada masa akan datang atau yang diambil tindakan ISA dan sebagainya kerana membangkang. *(Tepuk)* Jangan cepat marah bila dibangkang dan biarkan banyak lagi pembangkang di Parlimen ini. Dan mereka yang berada dalam Kerajaan juga perlu diberi hak untuk membangkang dan sebagaimana pembangkang juga, perlu menyokong perkara yang baik dan membina. *(Tepuk)* Dan amalan demokrasi yang sihat ialah parti kerajaan juga sanggup, kalau ditakdirkan berubah, mereka juga menjadi pembangkang. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kebebasan mengkritik dengan baik dan membina bukan mengurangkan martabat seseorang, tetapi memeliharanya daripada melakukan kesilapan kerana semua manusia termasuklah Raja-raja tidak sunyi daripada kesilapan. Dengan kebebasan ini dapatlah menyelamatkan seseorang itu daripada menjadi mangsa kelemahannya sendiri yang mungkin bertindak secara tidak tepat dan benar. Cara menyelamatkannya ialah dengan nasihat supaya menghalangnya daripada melakukan kesilapan, amaran dengan tindakan undang-undang dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang. Sabda Rasulullah s.a.w. "Tolonglah saudaramu yang zalim dan yang dizalimi". Lalu sahabat bertanya, yang bermaksud—Kami menolongnya sekiranya dia zalim, dan bagaimana pula menolong orang yang zalim. Sabda Rasuiullah s.a.w.—Menolong orang yang menzalimi itu ialah kamu menghalangnya daripada melakukan kezaliman.

Dalam sejarah Islam banyak peristiwa yang menarik, di mana mereka yang menjadi Khalifah dikritik dan memberi peluang untuk dikritik peribadinya dan harta bendanya. Abu Bakar r.a. pernah menegaskan, yang bermaksud—"Wahai manusia, sesunguhnya aku telah dipilih menjadi ketua kamu, dan bukanlah aku ini orang yang paling baik di kalangan kamu. Benar adalah amanah, bohong adalah khianat; taat kepadaku selagi aku taat kepada Allah dan Rasul. Sekiranya aku tidak taat kepada Allah dan Rasul, maka janganlah kamu taat kepada aku.

Umar bin Al-Khattab r.a. menegaskan, "Apabila kamu melihat padaku ini penyelewenganmakaperbetulkanlah". Sebenaraya menutup pintu teguran di bawah apa yang dinamakan Akta Hasutan selama ini hanyalah melahirkan ramainya pengampu-pengampu kepada Raja yang mengangguk kepala sepanjang hari dan malam dan tidak pernah menggeleng *(Tepuk)* • melahirkan manusia-manusia pembohong dan penipu yang merosakkan Raja dan manusia yang mempunyai kelemahannya apabila diberi keadaan ini akan bertindak sewenang-wenangnya..

Saya berharap pindaan kepada Akta Hasutan ini bukan sahaja yang berkaitan dengan Raja tetapi juga hendaklah dimasukkan juga mereka yang tidak perlu kepada kekebalan untuk dikritik seperti SPR, para hakim dan lain-lain pada perkara-perkara yang munasabah diberi teguran.

Kesimpulannya, menghapuskan kekebalan hendaklah kepada semua pihak dan merangkumi kekebalan yang tersurat dan yang tersirat. Untuk menjamin matlamat dan tujuannya yang sebenar, kami menyokong dengan syarat dibuat suatu pindaan yang menyeluruh dan mempunyai roh yang menguasai hati nurani manusia mengikut perhitungan halal/haram, dosa/pahala yang ada dalam ajaran Islam. Oleh kerana pindaan yang dibuat tidak menyeluruh, maka kami mencadangkan supaya perbincangannya ditangguhkan supaya perubahan yang dibuat biarlah sesuatu yang meliputi *(Disampuk)* dan membawa kepada perkara-perkara melaksanakan hukum Islam dengan cara yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada perkara pengampunan juga kami menyokong. Pindaan daripada apa yang telah diamalkan selama ini tetapi mestilah mencapai matlamat keampunan yang menghilangkan rasa dendam dan permusuhan dengan dilibatkan orang-orang yang menjadi mangsa kezaliman dan menghilangkan double-standard oleh penglibatan hanya orang yang tiada kena-mengena dengan perasaan orang-orang yang dizalimi. Ada pun dalam perkara hukuman deraan biasa kdmi menyokong tanpa syarat kerana bidang ini menjadi hak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sokong bulat-bulat. *(Ketawa)* Bukan bangkang semua Tuan Yang di-Pertua, dan perkara yang berkait dengan pindaan yang memberi hak kepada Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk menegah termasuk Raja-Raja, kami menyokong sepenuhnya dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menutup dengan ucapan yang pernah ditulis oleh seorang pendita Islam dan ulamak yang terkenal, Imam Ghazali menyatakan: "Agama itu menjadi dasar dan prinsip, pemerintahan menjadi pengawal. Barang yang tiada asas akan runtuh, barang yang tiada pengawal menjadi sia-sia".

Keruntuhan komunisma dan ideologi-ideologi Barat ialah kerana pemisahan agama, politik dan undang-undang, Sultan dan pemerintah yang tidak menjadi pengawal yang amanah kepada undang-undang negara, bahkan melanggar dan mengkhianati maka undang-undang akan menjadi sia-sia. Oleh kerana itu, kami menyokong perubahan kepada yang baik *(Tepuk)* dan kami rriengharap supaya kerajaan mengkaji dengan cara yang lebih mendalam kepada perubahan yang lebih menyeluruh demi kebaikan kita bersama. Sekian, terima kasih. *(Tepuk)*

**Timbalan Yangdi-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Keningau.

*4.53 ptg.*

**Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau);** Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan ini adalah satu cadangan yang amat serius sekali dan justeru itu kita harus memandangkannya daripada sudut mengikut prosedur-prosedur yang sudah ditentukan di dalam Perlembagaan seperti mana apabila pemindahan diadakan tentu sekali 2/3 haruslah meluluskannya.

Namun dalam hal ini, bukanlah begitu mudah kita membawa pemindahan ini oleh kerana ia mempunyai beberapa prosedur. Peruntukan di dalam Artikel 38(4) menyatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "No law directly affecting the privileges, position, honours ordignities of the Rulers shall be passed without the consent of the Conference of Rulers".

Justeru itu di dalam pendapat kami perlu sekali Majlis Raja-Raja mempersetujui apa sahaja cadangan pindaan-pindaan berkaitan dengan keistimewaan Raja-Raja sebelum ianya dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Dalam hal ini, kalau dilihat Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, ia juga mempunyai Pasal 5 dan Pasal 6 yang ingin memindakan Artikel 63 dan Artikel 72. Dalam perkara ini, saya merasakan bahawa perbincangan terhadap pemindaan untuk mengiirangkan ataupun menghapuskan immunity dan keistimewaan Raja-Raja adalah perkara yang amat sensitif sekali dan ini telah pun dilindungi oleh Perlembagaan dan juga Sedition Act.

Justeru itu, sebelum perbincangan diadakan terhadap keistimewaan Raja-Raja, perlu sekali pemindaan ini didahului iaitu bererti bahawa Artikel 63 dan Artikel 72 haruslah dipinda sebelum perkara-perkara lain dibawa untuk dibentangkan dan untuk memindakan Artikel 63 dan Artikel 72 Perlembagaan Persekutuan ini juga memerlukan persetujuan daripada Majlis Raja-Raja. Kalau tafsiran ini betul, ini bererti bahawa sebelum Majlis Raja-Raja telah mempersetujui Rang Undang-undang ini dibawa dan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, perbincangan ataupun teguran ataupun kritikkan mengenai dengan keistimewaan Raja-Raja tidak boleh diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu kami mencadangkan agar Rang Undang-undang ini ditangguhkan buat sementara waktu, walaupun ianya mengandungi tujuan yang boleh dipersetujui dan disokong supaya Rang Undang-undang ini tujuannya itu boleh dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja terlebih dahulu. Kalau tidak, kami yang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang ini boleh didakwa dalam mahkamah oleh kerana kita tidak dilindungi. Kita belum ada perlindungan, sebelum pindaan kepada Artikel 63 dan Artikel 72 diluluskan sepeni mana juga seorang Ahli Parlimen Independent di dalam beberapa tahun yang lalu, musim BERJAYA, telah membuat kritikan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan penghapusan sekolah india ataupun Tamil dan sekolah Cina. Kemudian Ahli Parlimen Independent ini telah pun didakwa di mahkamah dan telah dihukum. Oleh kerana perkara yang disentuh oleh beliau itu tidak terlindung oleh Perlembagaan dan Sedition Act. Saya rasa begitulah juga'perkara mengenai dengan keistimewaan Raja-Raja di dalam Perlembagaan kita ini walaupun kita bertujuan membuatnya dengan tujuan yang baik.

Justeru itu, kami berharaplah agar perkara ini diperbincangkan sekali lagi dan dipecahkan kepada dua Rang Undang-undang, iaitu Rang Undang-undang yang pertama adalah berkaitan dengan pemindaan Perlembagaan Artikel 63 dan Artikel 72.

Setelah ianya diluluskan, barulah pembentangan Rang Undang-undang yang lain yang menyeluruh boleh dibuat. Kalau tidak, kita tidak akan dilindungi oleh Perlembagaan dan juga Sedition Act. Buat sementara waktu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum perkara ini diubah, oleh kerana tidak ada persetujuan oleh Majlis Raja-Raja, saya nampak mengikut Perlembagaan dan Undang-undang, sukar bagi Rang Undang-undang ini dibentang di dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat dari Labis.

*5.02ptg.*

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa parti MCA turut menyokong pindaan ini atas pendirian bahawa demi masa depan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di negara ini, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 ini perlu dibentang untuk dibahas dan diluluskan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa parti MCA sebagai satu komponen Barisan Nasional sentiasa menghormati dan menyokong sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di negara kita dan MCA akan sentiasa berjuang untuk mempertahankan sistem ini. MCA dan masyarakat umum rakyat keturunan Cina tetap menghormati dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja di Malaysia. Undang-undang negara kita adalah bertujuan untuk memastikan negara kita sentiasa berada dalam keadaan aman dan sentosa dan rakyat «Japat hidup dalam suasana tenteram serta selamat dan semua rakyat Malaysia, tidak kira kedudukan, latar belakang, keturunan atau kepercayaan, tetap dilindungi oleh undang-undang negara.

Selaras dengan cadangan Kerajaan untuk memasukkan peruntukan tambahan dan meminda peruntukan sedia ada seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adalah jelas dan nyata bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak berhasrat untuk menghapuskan Institusi Raja-Raja dan Sistem Raja Berperlembagaan, sebaliknya adalah untuk memperkukuhkan institutsi Raja-Raja dan sistem tersebut.

Pindaan ini adalah sesuai dan tepat pada masanya. lanya bukan sahaja akan memberi jaminan kepada semua rakyat bahawa pindaan ini akan mencegah penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak yang terlibat, ianya juga akan menyakinkan lagi rakyat terhadap Institusi Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah menimbang dan mengkaji cadangan untuk meminda Perlembagaan

ini secara mendalam dan menyeluruh setelah mengambil kira hasrat dan pandangan rakyat jelata negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong bahawa Rang Undang-undang ini dibentang untuk diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila, Sungai Siput.

*5.04 ptg.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam membentangkan Rang Undang-undang ini adalah semata-mata menyahut kehendak semasa demi untuk melindungi hak rakyat jelata. Masyarakat biasa tidak seharusnya berada dalam keadaan khuatir bahawa mereka tidak dilindungi dari sebarang ancaman ataupun kezaliman. Jika kerajaan tidak dapat menghapuskan kekhuatiran ini ataupun melindungi hak-hak individu, maka ianya dianggap tidak melaksanakan tanggungjawabnya. Kita buat apa yang benar. Kita tidak boleh menyatakan pada satu masa bahawa setiap individu adalah sama dari segi undang-undang dan pada masa yang sama berdiam diri apabila hak-hak mereka dicabuli.

Soalan yang mungkin ditanyakan ialah mengapa sekarang, tidak dahulu lagi? Kelewatan kerajaan bertindak menunjukkan ianya tidak mempunyai apa-apa maksud tertentu atau mempunyai rancangan untuk menghapuskan kekebalan Raja-Raja. Kerajaan bertindak adalah kerana menyahut kehendak-kehendak rakyat dan mengikut keperluan masa. Tindakan kerajaan untuk membuat pindaan ini adalah betul dan kena pada masanya. Saya juga yakin setiap peringkat masyarakat Malaysia akan menyokong langkah ini dan kita akan dapat melindungi bukan sahaja hak-hak individu, malah kemuliaan dan prestij sistem Raja Berperlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dunia telah banyak berubah di tahun-tahun ke belakangan ini. Pada tahun 1992, terdapat krisis di seluruh dunia, di mana beberapa negara telah mengalami masalah ekonomi dan politik yang serius, tetapi Malaysia telah membuktikan kemampuannya sebagai sebuah negara yang stabil dengan kerajaan yang yakin dan kukuh. Ia juga berjaya mengelakkan daripada beberapa masalah yang melanda negara-negara lain. Kestabilan Kerajaan adalah hasil dari kepimpinan yang matang serta sokongan padu yang diberi oleh rakyat jelata.

Bagi sesebuah kerajaan yang dipilih rakyat, memperlindungi hak rakyat menjadi lebih penting. Dalam masa 35 tahun negara merdeka, Perlembagaan negara telah beberapa kali dipinda dan kesemua pindaan ini adalah bertujuan untuk kebaikan rakyat dan negara. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mempertahankan sistem Raja Berperlembagaan walaupun sistem ini telah gagal dalam beberapa negara lain. Ianya terus kekal di Malaysia kerana kerajaan mempunyai hasrat murni untuk mempertahankannya.

MIC menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini dan menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi

kepada kerajaan dalam perkara ini. Saya juga mengambii peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berjaya menerajui negara ini dengan licin walaupun dalam keadaan yang mencabar seperti ini. Beliau adalah seorang yang berani dan berpendirian teguh, serta cukup matang dalam mengendalikan isu-isu yang rumit seperti ini. Kerana itu beliau telah mendapat penghormatan dan sokongan seluruh rakyat Malaysia dan juga masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya menyokong Rang" Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat, sila.

*5.09 ptg.*

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan 1993.

Saya menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini kerana Akta ini bertujuan memperkukuhkan lagi sistem Raja Berperlembagaan. Di samping itu, parti GERAKAN mendapati bahawa terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan yang bercanggah antara satu dengan lain berkenaan immunity Raja-Raja. Dengan adanya pindaan-pindaan Perlembagaan yang dicadangkan dalam Akta (Pindaan) 1993 ini, maka apa jua mengenai immunity Raja-Raja yang kurang jelas akan dijelaskan.

Parti GERAKAN Rakyat Malaysia memang menyokong dengan sekuat-kuatnya sistem Raja Berperlembagaan atau system of constitutional monarchy yang telah lama wujud di negara ini. Maka, apa jua langkah yang diambil untuk memperkukuhkan lagi sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia akan mendapat sokongan dari parti GERAKAN.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Parti GERAKAN ingin menegaskan bahawa semua warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama adalah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Negeri. Semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama amat taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Negeri.

Maka di sini Parti GERAKAN merasa amat sedih dan kecewa atas sikap yang ditujukkan oleh pemimpin-pemimpin Parti Semangat 46 mengenai cadangan pindaan Perlembagaan ini. Dalam kempen menentang pindaan ini mereka telah berusaha memutarbelitkan cadangan ini sebagai suatu isu perkauman. Di antara perkara yang dibangkitkan ialah bahawa isu mengenai immunity Kerabat DiRaja hanya melibatkan orang-orang Melayu. Orang-orang bukan Melayu lebih baik tidak harus campur tangan dalam perkara ini sepertimana yang dinyatakan oleh Encik Sabri Chik, Ketua Biro Penerangan Semangat 46. Kami dari Parti GERAKAN merasa amat kecewa dengan pendirian seumpama ini. Adakah seruan Semangat 46 ini bererti hanya warganegara Melayu sahaja adaiah rakyat Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Negeri? Adakah ini bermaksud warganegara bukan Melayu bukanlah rakyat Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Negeri?

Pada hemat Parti GERAKAN semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum dan agama adalah rakyat Malaysia dan justeru itu mempunyai hak yang sama menjunjung tinggi kepada Raja-Raja. Sebarang usaha yang cuba memisahkan rakyat Malaysia mengikut kaum dalam perbahasan mengenai isu ini harus ditentang oleh semua yang mahu membina suatu bangsa Malaysia yang taat kepada Agong dan Raja-Raja.

Dalam perbahasan Usul berkenaan perkara ini pada l0hb Disember yang lalu, Yang Berhormat DAP dari Jelutong telah menyentuh banyak perkara tentang Raja-Raja yang mana beliau menimbulkan berbagai perkara yang tidak begitu sesuai berkaitan dengan Raja-Raja.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Barisan Nasional kini telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan kekeliruan berkenaan immunity Raja-Raja. Kita masih berharap DAP akan mengambilkan satu tindakan atau kedudukan yang terang dan akan menyokong tindakan Kerajaan Barisan Nasional terhadap perkara ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat......

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:**...dan jangan ikut rakan-rakan mereka di Semangat 46.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Akhirnya saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa Parti GERAKAN menyokong dan menyanjung tinggi Institusi Raja Berperlembagaan. Semua lapisan rakyat......

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin);** Dia tak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa dia mahu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin);** Dia minta jalan, Yang Berhormat. *(Ketawa)*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya akan habis dengan satu sentence lagi. Semua lapisan Parti GERAKAN amat taat setia kepada institusi ini.

Oleh kerana pindaan-pindaan Perlembagaan ini bertujuan memperkukuhkan sistem Raja Berperlembagaan, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

*5.14 ptg.*

**Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok);** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Parti Bansa Dayak Sarawak dan juga bagi pihak saya sendiri, merakamkan sokongan terhadap pindaan-pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana negara memerlukan undang-undang yang jelas di mana institusi-institusi yang terlibat dalam mentadbirkan negara itu mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Di negara kita ini, kiia memilih pemerintahan di bawah konsep Demokrasi Berparlimen dan juga Sistem Raja Berperlembagaan. Tetapi ada timbul tafsiran yang berbeza-beza apa sebenarnya erti Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di kalangan setengah-setengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Malaysia digubal di waktu kita mencapai kemerdekaan. Sistem pemerintahan yang diwujudkan dalam Perlembagaan itu berasaskan latar belakang sejarah. Mereka yang menggubal undang-undang dan Perlembagaan memang memahami bahawa prinsip "The King can do no wrong" semata-mata semasa Raja menjalankan tugas rasmi Kingship dan tidak termasuk tingkah laku peribadi seseorang Raja itu.

Di United Kingdom, memang menjadi pendirian "convention" mereka, apa yang personal dan peribadi diasingkan dari tugas rasmi Kerajaan. Seperti contoh yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi, di waktu King Edward VIII memilih mendirikan rumahtangga dengan seorang janda Mrs. Simpson, di mana perbuatan sedemikian bertentangan dengan "convention" mereka dan tidak selaras dengan kedudukan seorang Raja yang menjadi Ketua Agama di negaranya, maka beliau meletakkan jawatan sebagai Raja, dan sudah menjadi pendirian mereka bahawa soalan immunity wujud cuma dalam tugas rasmi dan tidak merangkumi perbuatan mereka sebagai seorang individu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Konsep Raja Berperlembagaan berasaskan logik immunity Raja-Raja wujud hanya di waktu merekamenjalankan tugas-tugas rasmi. Institusi Raja ialah simbol kedaulatan negara. lanya kekal sebagai suatu institusi yang disanjung, dihormati dan dimuliakan oleh semua rakyat sekiranya institusi itu secucuk dengan kesejahteraan rakyat.

Justeru itu, pindaan Perlembagaan yang kita bahaskan ini bukan untuk menghapuskan immunity tetapi untuk memberi tafsiran yang lebih jelas berkaitan dengan tugas-tugas Institusi Raja Berperlembagaan yang mengamalkan Sistem Constitutional Monarchy. Sebagai suara rakyat, Parlimen memang mempunyai supremacy dan terpulanglah kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang termasuk Perlembagaan yang diperlukan bagi menentukan institusi pemerintah secucuk dengan perkembangan semasa.

Prinsip "The King can do no wrong" bermakna seseorang Raja bertindak atas nasihat Kerajaan. Perkataan "advice" sebenarnya dalam menjalankan tugas seseorang Raja hendaklah mengikut advice yang diberi oleh Kerajaan dan tidaklah mempunyai pilihan untuk membuat keputusan yang bertentangan dengan advice itu. Begitu juga prinsip "The king is above the law" bermakna Raja hendaklah sentiasa mempertahankan undang-undang dan tidaklah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang untuk bercakap dengan panjang lebar dan tidaklah bercadang untuk menyentuh hai resam dan sebaliknya. Walaupun negeri Sarawak tidak mempunyai institusi Raja, kami di negeri Sarawak juga menghormati kedudukan Raja sebagai simbol kedaulatan negara dan rakyat negeri Sarawak juga bersama-sama rakyat di tempat lain di Malaysia adalah rakyat Negara Malaysia bersama.

Dengan ucapan sedemikian, saya sukalah sekali lagi mencatatkan sokongan bagi pihak diri saya sendiri dan bagi pihak Parti Bansa Dayak Sarawak atas keseluruhan Artikel-artikel yang dimasukkan dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *(Tepuk)*

*517 ptg.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Parti Rakyat Bersatu Sarawak atau SUPP, satu parti komponen Barisan Nasional. Saya merasa bangga kerana dapat bersama-sama dengan rakan-rakan seperjuangan untuk turut menyokong suatu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang begitu penting sekali kepada negara, Raja-Raja dan rakyat jelata di negara ini.

Hari ini akan menjadi suatu hari bersejarah bukan sahaja di Dewan yang mulia ini malahan negara seluruhnya. Satu tarikh yang akan diingati dan disanjungi oleh bukan sahaja generasi sekarang malahan generasi-generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak SUPP dan pihak saya sendiri, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah bertindak dengan begitu tegas dan bertepatan untuk meminda Perlembagaan bersesuaian dengan keperluan dan kehendak semasa. Sokongan padu rakyat, parti-parti polilik dan sebagainya jelas menunjukkan bahawa pindaan kepada Perlembagaan ini perlu disegerakan jika kita tidak mahu ketinggalan zaman dan bagi mengelakkan apa-apa tindakan yang tidak diingini dari berlaku. Kita tidak perlu merasa ragu-ragu dengan tindakan ini sebab tujuannya adalah murni dan demi kepentingan rakyat, Raja dan negara. Bak kata pepatah orang Cina: "Kita tidak perlu merasa takut atau risau jika mendengar seseorang mengetuk pintu di tengah malam kalau kita tahu kita tidak bersalah".

Tuan Yang di-Pertua, sejak merdeka dan setelah Sarawak menyertai Malaysia, SUPP merasakan hanya sistem demokrasi berparlimen sahaja yang boleh mentadbir sebuah negara dengan masyarakat majmuk seperti Malaysia. Sistem ini adalah satu-satunya sistem di mana Kerajaan adalah untuk rakyat dan rakyat untuk Kerajaan. Asas sistem yang negara kita amalkan ini ialah accountability, dengan izin, sebab itulah kita ada pilihanraya setiap 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Raja-Raja tidak boleh didakwa di mahkamah atas kesalahan sivil atau kesalahan jenayah adaiah hanya sebagai satu keistimewaan dan bukannya satu hak mutlak. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu keistimewaan boieh pada bila-bila masa, mengikut kehendak dan keperluan, dipinda dan diubahsuai mengikut keadaan semasa. Rang Undang-undang di mana Dewan yang mulia ini sedang membahaskan adalah untuk tujuan ini. Ini amat wajar sekali supaya perilaku Baginda-baginda sekalian akan lebih bertanggungjawab dan accountable, dengan izin. Ini adalah satu harapan dan aspirasi rakyat yang amat wajar dan berpatutan. Harapan dan aspirasi rakyat melalui wakil-wakil mereka dalam Dewan yang mulia ini hendaklah dihormati sebelum ianya terlambat. Saya yakin rakan-rakan seperjuangan saya bersetuju jika kita tidak bertindak sekarang, generasi-generasi yang akan datang akan mempersoalkan mengapa permintaan mereka tidak dipenuhi. Mungkin juga kita akan dianggap sebagai tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat sekarang ialah sekadar mengemas dan memperbetulkan keadaan yang jelas sekali tidak sempurna sebelumini.Sebagai contoh di Sweden, Perlembagaannya telah mengalami pindaan demi pindaan, tetapi sistem beraja di negara berkenaan masih kukuh sepertimana yang kita ketahui sekarang. Oleh sebab itu, saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh mengubah dan meminda Perlembagaan kita demi kebaikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri Sarawak tidak mempunyai Raja atau Sultannya sendiri, namun rakyat di Sarawak tidak berbelah bahagi menyokong dan menerima sistem Raja Berperlembagaan yang negara kita amalkan. Saya penuh yakin bahawa kesetiaan rakyat di Sarawak kepada Raja-Raja di negara ini akan semakin bertambah dengan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa jua yang saya telah katakan adalah lahir daripada satu hati yang ikhlas dan jujur tanpa apa-apa prasangka atau malice, dengan izin. Tujuan saya hanya satu, iaitu untuk menggalakkan sistem Raja Berperlembagaan di negara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, SUPP menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas.

5.25 *ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sebagai Ahli Dewan Rakyat ini merakamkan dahulu rasa dukacita apabila mendapat tahu bahawa Majlis Raja-Raja Melayu tidak memberi perkenan kepada cadangan ke arah pindaan Perlembagaan ini. Tetapi saya tidak terperanjat sedikit pun di atas ucapan Ahli Parlimen Gua Musang yang sudah pun meninggalkan Dewan ini sesudah menyampaikan ucapan yang saya kira tidak bertanggungjawab sama sekali. Sesudah beliau menyampaikan ucapan yang menyatakan bahawa ada baiknya Dewan yang mulia ini ditangguhkan dan mencadangkan kepada Kerajaan supaya berunding mencari jalan penyelesaian.

Apakah Ahli Parlimen Gua Musang tidak sedar yang saya kira sekarang ini sedang minum teh di istananya di Jalan U Thant, sesudah datang ke Dewan Rakyat tidak sampai pun 2 1/2 jam. Apakah beliau tidak sedar bahawa sebelum pindaan Perlembagaan ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini, sudah banyak kali perundingan telah dibuat. Apakah kita tidak sedar jentera kerajaan sudahpun tergugat hari demi hari. Pagi dan petang kita mendengar laporan dalam akhbar dan radio, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai wakil Kerajaan berunding dengan pihak Raja-Raja. Apakah tidak cukup rundingan yang dibuat selama ini sehingga kita terpaksa menangguhkan lagi bagi mencari titik-titik pertemuan dan penyelesaian. Memang kita mengalu-alukan sebarang usaha untuk mencari penyelesaian, tetapi yang paling nyata bagaimana beliau menyalahgunakan (abused) kedudukan beliau sebagai Ahli Dewan Rakyat untuk mengelirukan seluruh rakyat di negara ini, dengan mengatakan dan mengungkit dari segi sejarah social contract di antara rakyat, Raja-Raja dan juga dengan pihak penjajah di waktu mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana setakat ini Raja-Raja telah mengambil sikap tidak perkenan kepada cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan dan juga mengambil sempena ucapan Ahli Parlimen Gua Musang yang ucapannya sama dengan ucapan beliau di Balai Islam, Kota Bharu baru-baru ini dan ucapan beliau dicetak dengan ratusan ribu diedar di seluruh negara dan di kampus-kampus universiti yang mana ucapan itu penuh dengan semangat perkauman dan racialist bagi tujuan menangguk di air yang jernih untuk mengukuhkan kembali kekuatan Parti Semangat 46 yang sudah tersisih dalam Pilihanraya Umum tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa satu pementasan rakyat sempena dengan sidang Dewan yang mulia pada hari ini kerana Raja-Raja telah menunjuk sikap yang seolah-olah hendak meletakkan kredibiliti kerajaan dalam keadaan serba-salah. Apakah Raja-Raja tidak sedar dengan perbuatan demikian beliau telah cuba mempermainkan dengan mandat rakyat tahun 1990. Apakah Raja-Raja tidak sedar bahawa perbuatan ini boleh menimbulkan keadaan yang tidak stabil dalam negara kita? Pada saya secara terus-terang, apapun yang diperkatakan hal undang-undang, apapun yang disuarakan oleh Ahli Parlimen Gua Musang ataupun kebimbangan satu, dua Ahli-ahli Parlimen yang lain apabila membicarakan soal kepentingan rakyat, kadang-kadang mahu juga kita kata "nyah"kan dengan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sampaikan satu pementasan rakyat sebelum saya sampai kepada hujah-hujah yang saya hendak sampaikan mengenai dengan perbahasan dalam Dewan Rakyat yang mulia ini yang mana saya harap ianya menjadi ingatan kerana saya juga mewakili rakyat dan saya juga mewakili generasi muda, iaitu satu pementasan yang saya hendak sebut di sini seolah-olah saya sekarang sedang mengadap Raja-Raja Melayu, iaitu:

Ampun Tuanku,
Keris di tangan ini Keris Taming Sari,
Kami datang tidak dijemput,
Pergi kami tidak perlu disuruh,
Kami datang menuntut janji,
Janji diikat antara Demang Lebar Daun dan Sang Purba,
Kami bercakap bukan bahasa Jebat durhaka,
Tetapi tidak juga bahasa Tuah setia membuta,
Kami bercakap bahasa rakyat,
Mencari keadilan dengan saksama.

Keris di tangan ini Keris Taming Sari,
Keris bersepuh besi kursani,
Semangatnya meresap jiwa rakyat menjadi berani.
Bila Taming Sari menuntut janji,
Tujuh purnama angin terhenti,
Tujuh keturunan masih termimpi.
Sejak dari Majapahit turun ke Melaka,
Taming Sari milik kami,
Bukan milik kita bersama,
Kamilah perwarisnya sejak bermula,
Tuanku kekal di singgahsana,
Kerana Taming Sari ini tidak pernah durhaka.

Ampun Tuanku,
Jebat itu adalah kami,
Tuahpun kami,
Kami berpisah berbalah hati,
Tuah hamba Tuanku dalam tidur dan jaga.

Jebat nafas rakyat dalam jaga dan lena,
Ingatlah,-Jebat menikam dengan Taming Sari,
Jebat tertikam oleh Taming Sari.
Taming Sari yang terlangir darah satu wama,
Bagaimana kalau Taming Sari menuntut darah kelainan warna,
Taming Sari di tangan inilah menentukan segala.
Ingat sebelum terlambat,
Sebelum bangkit sehingga menjadi singgahsana dipersoalkan oleh rakyat,
Sebelum rakyat bangkit maka ianya menjadi pahit dan hina.

Ampun Tuanku,
Ada besok pasti ada suria,
Aku akan pergi dengan seribu Jebat si anak tani,
Sekian lama kita mati dalam setia,
Kali ini kita hidup dalam durhaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini iaitu mengajak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sekaiian menghayati ingatan Allah S.W.T. dalam surah Al-Haj, ayat ke 40 yang bermaksud: Allah S.W.T. pasti menolong sesiapasahaja yang menolongnya. Sesungguhnya Allah S.W.T. maha kuat dan maha mulia.

Kalau kita gabungkan apa yang tersurat dan tersirat dari ayat di atas dengan ayat 120 di dalam Surah Al-Imran, yang maksudnya: Jika Allah S.W.T. menolong kamu, maka tiada siapapun yang boleh mengalahkannya.

Ayat-ayat di atas mengajak kita menginsafi bahawa penyelamat dan yang akan menolong kita adalah Allah S.W.T., bukan sebarang lambang ataupun simbol yang lain. Ayat ini mengajak kita menjadi berani untuk menyatakan hak kerana bila Allah S.W.T. mahu menolong kita, maka tidak ada apapun daulat yang boleh mengalahkan kita. Jelas kepada kita yang maha kuat adalah AUah S.W.T., yang maha mulia adalah milik Allah S.W.T.,bermakna yang kebal adalah Allah S.W.T., yang mengatasi segala hukum adalah agama AUah S.W.T. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini.

Sebagai rakyat yang cintakan kedamaian, kestabilan dan kesejahteraan umat, maka saya mengambil kesempatan merayu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini memikirkan secara rasional masalah yang kita hadapi sekarang.

Dalam menangani masalah ini, marilah kita berbahas dengan penuh tanggungjawab tanpa terikat dengan fahaman kepuakan atau kepartian supaya ianya tidak menjadi kusut dan terhilang punca, dan supaya titik pertemuan tidak terbenam oleh lumpur kepuakan, kepuraan dan kepalsuan. Apa yang kita bahaskan di Dewan yang mulia ini, pada hari ini sebenarnya bukanlah suatu masalah, tetapi ianya telah bertukar menjadi satu masalah kerana terdapat di kalangan kita cuba mengeksploitasikannya demi kepentingan, fahaman kepuakan dan kepartian.

Parlimen yang mulia ini telah merakamkan beberapa pindaan terhadap Perlembagaan Negara yang bertujuan mengekalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Pindaan demi pindaan telah dibuat yang keseluruhannya mencerminkan kehendak dan selera warganegara. Anehnya kali ini bila kerajaan ingin memindaPerkara 181(2) yang bertujuan memenuhi citarasa rakyat, terdapat seperti kekalutan, semuanya berpunca daripada segelintir ahli Dewan yang cuba menangguk di air yang kemh. Biarpun mereka sedar kejernihan air menafikan kemampuan mereka, tetapi inilah sahaja peluang yang ada selepas terpinggir oleh keputusan Pilihanraya Umum tahun 1990.

Saya menyeru Ahli Parlimen dari Gua Musang dan gerombolannya supaya menghentikan kerja sia-sia ini. Sejarah membuktikan tiada siapapun boleh menyekat angin perubahan, kebatilan yang cuba didokong itu pastinya akan cair kepada kebenaran seperti firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Katakanlah kebenaran telah datang, dan kebatilan telah punah, sesungguhnya kebatilan selalunya akan binasa."

Tuan Yang di-Pertua, rakyat gembira sekiranya demokrasi negara ini terus berkembang dan segar, rakyat hari ini lebih matang dan memahaminya apa ertinya demokrasi. Mereka sedar bahawa demokrasi hidup atau mati dengan melihat institusi-institusi penting yang menentukannya ianya dapat hidup subur dan berkembang. Oleh itu kerajaan sewajarnya peka kepada tuntutan rakyat berhubung soal ini, rakyat mahukan pindaan terhadap Perlembagaan supaya hak dan keselamatan mereka lebih terjamin supaya sistem demokrasi di negara ini tidak menjadi tempang, supaya tidak ada rakyat bersemayam di atas undang-undang dengan segala kekebalannya. Dan di satu sudut yang lain, rakyat tersepit dengan segala kekurangan dan kelemahan. Selagi terdapat fenomena ini, selama itulah sesuatu bangsa berada di lopak kejahilan, hanya masyarakat jahiliahlah sahaja yang cenderung membeza-bezakan warga-negaranya.

Sebagai bangsa yang telah merdeka dan mengakui telah menerima peradaban, maka tidak ada sebab bagi kita mahu mengekalkan fahaman jahiliah ini, fahaman yang rata-rata bertentangan dengan agama Islam dan sistem demokrasi yang kita amalkan.

Seharusnya tidak ada lagi warganegara yang berfikiran beku di penghujung abad ke 20 ini, yang masih berusaha mengekalkan sisa-sisa zaman feudal. Di kebanyakan negara di dunia ideologi feudal telah lama dilontar dalam bungkusan sejarah. Sejak revolusi Perancis tahun 1789 telah banyak perubahan terjadi di dalam pemikiran masyarakat mengenai kuasa mutlak Raja serta kedudukan Raja di atas hukum. Oleh itu kita sebagai bangsa yang turut berada di panggung sejarah terlibat sama dengan segala perlakuan dan perubahan ini.

Bertolak dari hakikat inilah kita merasa tersangat perlu untuk memutuskan rantai-rantai kejahilan yang masih bersisa di Perlembagaan Negara. Bertolak dari keinsafan inilah kita meyakini bahawa kekebalan Raja yang dikait dengan daulat itu adalah metos semata-mata. Kita percaya semakin mendekati selera rakyat, semakin mudah mengekalkan Sistem Beraja di negara ini, terpulanglah kepada Raja-Raja sekalian, tepuk dada tanya selera.

Presiden Semangat 46 dalam ucapannya di perhimpunan khas di Balai Islam Kota Bharu pada 3hb Januari, 1993 dan dalam Dewan yang mulia pada hari ini, menyatakan bahawa ketuanan Melayu tersimpan dalam peti besi khas yang kukuh. Peti besi itu bergelar Perkara 159 (5) Perlembagaan Persekutuan. Beliau juga menyebut Raja Melayu adalah kunci kepada peti besi. Apa yang jelas kepada kita bahawa Perkara 159 (5) itu adalah kunci besi bagi mengekalkan sisa-sisa kejahilan. Kunci besi bagi mengekalkan kedudukan Raja-Raja mengatasi ajaran al-Quran, kerana di sisi Altah S.W.T. manusiaadalahsama.PirmanAlIahS.W.T. di dalam Surah 49, ayat ke-13 bermaksud: "Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu bagi Allah S.W.T ialah yang paling taqwa". Apakah Ahli Parlimen Gua Musang tidak sedar mengenai dengan hakikat ini? Saya bimbang dan saya yakin selepas peristiwa isu pindaan Perlembagaan ini, yang masuk peti besi ialah politik Ahli Parlimen Gua Musang.

Sejarah membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. sendiri tidak berada di atas hukum. Semasa Baginda menghasilkan Perlembagaan Madinah dan di saat-saat akhir usianya, Baginda bertanya kepada jemaah di masjid sekiranya Baginda masih berhutang dan berlaku tidak adil. Sepanjang pemerintahan Khalifah Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali mereka juga tidak berada di atas hukum. Inilah realiti sebenarnya dalam sistem pemerintahan Islam. Di dalam Islam tidak ada sebarang kelompok yang mulia yang mengatasi yang lain. Semua adalah sama. Firman AUah S.W.T.: "Dan kemuliaan itu adalah bagi Allah, bagi RasulNya dan bagi seluruh kaum muslimin"—al-Munafiqin ayat ke-8.

Konsep Raja mengatasi undang-undang yang masih diperjuangkan oleh Presiden Semangat 46 dan gerombolannya adalah ideologi feudal yang totok, ideologi feudal yang sepatutnya sudah lama disimpan di Muzium Negara. Ideologi feudal purba ini telah diamalkan di China, Eropah, India, Mesir dan lain-lain. Di zaman tersebut Raja-Raja dianggap sebagai bayangan Tuhan. Rakyat diyakinkan bahawa Raja-Raja tersebut adalah wakil dan pilihan Tuhan, rakyat mesti patuh sebagai hamba.

Di negara kita ideologi feudal ini berhubung kait dengan Kerajaan Hindu purba, kemudian fahaman ini dilangirkan dengan fahaman Islam di zaman pertengahan, selepas itu ianya digilap oleh kolonial Inggeris dengan beberapa penyesuaian, akhirnya terus terpikul oleh kita sejak mencapai kemerdekaan. Profesor Ahmad Ibrahim dalam tulisannya "Kedudukan Islam dan Perlembagaan Malaysia" dan Tun Muhamad Suffian di dalam buku Perlembagaan Malaysia menyebut "Sultan tidak berhak mendapat apa-apa pengecualian khas daripada peruntukan Undang-undang Syariah, justeru Baginda sendiri tidak lebih daripada seorang hamba undang-undang". Itu dalam halaman alau muka surat 59.

Jadi, apalah janggalnya bagi kita untuk mengikis karat-karat lama yang masih tersisa dalam Perlembagaan kita. Apakah perlu kita berkompromi dengan karat dan daki ini sedangkan kita tahu natijahnya? Apakah selepas merdeka selama 36 tahun kita terpaksa mengikat keperluan kita hanya kerana sentimen melulu?

Tuan Yang di-Pertua, Ahii Parlimen Gua Musang juga mengelirukan rakyat dengan mengatakan pindaan ini akan menjatuhkan darjat Raja-Rajadan sebagai lorong ke arah terhapusnya Raja-Raja, tanpa segan-silu beliau menyatakan meminda Perkara 181 (2) adalah memusnahkan kedaulatan Raja-Raja.

Kerajaan Melayu dulunya tidak mempunyai Perlembagaan yang lengkap kecuali beberapa hukum kanun seperti Hukum Kanun Tanah, Hukum Kanun Melaka dan lain-lain. Kemudian penjajah Inggeris membantu Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu membentuk undang-undang tubuh Kerajaan Negeri atau perlembagaan masing-masing. Johor-negeri pertama mempunyai perlembagaan bertulis pada tahun 1895, diikuti oleh Trengganu pada tahun 1911. Perlembagaan tersebut bukan sahaja digubal, dipinda, dibuang dan dimansuhkan malah terdapat Raja-Raja atau Sultan turut dipecat oleh Inggeris.

Dari sini juga Presiden Semangat 46 harus ingat di waktu UMNO mati dahulu, di waktu usaha beliau untuk memulihkan UMNO asal, beliau menyatakan tidak ada undang-undang manusia tidak boleh dipinda kecuali Al-Quran. Hari ini, dia bercakap pula ada satu perlembagaan yang unik dan tidak boleh dipinda mengatasi

Al-Quran. Saya tidak terfikir bahawa lidah Semangat 46 sedang menjadi cabang yang ketujuh. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan dipinda, dibuat dan dimansuh tetapi sistem Raja tetap kekal. Raja dipecat atau disingkir, namun sistem beraja letap juga kekal. Jadi, bagaimana Presiden Semangat 46 boleh terkeliru dalam mengenali sejarah bangsa? Adakah pengamatannya terhadap sejarah bangsa bertutup oleh tabir kumin yang tebal di sekelilingnya? *(Tepuk)* Sebab itu, saya tidak hairan ucapan beliau tadi, sebab ucapan itu adalah ucapan kerabat Di Raja. *(Ketawa)* Ucapan yang mewakili 9 orang bukan mewakili 18 juta rakyat. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, sejarah membuktikan bahawa yang mengekalkan sistem ini adalah rakyat, bukanlah kerana Perlembagaan, Bila Raja menerima cadangan Malayan Union yang menjatuhkan martabat mereka, rakyatlah yang menolak sistem tersebut. Rakyat berpadu tenaga mendaulatkan Raja-Raja Melayu. Sesungguhnya, yang mendaulatkan Raja-Raja tersebut adalah rakyat, tegasnya rakyatlah yang berdaulat dan menentukan Raja-Raja. Oleh itu, bila rakyat tidak berminat melihat fenomena di mana Raja di atas undang-undang, maka Raja kenalah pekakan akan hasrat ini. Sejarah mengingatkan kita, bila rakyat sudah tidak berdaya mengurus Raja, mereka tidak lagi menghabiskan masa meminda Perlembagaan. Sebaliknya, seluruh sistem itu dilemparkan di dalam bungkusan sejarah.

Perubahan yang akan membawa kepada kebaikan ini bukanlah sesuatu yang janggal. Perubahan yang boleh diterima oleh semua orang yang normal. Perubahan minimum yang dituntut oleh majoriti warganegara di negara ini. Angin perubahan tidak bisa diempang lagi, Tuan Yang di-Pertua. lanya adalah suara murni rakyat yang teranyam dari penjuru desa dan kota yang sedang bertiup menujah Parlimen. Kita percaya Parlimen ini turut terbelah menjadi puing-puing, kiranya cuba menghalang angin perubahan.Izinkan saya mengutip pendapat seorang ahli fikir sosial—Victor Hugo yang mengatakan bahawa, "tidak ada bala tentera yang mampu menyekat idea atau perubahan bila masanya telah bersabda."

Oleh itu, suntikan yang membawa kepada kemusnahan kekebalan Raja-Raja adalah sesuatu yang wajar, suntikan yang boleh mencantas bibit-bibit kemudaratan yang telah berakar umbi di pemikiran Raja selama ini. Dilihat dari segi sudut apa pun, pindaan ini membawa kebaikan kepada Raja dan warganegara. lanya selaras dengan tuntutan Allah, "cegahlah kejahatan dengan sesuatu yang baik." (Surah 23, ayat 96).

Anehnya Presiden Semangat 46 menggesa rakyat menentang pindaan ini berkata "Bagi kita, umat Melayu yang memahami sejarah, langkah ini amat menyentuh perasaan kita. la seperti racun yang disumbat ke mulut."Itu kata-kata Presiden Semangat 46.

Apakah pindaan yang akan membawa kebaikan kepada umat Melayu dan rakyat ini di kaca mata Presiden Semangat 46 sebagai racun? Barangkali kerana penglibatan Sultan serta fahaman yang terkeliru itulah yang maka beliau dan gerombolannya yang lersisih oleh rakan-rakan dalam Angatan Perpaduan Umah dan Gagasan Rakyat. Beliau seperti lebai malang, berkayuhke hulu menongkah arus, berkayuh ke hilir menongkah pasang. *(Tepuk)*

Apa yang lebih mengaibkan, seolah-olah beliau lebih cenderung menghayati Quran tadi secara terbalik. Seolah-olah mahu menganjurkan kejahatan mengatasi kebaikan. Pemikiran beliau bukan sahaja terkelim dan tercemar. Kerana Tikirannya yang terkeliru atau tercemar itulah

mencetuskan beliau menyeru, "Marilah kita berjuang dari segenap penjuru menyelamatkan detik-detik pcnting yang mcncntukan hidup mati bangsa Melayu ini. Marilah kita bersama, berjuang dan berkorban dcmi masadepan kita bersama." Begilu sedap kata-kata Presiden Scmangat 46 yang guna ayat ini.

Seruan beliau adalah seruan yang sesat lagi menyesatkan. Seruan dari orang yang mahu menghalalkan kejahatan. Beliau berjuang mahu pular-belitkan supaya kcbaikan diatasi oleh kcjahatan. Suruannya akhir akan mcmbawa kesengsaraan kepada gcrombolannya scndiri. Saya menyeru kepada gerombolannya supaya insaf dan sedar. Agar tidak terdorong lebih jauh daripada gerombolan ini tidak tersesat dan kccewa seperti yang tcrsurat di dalam Al-Quran. 'Tuhan kami, kami mematuhi pumimpin dan pendcta kami dan mereka yang menyesatkan kami." (Surah 33, Ayat 67).

Scruan Prcsiden Semangat 46 adalah seruan yang menuntut supaya rakyat dapat menerima kezaliman. Beliau merupakan penganjurbaruyangmahumemaksarakyat menerima ketidakadilan. Nampaknya, beliau juga menggunakan slogan-slogan Islam untuk menghalalkan tindakan yang mungkar ini. Apa yang menarik, pcmikiran bdiau seirama dengan pemikiran Sultan Kelantan. Nafasnya dengan Sultan Kclantan adalah sama. Barangkali atas falsafah inilah, maka tanpa segan silu Sultan Kelantan mengisytiharkan penentangannya terhadap pindaan ini lebih awal di Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Di manakah sikap yang dikatakan meletakkan Al-Quran dan hadis di atas segala-galanya? Saya hendak mencadangkan kepada Ahli Parlimen dari Marang, kalau boleh, tolong bawa Presiden Semangat 46 pulang ke Rusila, mandi air kolah di Rusila. *(Ketawa)(Tepuk)*

Jelaslah pada kita bawa Presiden Semangat 46 dan Sultan Kelantan mahu mcnggembalikan teori pemerintahan kuku besi di dalam Islam. Sepertimana yang dianjurkan oleh Ba'aldin Ibu Jemaal di dalam bukunya "Takrif fi-takdib An-nuru! Islam", pemikiran terhasil di zaman pertengahan Islam pada abad ke 18 di mana rakyat dipaksa menerima scgala bentuk tekanan dan kezaliman.

Tuan Yang di-Pertua, i/inkan saya membaca makna sepotong ayat AI-Quran berbunyi "Cukuplah Allah sebagai pelindung, cukuplah Allah scbagai penolong." (Surah An-nisa, ayat 44). Ayat ini secara jelas mengajar kita umat manusia bahawa yang berlindung dan mcnolong manusia itu adalah Allah. Bagaimanapun, klta scbagai satu bangsa mestilah bcrusaha membangunkan bangsa kita. Kita mestilah mempunyai suatu kerangka falsafah untuk mcninggikan martabat bangsa. Sejarah telah mcnunjukkan bahawa orang-orang Arab di bawah kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. telah mampu membangunkan suatu falsafah bangsa yang boleh mcngatasi kcdaifan gcografi dan kekalutan masyarakat. Malah baginda dan bangsa Arab tdah berjaya mcmbawa tamadun agung kepada manusia dalam masa singkat. Kejayaan satu bangsa tidak ditentukan oleh Perlembagaan, simbol atau dewa-dewa. Kejayaan serta keselamatan kita umat Melayu dan warganegara ditentukan oleh kita bersama. Kita tidak nampak dari sudut apakah Presiden Semangat 46 mengatakan Raja-Raja scbagai benteng terakhir "for the survival", hidup atau matinya umat Melayu sebagai tuan kepada bumi yang bertuah ini. Kalau orang Melayu sedang menjadi kaum minoriti ataupun hilang

ataupun Melayu hilang kuasa politiknya, Raja-Raja Melayu masih boleh bertindak sebagai jaring penyelamat kepada nasib orang Melayu. Inilah nada Presiden Semangat 46, nafas perkauman yang dibawa ke kampung-kampung sekarang ini.

Sejarah bangsa kita menunjukkan bahawa rakyatlah yang berjuang mempertahankan tanahair dari kuasa kolonial. Datuk Maharajarela dan pengikutnya cuba menyelamatkan Perak, Datuk Bahaman dan Mat Kilau di Pahang, Tok Jangut di Kelantan, Abdul Rahman Limbong di Terengganu dan lain-lain.

Bila Jepun datang menduduki tanah Melayupadatahun 1941 hingga 1945,tiada siapa pun yang dapat menyelamatkan umat Melayu dan warganegara dari kezaliman Jepun. Siapa yang menyelamatkan Raja-Raja Melayu atau rakyat pada waktu itu, waktu kezaliman Jepun. Adakah rakyat atau Raja-Raja,turut berjuang bersama dengan rakyat? Bila Bintang Tiga mengganas selama 14 hari, umat Melayu tidak dilindungi oleh sesiapa pun melainkan mereka sendiri yang bangkit membebaskan Tanah Melayu daripada pendudukan Jepun, adalah rakyat bersama Tentera Bersekutu yang bangkit menentang Bintang Tiga ini adalah rakyat. Rakyatlah yang menyelamatkan tanahair. Rakyat diselamatkan oleh rakyat, bukannya Raja, dengan pertolongan Allah Subhanahu Wataala. *(Tepuk)*

Penukaran Malayan Union kepada pembentukan Persekutuan 1946 adalah hasil pengembelingan tenaga rakyat yang mencarik-lumatkan Treaty Malayan Unibn itu adalah rakyat bukanlah Raja-Raja Melayu. Benarlah apa yang dijanjikan oleh Allah bahawa setiap bangsa diperjuangkan oleh bangsa itu sendiri. Tuhan menjanjikan kita akan memperolehi apa yang kita usahakan sepeiti firmanNya, bahawa tiada apa bagi manusia kecuali apa yang diusahakan—surah 53 ayat 39.

Hari ini kita dalam Dewan yang mulia ini yang mewakili majoriti rakyat mahu meminda Perlembagaan dan menjaga maruah dan martabat bangsa. Kita yakin bahawa Raja-Raja Melayu dan warganegara semakin terpelihara dengan pindaan ini. Kita yakin dengan adanya program reformasi yang teratur dan bersepadu, bangsa kita semakin disegani dan dihormati. Program reformasi ini tidak hanya kepada kemajuan ekonomi tetapi mencakupi semua perkara termasuk mental, pendidikan, politik dan lain-lain. Reformasi ini mampu menjawab masalah umat Melayu dan warganegara secara muktamad. Bila umat Melayu tidak lagi bimbang tentang masa depan mereka di semua segi, maka tidaklah timbul igauan-igauan yang kononnya masa depan ditentukan oleh lambang dan simbol-simbol.

Sekiranya Presiden Semangat 46 dan gerombolannya bercita-cita ingin menyelamatkan umat Melayu, maka marilah bersama-sama dengan seluruh Ahli Dewan yang lain, menyokong pindaan ini.

Marilah dengan dada yang terbuka dan fikiran yang menerima, lupakan kepentingan diri, lupakanlah fahaman kepuakan, lupakanlah sengketa, kita bersatu untuk kepentingan bangsa. Marilah kita bangunkan perpaduan bangsa, marilah kita merombak falsafah politik kepartian, buangkan fahaman lama itu iaitu parti pembangkang akan menentang apa sahaja dari kerajaan secara total. Sebaliknya penyokong kerajaan akan menyokong apa sahaja dari kerajaan. Marilah bersama kita mengambil ikhtibar dari perpecahan yang lepas kerana yang diasaskan oleh fahaman

kepuakan, perpecahan yang bukan sahaja membelah parti malah meretakkan perpaduan bangsa. Umat Melayu tidak mahu melihat perpecahan ini berpanjangan kerana seperli kata pepatah: "lesong retak, ayam yang kenyang."

Kita perlu bersatu untuk mengaruk kancah dunia yang semakin gawat. Kejayaan pembangunan negara kita sejak muktahir ini mula dicemburui oleh kuasa Neo Imperialists. Era Pasca Marx metihatkan tanda-tanda dunia menuju ke arah genggaman Neo Imperialists Anglo America, Zaman Pax Universalists menuntut kita supaya lebih memikirkan tentang perpaduan bangsa dari memikirkan soal pengaruh kepartian. Janganlah kita membuka sebarang ruang untuk dicelah oleh kaum imperialist yang semakin rakus akhir-akhir ini memperkudakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sekiranya isu ini terganggang tanpa kesudahan dan membelah bangsa, maka dosa itu mestilah dipikul oleh Presiden Semangat 46 dan gerombolannya. Sekiranya isu ini akhirnya dijadikan lesen oleh new imperialist untuk mencengkam kuku-kuku ganas mereka, maka tidak ada siapa yang bersalah selain dari Presiden Semangat 46 dan, gerombolannya.

Ahli Parlimen Gua Musang semasa Perhimpunan Khas partinya ada menyarankan agar dibentuk sebuah tribunal khas untuk Raja-Raja Melayu. Tribunal yang dianggotai oleh Raja-Raja Melayu, tribunal yang akan membicara dan menjatuhkan hukum kepada Raja-Raja yang bersalah, pandangan inipun satu pandangan yang baik tentang mekanismenya. Tetapi yang timbul sekarang bukanlah soal mekanisme. Yang menjadi tuntutan warganegara ialah mereka menolak kedudukan raja-raja di atas hukum itulah soal pokok. Membaca apa yang tersirat dalam soal tribunal, beliaii secara tidak langsung melontarkan persoalan kenapa pindaan perlu dibuat kerana yang terlibat hanya seorang dua Raja bukan semuanya. Jadi, kalau kita mahu meminjam kaedah Presiden Semangat 46 ini, maka segala undang-undang tidak perlu dibuat kerana yang jahat itu hanya segelintir. Ini sekolah mana Presiden Semangat 46 mengajinya. *(Ketawa)* Kalau kaedah ini turut disarankan kepada Sultan Kelantan, maka apa perlu Baginda menyebut tentang hukum hudud Baginda. Apakah Presiden Semangat 46 ini ingin memperkecilkan kemampuan Nabi Muhammad s.a.w. yang mengerakkan hukum-hukum kepada pesalah hanya perundangan Isiam kerana yang bersalah hanya segelintir. Misalnya, orang yang tidak setia dengan pemimpin yang tersasul seperti saya dahulu. *(Ketawa)*

Warganegara mahukan Raja yang bersih, Raja yang tidak berkubang dalam soal-soal yang boleh menjatuhkan darjat mereka. Raja yang tidak terjun mencari kekayaan dengan menggunakan segala jari-jemari dan sengat-sengatnya, Raja yang tidak membuka mata melihat kehijauan sambil membilang batang-batang balak untuk ditebang. Di penghujung abad kedua puluh ini, warganegara seperti ini ialah harus disedari oleh Raja-Raja sekalian. Rakyat menuntut supaya Raja menjadi bersih, bermaruah, berhemah tinggi dan berpandangan jauh agar rakyat menyampaikan sesuatu kepada Raja-Raja sekiranya terdapat golongan politik, Eksekutif, Kehakiman atau Ahli-ahli Parlimen yang dianggap menyeleweng. Tegasnya Raja-Raja sebagai jalan terakhir untuk menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal kekebalan atau immunity ini, saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan sekalian

supaya melebarkan ruang-lingkup kita iaitu kita perlu menyibarkan kepada semua warganegara yang cintakan demokrasi.Warganegara tidak dapat menerima raja-raja yang kebal. Di masa yang sama mereka juga tidak mahu melihat adanya pihak politik dan Eksekutif yang kebal. Dalam soal ini, pihak Kerajaan kena tegas dan bertanggungjawab. Rakyat sedang meneropong tingkah-laku kita semua. Menteri-menteri tidak boleh kebal. Timbalan Menteri tidak boleh kebal, Setiausaha Parlimen tidak boleh kebal. Menteri Besar tidak boleh kebal. ADUN tidak boleh kebal. Ahli Parlimen tidak boleh kebal. Pegawai Tinggi Kerajaan tidak boleh kebal. Sekarang apapun tidak kebal, kereta kebal pun sudah tidak kebal. *(Ketawa)* Peti kebal pun sudah tidak kebal. Apabila semua tidak kebal, barulah Sistem Demokrasi menjadi kebal. *(Tepuk)*

Saya ingin mengingatkan semua pihak tentang ketajaman pengamatan warganegara. Kalau pihak Eksekutif cuba memakai jaket kalis peluru untuk menutup pengamatan warganegara supaya menganggap mereka tidak kebal, itu adalah penghitungan yang salah. Menukar ilmu kekebalan dengan memakai jaket kalis peluru, tidak boleh diterima oleh warganegara. Ingat, janganlah kita bermain-main dalam soal ini.

Oleh itu, saya menyarankan agar Badan Pencegah Rasuah diberi peranan yang lebih berkesan. Jadikan Badan ini bebas, biarlah ianya menjadi mata telinga yang dapat mengawal kebersihan rumahtangga kita. Semoga sampah sarap yang berselerak di mana-mana sama ada di sudut meja, di penjuru tangga dapat dibereskan. Semoga kita berbangga dengan negara yang bersih daripada wabak dengan hasrat kita ingin menyedut udara bersih di sekeliling. Saya rasa kita tidak dapat tidur lena dengan tekanan udara yang segar dan nyaman sekiranya fikiran kita berserabut dalam menghadapi gejala-gejala yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menghayati firman Tuhan dalam surah Al Baqarah, ayat 188 berhubung soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, kita sudah mendapat berita juga bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah telah pun membatalkan sebahagian daripada acara Hari Keputeraan Baginda. Selain daripada itu juga, menangguhkan penganugerahan bintang-bintang kebesaran. Saya mengucapkan tahniah kepada Sultan Kedah sebab menyelamatkan wang rakyat. Inilah langkah yang bijak dan saya ingin mengingatkan juga dalam ucapan saya, selepas ini sudah tentu kerajaan akan membawa Rang Undang-undang ini kepada Majlis Raja-Raja. Walaupun sudah ditolak, kita menyeru sekali lagi supaya Raja-Raja memikir sejuta kali sebelum menolak selepas ini sekali lagi sebab saya ingin menyarankan kepada kerajaan dengan secara terbuka kalau Raja-Raja tidak berupaya untuk bekerjasama dengan kerajaan, saya ingin menyarankan kerajaan jangan lagi bekerjasama dengan Raja-Raja. *(Tepuk)* Buat apa kita hendak bekerjasama dengan orang yang tidak mampu memberi kerjasama kepada kita untuk mendokong cita-cita dan daulat rakyat. Berhentikanlah, baik AP, baik tanah, baik balak, baik beri kepada rakyat kampung ataupun macam saya yang miskin kedana ini. *(Ketawa)* Itu bukan saya meminta, cuma contoh. *(Ketawa)* Hentikanlah semua ini.

Saya pun hendak sarankan kepada pihak Kerajaan Negeri-negeri terutamanya supaya tegas mulai sekarang. Jangan lagi di satu pihak kita kritik, tetapi bila minta kita beri pula. Betul! Kita percaya dahulu kerajaan bertolak ansur, ada pihak Pembangkang

pun bertanya kenapa sekarang baru bertindak. Kalau bertindak dahulu, lagi dia kata kerajaan ini tidak sabar. Sudah lama tunggu, sudah berbelas-belas tahun, baru kerajaan bertindak—menunjukkan betapa kerajaancermattarikrambutdalamtepung.

Tuan Yang di-Pertua, anugerah-anugerah.ini pun satu hal juga. Kalau Raja-Raja tidak terima, sebagai ahli politik, saya hendak bertanya, berat sangatkah hendak pikul Dato-dato atau Tan Sri-Tan Sri ini? Fikir dua kali sebab kita tidak mahu lagi double standard. Bual once and for all kita tentukan masalah ini selesai. Kita hendak menyelamatkan institusi Raja-Raja. Kita hendak menyelamatkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Saya mengajak Ahli Dewan yang mulia ini, hari ini kita Ahli Dewan Rakyat dan di luar kita sebagai rakyat. Saya berdiri menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini bukan sahaja dalam Dewan Rakyat ini, tetapi saya sedia turun ke bawah bergelumang dengan perjuangan rakyat demi menegakkan hasrat citarasa warganegara untuk melihat pindaan ini lulus dan dijadikan satu undang-undang untuk rakyat dan negara seluruhnya.

Bukan setakat dalam Dewan yang mulia ini. Saya tak mahu mengutip soal itu dan ini, ataupun bertangga-tangga ataupun berdalih-dalih. Kita mesti berterus-terang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucap tahniah kepada Perdana Menteri. Dalam darah pemimpin Kerajaan sekarang ini ada darah Tuah dan darah Jebat. Dan Tuah Jebat inilah wira bangsa moden Melayu di abad ke 20. Sekian, saya menyokong. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Nibong Tebal.

*6.00 ptg.*

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Perlua, cadangan ini adalah satu perselisehan faham yang serius. Saya harap dapat menjelaskan hari ini. Perenggan 6 dalam Huraian berbunyi, Fasal 7 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Pasal 2 Perkara 181 bagi menarik balik kekebalan seseorang Raja terhadap prosiding undang-undang dalam mana-mana rnahkamah atas sifat keperibadiannya. Dengan ada pindaan ini, seorang Raja hanya kebal dari prosiding undang-undang di atas apa yang dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Implikasi huraian ini ialah Pasal 2 di bawah Perkara 181 ada memperuntukkan kekebalan dari tindakan undang-undang kerana perlakuan jenayah atau bertentangan dengan Perlembagaan. lanya tidak berapa pasti sama ada perkataan "kekebalan" atau immunity seperti ditakrifkan di dalam huraian pada Rang Undang-undang ini - boleh digunakan atau tidak.

Perkara 181 menyatakan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini hak kedaulatan kuasa dan bidangkuasa Raja-Raja dan hak kedaulatan kuasa dan bidang kuasa pembesar-pembesar, pemerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dinikmati hingga sekarang tetap tidak disentuh. Ini diikuti oleh perkara kecil yang menyatakan bahawa tidak apa-apa prosiding boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja sebuah negeri atas sifat dirinya sendiri. Saya berpendapat bahawa perkara atau artikel ini tidak memberi apa-apa kekebalan kepada Raja-Raja di

atas tindakan jenayah mereka atau tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan. Saya berkata demikian kerana kedaulatan dan hak kedaulatan dan kuasa-kuasa di bawah Perkara 181 adalah tertakluk kepada dua syarat. la adalah tertakluk kepada perkara-perkara dalam Perlembagaan termasuk Perkara 4 yang menyatakan bahawa Perlembagaan itu ialah undang-undang tertinggi, dan Perkara 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 ialah peruntukan-peruntukan perjalanan undarig-undang atau Rule of Law.

Perkara-perkara yang terpenting bagi maksud memahami Perkara 181 ialah perkara 5 dan 8 yang tiap-tiap satu menyatakan, "Tidak ada seseorang pun boleh diambil nyawa atau dllucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang. Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Kedaulatan hak-hak dan bidangkuasa adalah berhubung dengan wilayah Raja-Raja. Kesemua itu tidak didefinasikan, melainkan di dalam Perlembagaan setengah-setengah negeri, tetapi ada peruntukan kekebalan dari undang-undang Persekutuan dan mencabul hak kebebasan rakyat di bawah Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri-negeri. Tertakluk kepada Perlembagaan bermakna tertakluk kepada semua kebebasan asasi yang diberi oleh Perlembagaan kepada tiap-tiap rakyat.

Perkara 5 dan 8 bersama dengan kuasa perundangan Parlimen di bawah Perkara 66 menjadikan Raja tertakluk semua undang-undang Persekutuan yang dilulus oleh Parlimen. Perlu dikatakan bahawa semua perkara jenayah sivil dan Perlembagaan adalah kuasa Parlimen. Mungkin boleh dihujahkan untuk mengatakan bahawa di dalam beberapa perkara sivil, Raja telah menikmati beberapa keistimewaan atau kekebalan. Tetapi semua ini adalah keistimewaan common law yang tidak boleh mengatasi peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang melakukan Raja-Raja kepada kuasa perundangan Parlimen dan keagungan undang-undang dalam Perlembagaan. Dengan ini, Perkara 181 dibaca bersama dengan perkara-perkara yang disebutkan hanya boleh ditafsirkan sebagai terhad kepada substatus kedaulatan Raja-Raja. Sekiranya Perkara 181 dlberi makna yang khas seperti kekebalan am atau menyeluruhnya, ini bermakna Raja-Raja boleh bertindak bertentangan dengan Perlembagaan dan Kerajaan tidak ada remedy untuknya. Mentakrifkan sebagai kekebalan menyeluruh akan bertentangan dengan Perlembagaan dan syarat pasti menghadkan pemakaian Perkara 181' memaklumkan kepada keagungan Perlembagaan. Sekiranya penggubal-penggubal Perlembagaan itu hasrat untuk memberi kekebalan menyeluruh, iaitu kejadian perkara kecil atau sub-article seperti mana terdapat dalam Perkara 181(2), malahan ia akan dijadikan satu perkara khusus dan tersendiri dan sudah pasti jelas dan sejelasnya, dan ketiadaan perkara seperti ini bermakna Perkara 181 hanya boleh ditafsirkan bahawa perkara-perkara yang berkait dengan status kedaulatan dan lain-lain perkara yang berkait dengan tidak boleh jadikan satu maksud sebagai prosiding mahkamah. Mungkin inilah huraian bagi maksud memasukkan "tidak ada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja-Raja sebagai satu negeri atas sifat dirinya sendiri—antithesisnyaialahdirinyasendiri. Perkataan-perkataan dirujuk ialah sifat dirinya sendiri. Dengan ketiadaan satu kenyataan yang jelas dan terang memberi kekebalan kepada Raja-Raja secara

meluas dan mana-mana undang-undang bertulis membuktikan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan hanya merancangkan keadaan yang wujud dalam Perlembagaan itu. Kerajaan tidak menukar Perlembagaan atau menambah sesuatu yang baru dalam Perlembagaan itu. Kerajaan hanya menjelaskan apa yang sudah ada dalam Perlembagaan itu selama ini. Dengan itu saya harap pjhak Pembangkang faham Kerajaan tidak tambah atau menukar apa-apa dalam Perlembagaan, tetap menerang sahaja apa yang ada dalam Perlembagaan,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini menerangkan sejarah Perlembagaan terutama sekali berhubung dengan Perkara 181. Penggubalan Perlembagaan diamanahkan kepada Suruhanjaya Reid dalam tahun 1956 dan Suruhanjaya itu menyampaikan laporan beserta dengan draf Perlembagaan itu dalam tahun 1957. Suruhanjaya Reid tidak memperakukan apa-apa perkara yang menyerupai Perkara 181 dimasukkan. Draf Perlembagaan ini digubalkan semula oleh Pejabat Kolonial dan telah memasukkan Perkara 181. Pada masa itu perkara ini tidak menjadi kontroversi oleh kerana pada pendapat saya Perkara 181 itu difahami bukan untuk ditafsirkan sebagai satu kekebalan dari undang-undang bertulis atau Perlembagaan. Dan jika dibaca Perkara 181 sepertimana yang saya terangkan perkara ini akan lebih jelas lagi.

Majlis Peguam juga berpendapat bahawa Perkara 181 memberi kekebalan kepada Raja-Raja dari undang-undang bertulis. Majlis Peguam salah baca Perkara 181 di dalam konteks Perlembagaan itu. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertiw, benarkan saya membaca Editorial Majlis Peguam:

"Without the immunity now provided by the Constitution the Rulers will be left defenseless against the Government. Their dependence will no longer be assured. Any relation to criminal proceedings is a track of prosecution and the natural desire to avoid humiliation of having to appear before the Ordinary Courts of Law with the attending possibility of subject to penal sanctions including that in position of custodial sentence will render them susceptible to executive pressure and consequently to give into the dictate of the executive."

Majlis Peguam pada hakikatnya menganjurkan satu keadaan yang tidak constitutional berhubung dengan pentafsiran sebenarnya Perlembagaan itu. Mereka pada hakikatnya mengatakan bahawa Raja-Raja terkecuali dari Perlembagaan, iaitu Raja-Raja tidak tertakluk di bawah Perkara 181 Perlembagaan, (peruntukan persamaan di bawah undang-undang), iaitu Raja-Raja tidak perlu menerima nasihat eksekutif dan menerima juga hak asasi Perlembagaan itu yang menentang Parlimen dengan eksekutif. Pendirian mereka tidak legalistik dan tidak juga berasaskan kepada pemikiran yang mengikut undang-undang. Sebagai suatu badan yang mewakili' peguam-peguam, kita menjangka bahawa Majlis Peguam akan berpegang kepada perjalanan undang-undang (Rule of Law) dan prinsip kesamaan di bawah undang-undang. Hujah mereka tidak profesional dan tanpa perhitungan. Malangnya pendapat Majlis Peguam itu adalah berasaskan pandangan politik bertentangan dengan Perlembagaan, nilai-nilai liberal dan demokratik.

Pendirian Majlis Peguam itu sungguh mengecewakan. Mereka telah memberi gambaran yang salah, bahawa Perlembagaan itu tidak........

**Tuan Ahmad bin Nor:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bayan Baru bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Sila.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal bercakap begitu bernas tentang prinsip dan menuduh bahawa Bar Council telah melanggar prinsip perundangan. Saya ingin tahu kerana Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal juga seorang Peguam, Yang Berhormat tahu bahawa perbincangan hari ini melanggar prinsipundang-undangiaituPerlembagaan, tidak mengikut Perkara 38(4). Adakah ini disedari oleh Yang Berhormat dan Yang Berhormat sokong pula dengan perbincangan perbahasan yang diadakan pada hari ini? Saya ingin tahu pendirian peribadi Yang Berhormat.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Kalau Yang Berhormat sabar, Yang Berhormat boleh faham apa yang saya kata ialah cadangan ini tldak ubah sesuatu perkara yang tidak ada dalam Perlembagaan. Apa yang dicadang ialah untuk menjelaskan apa yang sudah ada dalam Perlembagaan. *(Tepuk)*

Saya harap Ahli Yang Berhormat faham, itulah isi pokok apa yang saya kata, nampaknya Yang Berhormat tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Yang Berhormat, minta maaf, ada Usul.

# USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa, walau apapun menurut peruntukan Peraturan Mesyuaratl2(l), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 9.30 malam.

**Menteri Pendidikan (Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 9.30 malam ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 9.30 malam.

## RANG UNDANG-UNDANG

PERLEMBAGAAN (PINDAAN), 1993
Bacaan Kali Yang Kedua

*Perbahasan disambung semuta.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya, huraian di dalam Rang Undang-undang ini memang tidak betul. Di dalam huraian ini ada dikata, "menarik balik kekebalan", itu dengan hormat, tidak betul. Cadangan ini bukan menarik kekebalan. Kalau kita kaji Perlembagaan, tidak ada kekebalan, itu satu perkara yang mustahak. Dan saya harap pihak Pembangkang fuham ....

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Hendak minta penjelasan sedikit. Adakah maksud Yang Berhormat tadi iaitu untuk perbincangan kila hari ini, untuk debate kita hari ini, kita tidak perlu mendapat kelulusan Majlis Raja-Raja.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Memang itu betul. Sebab kita bukan membuat satu Constitutional Amendment yang mengenai dengan prerogative atau privileges tetapi memang menerangkan apa yang ada dalam Perlembagaan.

Saya harap dengan keterangan yang saya beri, pihak DAP menukar fikiran mereka, dan sokong cadangan Kerajaan. *(Tepuk)*

Pendirian Majlis Peguam itu sungguh mengecewakan bukan kepada saya sahaja, tetapi boleh dikatakan peguam-peguam semua sekali. Konsep perbicaraan oleh rakan-rakan setaraf yang dicadang oleh Majlis Peguam itu pun tidak sesuai. Konsep perbicaraan rakan-rakan setaraf atau trial by peers, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan sebagai alternatif ataupun pilihan oleh Pembangkang, dan Majlis Peguam menggunakan hakim-hakim sebagai ibarat. Apabila hakim-hakim yang dibicarakan oleh rakan-rakan setaraf ini adalah berhubung dengan salahlaku judicial. Tetapi jika seorang Hakim melakukan kesalahan jenayah, dia tidak dikecualikan dari tindakan undang-undang. Jadi, pihak Pembangkang sudah salah faham dan pihak Majlis Peguam pun salah faham makna trial by peers yang digunakan oleh Hakim.

Dia tertakluk kepada Perkara 8 dalam Perlembagaan yang menjadikannya sama rata dengan orang lain dari segi undang-undang. Cadangan Majlis Peguam ini adalah antithesis kepada Rule of Law sebagai satu konsep di bawah perkara 5 dan 8 di dalam Perlembagaan, Perkara 5 adalah Peruntukan Rule of Law yang juga bermakna kesamaan mengikut undang-undang dan dinyatakan seterusnya dalam Perkara 8.

Keagungan Parlimen yang juga tertakluk kepada Rule of Law yang memberi jaminan kepada rakyat biasa bahawa tidak akan menganggu haknya oleh mana-mana orang atau Kerajaan. Majlis Peguam malangnya tidak sedar tentang implikasi pendirian mereka dan ramai Peguam berasa kecewa. Kita berbangga dengan Perlembagaan kita oleh kerana ia bukan sahaja sebagai lambang kebebasan kita dari penjajah, tetapi juga kesungguhan dan komitment kita kepada Rule of Law dan hak asasi manusia, khususnya, tidak ada sesiapapun yang boleh dinafikan nyawa atau kebebasan dirinya melainkan mengikut undang-undang dan sesiapa juga yang menafikan nyawa dan kebebasan orang lain atau mengenakan kemudharatan akan diadili dengan saksama mengikut undang-undang yang sepertinya, seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 8 dalam Perlembagaan. Kita juga berbangga dengan hakikat bahawa tidak ada sesiapa

pun akan dihukum kerana memberi pendapat dan ini termaktub di dalam Perkara 10 Perlembagaan yang memberi hak kepada kebebasan seseorang untuk berucap dan mengeluarkan fikiran.

Tidak ada sesiapa pun boleh dinafikan hak ini dengan ancaman kekerasan, dinafikan kebebasan atau lain-lain halangan melainkan ditentukan oleh Parlimen mengikut undang-undang. Saya berpendapat bahawa pindaan-pindaan ini adalah bagi tujuan untuk memastikan melindungi lagi hak asasi itu dan menjelaskan lagi bahawa Perlembagaan Negara adalah undang-undang tertinggi sepertinya yang dinyatakan di bawah Perkara 8, Perlembagaan Negara kita. Sebagai undang-undang yang tertinggi, semua keistimewaan dan hak kedaulatan atau prestige, perlu berlandaskan kepada Perlembagaan dan tertakluk kepada Undang-undang tertinggi Perlembagaan itu.

Parlimen adalah sebuah institusi yang ditubuhkan oleh Undang-undang yang tertinggi. Itu adalah sebagai menjelaskan political will atau kemahuan politik pemilih-pemilih. Kemahuan politik ini adalah Dewan Rakyat dan dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perkara 66 dan 71(3).

Perkara 66(4) menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam tempoh 30 hari selepas sesuatu Rang Undang-undang dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, memperkenankan Rang Undang-undang itu dengan menyebab Rang Undang-undang itu dicop dengan Mohor Besar dan jika Rang Undang-undang itu bukan Rang Undang-undang Wang, maka ia hendak mengembalikan kepada Majlis Parlimen, di mana Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada asalnya bersama-sama dengan satu kenyataan mengenai sebab-sebab pertambahan terhadap Rang Undang-undang itu atau makna peruntukannya.

Fasal kecil 4, menyatakan bahawa "jika sesuatu Rang Undang-undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh yang dinyatakan dalam Pasal 4(a), maka Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi Rang Undang-undang selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam Pasal (4) atau fasal 4(a), mengikut mana yang berkenaan, mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.

Perkara 73— ini adalah sangat mustahak. Perkara ini menyatakan "Jika pada pendapat Parlimen, mana-mana Peruntukan Perlembagaan ini atau Peruntukan Perlembagaan sesuatu negeri tidak dipatuhi pada lazimnya dalam negeri itu, maka walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan supaya peruntukan itu dipatuhi". Ini memberi Parlimen kuasa untuk meminda Perlembagaan kalau perlu, untuk mendapat pematuhan daripada sesiapa sama ada dari Raja-Raja ataupun dari Legislative assembly (Dewan Negeri) bagi sesuatu state. Inilah yang saya kata bahawa Dewan Rakyat adalah Supreme.

Perkara 66(4) dan 71 (3) dibaca bersama untuk menegakkan keagungan Parlimen di dalam Perlembagaan. Perkara 71 memberi kuasa yang luas kepada Parlimen untuk mempastikan semua Raja mematuhi Perlembagaan, terutama sekali peruntukan the Rule of law. Saya berpendapat bahawa perkataan-perkataan "Walaupun apa-apa jua" di dalam perkara ini memberi Parlimen.hak mengikut Perlembagaan meluluskan apa sahaja undang-undang, walau apa pun keperluan bagi diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja

seperti yang mana diperlukan mengikut Perkara 38. Jika ia perlu mematuhi peruntukan "the Rule of Law" dalam Perlembagaan ataupun menghalang apa-apa perlakuan yang melemahkan fungsi Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi, Walaupun keadaannya begitu, pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah pindaan-pindaan "the Rule of Law" dan tidak termasuk di bawah perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Perkara 38, iaitu keistimewaan, kedaulatan, kehormatan alau kedaulatan Raja-Raja, oleh kerana perkara ini tidak langsung bertentangan dengan pematuhan "the Rule of Law".

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu juga saya juga suka mengatakan bahawa kalau Majlis Raja-Raja yang sedang bersidang sekarang tidak bersetuju dengan pindaan ini, itu tidak menjadi soal kerana Majlis itu adalah dibuat dengan tidak kehadiran Menteri-menteri Besar dan Perdana Menteri, dan kalau mengikut Perlembagaan Majlis Raja-Raja itu tidak sah kalau tidak ada Perdana Menteri atau Menteri Besar dari semua negeri. Jadi, boleh dikatakan di dalam keadaan yang kita ada sekarang, Parlimen boleh menggunakan kuasa 71(3) untuk meluluskan cadangan yang diadakan.

Malangnya ada sesetengah keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah telah menyumbang terhadap mengelirukan Perkara 181(2). Dalam beberapa keputusan, Mahkamah telah mentakrifkan Perkara 181(2) dengan begitu luas, walaupun pernyataan-pernyataan yang berkaitan secara langsung membawa kesan kepada Perkara 181, adalah tidak perlu bagi membuat keputusan di atas fakta-fakta kes. Mahkamah telah membuat kenyataan yang tidak harmoni terhadap Perlembagaan, seperti perkara-perkara "Rule of Law". Dengan ini pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh kerajaan telah menjadi lebih mendesak.

Awal-awal lagi saya telah cuba meletakkan Perlembagaan dalam konteks sejarah. Ini ialah bagi tujuan menerangkan bahawa Perlembagaan itu asalnya digubal oleh orang-orang yang bukan sebahagian dari negara ini tetapi dilantik oleh kuasa kolonial yang hendak mengundurkan diri.

Inti Perlembagaan itu adalah hasil dari usaha dibuat oleh Suruhanjaya Reid, representasi yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan yang mewakili rakyat Malaysia dan draftsmen dari pejabat kolonial yang memindah perakuan-perakuan Suruhanjaya Reid mengikut cara yang mereka fikirkan wajar. Mereka telah memasukkan dalam Perlembagaan itu istilah-istilah dan rangkaian kata-rangkaian kata yang tidak semestinya elok dipakai sepanjang masa dan boleh mengandungi kesamaran atau tertakluk kepada korwensyen yang tidak menjadi sebahagian dari Perlembagaan kita.

Perlembagaan ini bukan satu dokumen yang maha suci yang perlu dikhazanahkan. Perlembagaan ini secara spesifik memberi Parlimen kuasa untuk meminda. Ada lima cara bagi meminda berbagai peruntukan Perlembagaan kita. Hak constitutional diterangkan dengan jelas dan tidak ada kesamaran di dalamnya. Tujuan bagi kemasukan pindaan-pindaan ini ialah untuk membenarkan Parlimen bertindak balas setiap masa kepada pengalaman-pengalaman dan perubahan-perubahan yang diperlukan oleh negara dan rakyat.

Setelah membuktikan di dalam penerangan saya tentang kesan-kesan ke atas Perkara 66 dan 71, dengan itu kritiknya yang ditujukan terhadap kerajaan bahawa

Perlembagaan kita telah dipinda sebanyak 23 kali adalah satu kritik yang tidak bermakna. Tidak ada apa salahnya Perlembagaan itu dipinda. Sebenarnya ini sudah menjadi satu tugas constitutional di mana mana-mana Fasal atau perkataan disalah tafsir atau disalahguna, Parlimen perlu bertindak sepertimana yang dibuat sekarang iaitu menjelaskan lagi. Walau apa sekalipun, saya ingin menekankan di sini sekali lagi bahawa pindaan-pindaan ini bukanlah pindaan bagi menambah satu perkara baru atau memasuki satu-satu dalam Perlembagaan ini. Ini hanya sekadar menjelaskan kesamaran yang telah disalahfahami dan dieksploitasi oleh setengah orang. Sekarang benarkan saya membaca di sini kata seorang hakim yang terkemuka yang kemudiannya menjadi Ketua Hakim Negara di dalam bahasa Inggeris:

> "It is, therefore, plain that theframers of our Constitution prudently realised that the future contejct of things and experience would need a change in the Constitution, and they, accordingly, armed Parliament with "power of formal amendment." They must be taken to have intended that, while the Constitution must be solid and permanent as we can make it, there is no permanence in it. There should be a certain amount of flexibility so as to allow the country's growth. In any event, they must be taken to have intended that it can be adapted to changing conditions, and that the power of amendment is an essential means of adaptation. A Constitution has to work nol pnly in the environment in whicti it was drafted but also centuries later. The vanity and presumption of governing beyond the grave is the most ridiculous and insolent of all tyrannies. Man has no property in man; neither has any generation property in the generations which are to follow. It is the living, and not the dead, that we are to accommodate."

The rights of man, kita perlu...

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Jelutong bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya minta penjelasan daripada rakan saya dari Nibong Tebal. Walaupun apa yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul, tetapi adakah apabila satu pindaan ada dibuat yang, dengan izin, goes to the basic structure of the Constitution, adakah itu satu pindaan? Jikalau apa yang diubah bukanlah satu perkara yang kecil tetapi satu perkara yang jadi basic structure dan di sini adakah Perkara 38(4) jadi basic structure bagi Perlembagaan Persekutuan? Bolehkah rakan saya dari Nibong Tebal jelaskan?

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat itu tidak ada bila saya menjelaskan pendirian saya atas Rang Undang-undang ini. Saya sudah beritahu Dewan ini. Ini bukan satu pertukaran basic structure. Ini ialah untuk clarify, menerangkan sesuatu, dan tidak ada satu tambahan kepada Perlembagaan dan bukan satu pertukaran. Saya sudah beri keterangan bahawa Anikel 181 tidak ada beri kekebalan terlangsung dan boleh dikatakan Artikel 181 tidak terang kepada satu-satu pihak dan_apa kerajaan buat ialah untuk menerangkan itu.

Kita perlu mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan terutama sekali kepada Perdana Menteri kita kerana mengambil

inisiatif dan menjelaskan kedudukan Perlembagaan ini iaitu untuk melindung rakyat dan negara. Isu di hadapan kita adalah isu hak-hak asasi, dan Perdana Menteri serta kerajaan telah memberi inspirasi kepada kita dengan memberi ny awa kepada Perlembagaan itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jelutong bangun pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah Yang Berhormat dari Nibong Tebal sedar bahawa apa yang berlaku baru-baru ini di Istana Serene, tidak berapa serene dan bukanlah satu perkara baru, tetapi satu perkara yang berbangkit kerapkali di masa lampau khasnya dalam tahun 1987 atau barangkali 1988 apabila Sultan Johor sekarang menjadi Yang di-Pertuan Agong pada masa itu, dan masa itu beliau telah membunuh satu kedi. Adakah.itu betul? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu sedar ada berlaku kejadian itu. Jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, terjadi perkara itu pada masa itu, itu satu perkara serius oleh kerana pembunuhan adalah di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan satu kesalahan yang amat besar dalam Kanun Keseksaan. Adakah Yang Berhormat dari Nibong Tebal sedar? Masa itu Yang Amat Berhormai Perdana Menteri tidak ambil apa-apa tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah Yang Berhormat sedar?

**Tuan Yang di-Pertua: Ya.**

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Ya, memang saya sedar perkara itu. *(Ketawa)* Saya sedar, saya tahu dan saya ada dengar perkara ini terjadi, tetapi saya tidak ada bukti dan saya belum lagi Perdana Menteri. *(Ketawa) (Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Dia belum lagi, dia belum lagi! *(Ketawa)*

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Perlembagaan kita ini mengisarkan keperluan bagi fleksibiliti dan pertumbuhan seiring dengan pembangunan negara. Perlembagaan yang tidak boleh menyahut perubahan zaman dan politik tidak berguna kepada negara. Perlembagaan kita perlu berfungsi dengan kepentingan rakyat dan bukan rakyat berfungsi bagi kepentingan Perlembagaan. Perlembagaan itu bersendirian hanya satu dokumen, Nyawa dan nadi adalah rakyat dan Parlimen. Penggubal-penggubal Perlembagaan itu tidak patut diharap dapat mengagak masalah pentafsiran dan pemakaian kepada peristiwa dan keadaan baru dan oleh kerana itulah pindaan-pindaan menjadi aspek perlu bagi Perlembagaan kita.

Jika dikatakan kerajaan bertanggungjawab mengkhazanahkan Perlembagaan iiu tanpa syarat, itu adalah satu perkara yang tidak realistik dan tanpa perhitungan. Parlimen adalah kuasa perundangan tertinggi mengikut Perkara 44, Perlembagaan. Dengan itu, hak kebebasan berucap Ahli Parlimen dilindungi oleh Perkara 63 (2) melaihkan dilarang di bawah Perkara 63 (4) yang melarang mana-mana Ahli Parlimen menentang mana-mana undang-undang yang dibuat di bawah Pasal (4), Perkara 10 dalam Akta Hasutan. Larangan-larangan ini adalah larangan dari segi ucapan sepanjang perbahasan Parlimen. Larangan ini bukan larangan bertindak terhadap usul atau cadangan meminda undang-undang. Yang diwujudkan oleh pindaan-pindaan ialah mengembalikan semula kepada Ahli-ahli Parlimen hak yang difikirkan oleh penggubal-penggubal Perlembagaan itu.

Perlembagaan mengunjurkan bahawa Ahli-ahli Parlimen perlu diberi kebebasan maksimum dan dalam kebebasan berucap, larangan-larangan mestilah di tahap minimum. Hanya dengan cara itu, Parlimen boleh memberi sepenuh pendapat kepada aspirasi rakyat. Pindaan ini adalah asasnya begitu penting kepada negara bukan oleh kerana sekarang ini Ahli-ahli Parlimen boleh mengkritik Raja-Raja di atas aktiviti-aktiviti mereka, tetapi ialah oleh kerana pengiktirafan terhadap kerajaan bahawa kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran yang menjadi hak asasi rakyat dan Ahli-ahli Parlimen adalah perlu bagi kemajuan moral, politik dan ekonomi negara. Ini adalah satu perlindungan terpenting yang ada pada rakyat,

Pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan dibolehkan sebahagiannya oleh peranan serta tanggungjawab yang dimainkan oleh suratkhabar. Walaupun begitu, akhbar-akhbar perlu diingatkan bahawa tanggungjawab mereka sebagai akhbar bebas tidak sepatutnya memilih-milih, tetapi seimbang. Pada masa lampau, banyak kritikan dilemparkan kepada akhbar oleh kerana laporan-laporan mereka yang berat sebelah. Selalunya kerajaan telah disalahkan dalam perkara ini. Ada satu kata-kata lama, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "I can take care of my enemies, but it is my friends that I am worried about."

Akhbar-akhbar mestilah sedar bahawa adalah sangat penting bagi mereka memberikan publisiti wajar dan ruang kepada Pembangkang. Adalah menjadi kepentingan sebuah kerajaan yang baik dan saya sebagai seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional merasa bahawa akhbar-akhbar menyumbang khidmat terhadap demokrasi dan prinsip Barisan Nasional dan memberi peluang kepada Pembangkang menyatakan kes mereka kepada orang ramai. Kita tidak takut kepada Pembangkang oleh kerana perjuangan parti Barisan Nasional dan prinsip-prinsip yang mereka pegang mendapat sokongan meluas dari rakyat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan bahawa Kerajaan.......

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong bangun ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan, "Contohi Barisan'Nasional sebagai parti yang bertanggungjawab", tetapi saya mahu mendapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat itu, adakah beliau sedar apa yang kita membahaskan hari ini, iaitu Rang Undang-undang mengenai kelakuan Raja, di antara lain akibat itu Rang Undang-undang irii adalah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini. Tetapi, pada 5hb November 1984, saya ada bertanya satu soalan tambahan dalam Dewan yang mulia ini dan soalan tambahan itu berbunyi,

> "Tuan Speaker, (pada masa itu Tuan Speaker pun Tuan Speaker juga—lapan tahun dahulu),adakah Timbalan Menteri berkenaan, (masa itu Datuk Radzi, sekarang sudah dipecat, bukan oleh kerana berbangkit perkara ini) adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar pada 22 April 1982 atas arahan Sultan Johor, pada masa itu pihak Polis ada memberkas dua orang ahli kerabat Diraja Pahang serta dua orang lain dan keempat-empat orang ini ada berhadapan dengan seorang Inspektor dan pegawai-pegawai lain dihentam di Istana Iskandariah oleh Sultan Johor (sekarang Yang di-Pertuan Agong) dan juga Tengku Mahkota pada masa itu."

Tindakan yang diberi ke atas saya pada masa itu adalah begini; saya baca apa yang ada *dalam Hansard,* Tuan Speaker. *Hansard* bertarikh 22 November 1984......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jelutong, soalan-soalan yang berbangkit hendaklah ditujukan kepada ucapannya.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, ucapan, ucapan tadi. Dalam ucapan tadi, Tuan Speaker, rakan saya menyatakan tadi dia Ahli Barisan *Nasional........(Disampuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu terlampau luas. Itu terlampau luas.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** *(Menyampuk)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah sedar apa yang terjadi masa itu atas tajuk yang sama sekarang, tetapi apa akibat orang yang membangkitkan perkara itu masa itu? Adakah sedar? Jangan puji Barisan Nasional tanpa tahu apa terjadi di sini dalam tahun 1984!

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat Jelutong, cukup.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bukan bertanya saya satu soalan yang menerangkan ucapan saya, tetapi dia hendak beri ucapan. Jadi, saya tak payah membalas apa yang ditanya. *(Tepuk) (Ketawa)*

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan bahawa kerajaan patut...,

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Tidak, tak beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak beri?

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Tak payah. Tak payah! *(Disampuk)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia mahu terus baca juga. If you want to finish your speech, read it up. Kena mengerti apa yang dibaca! *(Disampuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong......

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Dia tak hendak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kena mengerti, it is not a reading lesson here! *(Ketawa) (Disampuk)*

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhonmat Jelutong, sila duduk ya. Yang Berhormat Jelutong.....

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Kalau Ahli Jelutong....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan Tadika di mana baca juga! *(Ketawa)* Ini Dewan yang mulia bagi Malaysia. *(Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong! Ya, sila teruskan.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Kalau Yang Berhormat dari Jelutong boleh beri jaminan dia mahu bertanya saya satu

soalan atas ucapan saya, saya akan beri dan patuh kepada undang-undang. Kalau dia beri jaminan begitu, saya beri. Saya minta dia.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan, minta jaminan sahajalah. *(Ketawa)* Silateruskan.

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan ya. *(Ketawa)*

**Datuk Dominic Joseph Puthucheary:** Saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan bahawa kerajaan patut diberi tahniah kerana mengiktirafkan betapa pentingnya kebebasan ucapan dan mengeluarkan fikiran dengan cadangan pindaan kepada Perkara 63 Perlembagaan. Sekali lagi kerajaan tidak menambah perkara baru dalam Perlembagaan itu. kerajaan cuma memberi Perlernbagaan itu maknadan semangat yang sudahpun wujud dalam Perkara 10. Pindaan itu memulia dan menjelaskan kepentingan hak asasi kebebasan berucap dan mengeluarkan pendapat.

Perkara 72 (1) dipinda dengan menambah perkataan "tetapi hanya berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dalam perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan fungsi-fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis".

Suruhanjaya Perlembagaan Reid di dalam perakuan mereka tidak memasukkan apa-apa peruntukan yang menyerupai Perkara 72(1). Bagaimana dan mengapa Perkara ini dimasukkan dalam Perlembagaan adalah satu perkara yang begitu menarik dalam sejarah Perlembagaan.

Apa yang ditinggalkan oleh Suruhanjaya Reid sungguh tertonjol. la menonjolkan kononnya tiada keperluan memasukkan kekebalan yang begitu meluas bagi membolehkan Ketua Negeri bertindak bertentangan dengan Perlembagaan. Suruhanjaya itu menyatakan dalam perenggan 58 bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara tetapi Baginda adalah Raja Berperlembagaan. Bagi mengatakan bahawa Baginda adalah kebal dari mana-mana undang-undang adalah meletakkan kepada Baginda di atas Perlembagaan. Apa yang berlaku dengan pindaan ini ialah untuk menguatkan lagi bahawa Yang di-Pertuan Agong itu adalah seorang Raja Berperlembagaan seperti yang digambarkan oleh Suruhanjaya Reid, tidak ada kesamaran mengenai kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja Berperlembagaan.

Perenggan 36 Perakuan Suruhanjaya Reid berbunyi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

> "When a Bill is passed in accordance with the provisions of this Chapter, it shall be presented to the Yang di-Pertuan Agong for his assent and he shall assent thereto".

This was the recommendation of the Reid Commission. Inilah dia kedudukan Perlembagaan itu sekarang hasil dari pindaan yang dibuat kepada Perkara 66 dalam 1983. Perkara 30, sepertimana yang dipinda dicantumkan dengan Perkara 66 menjadikan Perlembagaan itu tidak lagi samar-samar berhubung dengan Sistem Raja Berperlembagaan.

Di dalam sistem Kerajaan British, konvensyen-konvensyen adalah bertujuan untuk mendapat keutuhan mutlak kedaulatan politik pengundi-pengundi

dalam negeri. Dengan cara yang sama, apabila dengan kuasa veto kekuatan negara dimusnahkan atapun kumpulan "Pengundi-pengundi di Amerika Syarikat tidak ada mempunyai kuasa pertimbangan memilih Presiden, ia adalah kuasa demokrasi sebenarnya yang memberi kuasa kepada kemahuan rakyat.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan, pada pendapat saya adalah pindaan-pindaan, menguatkan dan menjalankan undang-undang demokrasi dan tidak berkondik dengan keistimewaan, kedaulatan dan kebesaran mengikut Perlembagaan dan akan menjelaskan dan menguatkan lagi kedudukan Perlembagaan Raja-Raja sebagai Raja Berperlembagaan.

Saya harap, Tuan Yang .di-Pertua, dengan penerangan yang saya beri, soal tarik balik kekebalan itu tidak disebut. Apa yang patut Rang Undang-undang ini membuat ialah menerangkan hakRaja-Raja dalam Perlembagaan. Ini satu selisih fahaman yang besardalam Bil ini, dan saya harap pihak Pembangkang faham bahawa tidak ada structural change di dalam Perlembagaan. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

*6.54 ptg.*

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** Tuan Yang di-Pertua, izi nkan saya menyingkap sejarah kegemilangan zaman Empayar Melayu Melaka dari 1400-1511 yang kirti hanya menjadi kenangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selama lebih seratus tahun, Sultan-sultan yang memerintah Melaka mempunyai kedudukan yang tidak tercabar. Raja yang memerintah mempunyai kuasa mutlakke atas Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman. Sultan tidak berkongsi kuasa dengan rakyat dan mempunyai kedaulatan yang tidak dicabar oleh sesiapapun. Kesetiaan rakyat terhadap Sistem Monarki Mutlak itu juga tidak berbelah bagi. Kedudukan Sultan Melayu Melaka tidak dipertikaikan bukan sahaja oleh rakyat tetapi juga negara-negara asing yang berurusan dengannya. Sultan Melaka mempunyai tanggung-jawab penuh ke atas kebajikan rakyat bahkan juga berurusan dengan negara-negara luar yang mempunyai kepentingan dengan Melaka. Negeri China kuasa besar Asia pada zaman itu mengiktiraf Melaka. Begitu juga dengan kuasa-kuasa Barat.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi era kegemilangan itu berakhir pada tahun 1511 apabila Melaka diserang oleh Portugis. Tetapi Kesultanan Melayu Melaka tidak berkubur dengan serta-merta. Sultan terakhirnya,Suhan Mahmud berpindah ke Johor dan waris Baginda mengasaskan Kerajaan Melayu Johor, Perak dan Pahang. Bagaimanapun,penaklukan Melaka oleh Portugis itu adalah menandakan dengan jelas berakhirnyakegemilangan Kesultanan Melayu.

Kesultanan Melayu selepas kejatuhan Melaka tidak berpengaruh lagi. Ini kerana perbalahan sesama sendiri dan perebutan kuasa telah melemahkan kedudukan institusi itu. Sekalipun pemerintahan monarki mutlak diterima oleh rakyat di zaman itu tetapi kelemahan pada sistem pemerintahan membolehkan negeri-negeri Melayu dipermainkan oleh kuasa-kuasa asing. Negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis berada di bawah pengaruh Siam. Kuasa untuk memerintah secara mutlak akhimya mula terkikis.

Kehakisan kuasa semakin nyata selepas penjajah Inggeris menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786. Setelah memperdayakan Sultan Kedah, Sultan Kedah yang diancam oleh Siam bersetuju menyerahkan pulau itu kepada Prancis Light. Inggeris juga telah menguasai sebahagian dari Seberang Perai atau Province Wellesley.

Selepas Pulau Pinang, Inggeris bertapak di Singapura pada tahun 1819. Sekali lagi, ia dicapai dengan bantuan Sultan Melayu itu sendiri. Ketika itu berlaku perebutan takhta antara Tun Husein dan abangnya yang telah diiktiraf sebagai Sultan oleh Belanda. Stamford Raffles pula enggan mengiktiraf abangnya sebagai Sultan. Sebaliknya Raffles mengiktiraf Tengku Husein. Sebagai penghargaan Sultan Husein menghadiahkan Pulau Temasik kepada Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, melalui satu perjanjiandenganBelandapadatahun 1824, Inggeris menguasai Melaka. Kedua-dua kuasa besar ini bersetuju untuk menetapkan "sphere of intluence", dengan izin, masing-masing ke atas Gugusan Pulau-pulau Melayu. Semenanjung Tanah Melayu diletakkan di bawah lingkungan pengaruh Inggeris, manakala seluruh Kepulauan Inggeris berada di bawah lingkungan pengaruh Belanda.

Pada tahun 1830, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka disatukan di bawah Pentadbiran Negeri-negeri Selat dengan Singapura sebagai pusat pentadbiran. Perbalahan di kalangan waris-waris takhta Kesultanan Melayu telah membolehkan Inggeris campur tangan.

Pada mulanya di Perak, melalui Perjanjian Pangkor 1874, Kemudian di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Keempat-empat negeri itu pada tahun 1896 disatukan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri. Pada tahun 1909 pula melalui perjanjian Inggeris dengan Siam atau Bangkok Agreement, Bangkok bersetuju untuk menyerahkan naungan Negeri-negeri Melayu di Utara iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris tanpa berunding dengan Raja-Raja Melayu terlebih dahulu. Negeri-negeri itu beserta dengan Johor disatukan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Melayu tidak bersekutu.

Apabila Perang Dunia meletus pada tahun 1939, Inggeris sudah sepenuhnya menguasai Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi dengan tiga pentadbiran yang berasingan, iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Usaha untuk menyatukan sebelas buah negeri Melayu itu menjadi satu unit politik hanya dimulakan selepas Inggeris kembali berkuasa selepas perang tamat dan penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya seluruh Tanah Melayu diletakkan di bawah Pemerintahan Tentera yang dikenali sebagai BMA, kemudian menjadi Malayan Union untuk sementara, sebelum menjadi Persekutuan Tanah Melayu, Seperti yang kita maklum, setelah Inggeris menguasai Negeri-negeri Melayu, penjajah tidak membiarkan Raja-Raja Melayu mempunyai kuasa mutlak seperti di zaman Kesultanan Melayu Melaka dahulu. Sebaliknya, syarat bagi campur tangan Inggeris ialah Sultan-sultan Melayu mesti menyerahkan kuasa mentadbirkan negeri kepada Inggeris. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu setiap sultan diwajibkan menerima seorang Residen Inggeris. Manakala di Negeri-negeri Tidak Bersekutu, Sultan dipaksa menerima seorang Penasihat. Kuasa-kuasa memerintah negeri terpaksa diserahkan kepada mereka.

Di bawah sistem baru ini, Sultan-sultan Melayu hanya mempunyai kuasa ke atas hal ehwal agama Islam dan adat resam Melayu sahaja.Kuasa Eksekutif dan Legis-latif diserahkan kepada Residen dan Pena-sihat Inggeris. Keadaan ini melambangkan seolah-olah yang menjadi Sultan bagi

negeri-negeri Melayu itu sebenarnya para Residen dan Penasihat Inggeris. Sultan Melayu hanya menjadi boneka. Ini kerana dalam perjanjian dengan Sultan-sultan Melayu itu telah ditetapkan bahawa nasihat Residen dan Penasihat Inggeris mesti dipatuhi oleh Sultan dalam semua bidang kecuali yang menyentuh adat resam dan agama.

Sultan-sultan Melayu, keranakedudukan mereka yang lemah, tidak ada pilihan, kecuali mengikut sahaja. Sekiranya ada yang cuba menentang seperti yang dilakukan oleh Sultan Abdullah, Perak, mereka akan disingkirkan. Dalam kes Sultan Abdullah, kerana Baginda disyaki terlibat dalam pembunuhan Residen J.W.W. Birch di Pasir Salak pada tahun 1875, Baginda telah dibuang ke Pulau Seycelles. Tempat Baginda diberi kepada seorang waris takhta yang lebih bersedia taat kepada arahan Inggeris.

Kuasa Eksekutif Sultan-sultan Melayu bukan sahaja diambilalih oleh Residen, tetapi oleh sistem pentadbiran corak birokrasi yang telah diwujudkan oleh Inggeris untuk melicinkan pemerintahan-nya. Kuasa Legislatif, di bawah pemerintahan monarki mutlak yang berada dalam tangan Sultan, diambialiholeh Majlis Negeri dan kemudian Majlis Persekutuan yang telah dibentuk oleh British untuk membuat undang-undang. Dengan perubahan-perubahan ini, maka tamatlah riwayat kuasa dan Raja-Raja Melayu. Memang pada mulanya para Sultan dibabitkan dalam majlis-majlis itu, tetapi akhirnya mereka diketepikan sama sekali.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi muka kepada Raja-Raja, maka Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan. Majlis ini mengadakan persidangan dari masa ke semasa. Kebanyakannya berkait dengan soal adat resam dan agama. Sultan-sultan Melayu sebenarnya sudah menghadapi kehakisan kuasa. Mereka sebenarnya tidak lagi berkuasa dalam mengurus negeri masing-masing, kecuali bagi upacara-upacara rasmi sahaja.

Ketika Jepun menjajah Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua, Sultan-sultan Melayu turut berada dalam keadaan yang terhina sekali. Jepun meletakkan taraf Sultan tidak lebih sebagai penghulu dan ketua agama sahaja. Sultan-sultan yang diiktiraf oleh Inggeris sebelum kedatangan Jepun, tidak diakui. Sebaliknya, Jepun melantik calon-calon Sultannya sendiri. Selepas British berkuasa semula, Inggeris juga menyingkir Sultan-sultan Melayu yang pernah bekerjasama dengan Jepun. Sultan-sultan yang menyebelahi Jepun dipecat. Mereka yang pro-Inggeris diangkat menjadi Sultan atau Raja. Inggeris juga tidak berhasrat untuk mengembalikan kuasa. Raja mutlak selepas penjajah itu kembali memerintah Tanah Melayu pada tahun 1945. Rancangan British ialah untuk mengambilalih kuasa-kuasa Sultan dan diserahkan kepada ibu pejabat pentadbirannya di London.

Menurut rancangan Malayan Union, Tanah Melayu akan menjadi "Crown Colony" yang secara langsung ditadbirkan oleh London. Status Sultan-sultan dikekalkan, tetapi tanggungjawab mereka dihadkan kepada soal-soal agama dan adat-istiadat sahaja. Raja-Raja Melayu sendiri menandatangani perjanjian yang telah menamatkan kuasa mereka yang selama ini berada dalam tangan mereka. Penanda-tanganan Malayan Union membangkitkan semangat kebangsaan Melayu. Tentangan orang Melayu adalah kuat. Belum pernah dapat dilihat tentangan kebangsaan Melayu yang begitu besar sejak Tanah Melayu dijajah, Para pemimpin yang mewakili berbagai pertubuhan bersatu menentang Malayan Union. Tindakan spontan ini dengan izin Allah subhanahuwa ta'ala dapat

menyelamatkan Institusi Raja. Sebanyak 41 buah pertubuhan Melayu mengadakan kongres di Dewan Sultan Sulaiman Kelab di Kuala Lumpur untuk menentang Malayan Union pada bulan Mac, 1946.

Tuan Yang di-Pertua, Perhimpunan Melayu itulah yang telah melahirkan UMNO pada 11 Mei 1946. UMNO memperhebatkan kempennya menentang Malayan Union dan akhirnya berjaya. Kejayaan itu juga bermakna UMNO telah menyelamatkan Raja-Raja Melayu dan sistem Raja yang hampir-hampir dikuburkan bersama pembentukan Malayan Union ini. Malaya tidak mencapai kemerdekaannya sebagai sebuah negara Republik, seperti Indonesia, India, Pakistan dan beberapa negara lain di dunia ketiga. Di negara-negara itu sebelum kedatangan penjajah, mereka diperintah oleh monarki mutlak seperti di negara kita dahulu. Setelah merdeka, negara-negara itu mengenepikan Pemerintahan Beraja dan menjadikan negara mereka Sistem Republik. Para pemimpin UMNO yang terlibat dalam proses mencapai kemerdekaan ketika itu, juga boleh mengikut jejak negara-negara yang telah menjadi Republik, tetapi ia telah tidak berbuat demikian.

Perlu saya sebut di sini bahawa beberapa buah parti politik Melayu sebelum perang memang telah merancang untuk menubuhkan sebuah Republik, sama ada bersama atau berasingan dengan Indonesia. UMNO yang telah menyelamatkan Raja dan sistem Raja daripada Malayan Union pada tahun 1946, telah membuat keputusan untuk mempertahankan sistem Raja Berperlembagaan dalam konteks Demokrasi Berparlimen apabila ^emerdekaan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO sebenarnya tidak ada alasan untuk menggulingkan kewujudan institusi Raja selepas merdeka. Ini kerana Raja-Raja Melayu akhirnya telah berpihak kepada golongan nasionalis yang dipimpin oleh UMNO dalam memperjuangkan kemerdekaan. Sebagai balasan, kedudukan mereka dipertahankan, malah diperkukuhkan supaya menjadi iebih tinggi dan mulia martabatnya. Tambahan pula, Tanah Melayu yang merdeka telah bertukar menjadi sebuah negara berbilang kaum. Oleh itu, kehadiran institusi Raja dianggapsebagaipelindungbangsaMelayu, di samping ianya menjadi simbol perpaduan masyarakat berbilang kaum. Walaupun Raja-Raja Melayu hari ini tidak lagi mempunyai kuasa mutlak dan hanya menjadi Raja Berperlembagaan, tetapi mereka letap diberi kedudukan yang cukup istimewa.

Perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak Raja sesuatu negeri unluk mewarisi, memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan Raja-Raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu.

Fasal (1), Perkara 32 memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh didakwa dalam apa-apa jua perbicaraan di mana-mana mahkamah. Immunity di sisi undang-undang ini juga diberikan kepada para Sultan, tetapi perlu dijelaskan bahawa imuniti itu hanya melindung Raja-Raja Melayu daripada didakwa secara peribadi di mahkamah. Tetapi atas sifat rasmi Baginda, Ketua Negara dan Ketua Negeri, Bagindaboleh didakwa. Tun SutTian, bekas Ketua Hakim Negara menyatakan bahawa apabila Perlembagaan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dikenakan apa-apa perbicaraan di dalam

mana-mana mahkamah, beliau telah membuat kesimpulan bahawa undang-undang masih menganggap Baginda boleh dibicarakan, terutamanya memandangkan bahawa dalam Sumpah Jawatan, Baginda berikrar akan menjalankan kewajipan Baginda mengikut Undang-undang dan Perlembagaan dan menegakkan keadilan dan ketenteraman di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan istimewa Yang di-Pertuan Agong juga menetapkan beberapa larangan, seperti yang ditetapkan oleh Perkara 34, seperti Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang membolehkannya mendapat apa-apa saraan dan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan. Di negeri masing-masing, Sultan juga tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang kerananya menyebabkan Baginda menikmati apa-apa persaraan. Bagindajuga tidak dibenarkan terbabit dalamperniagaan.

Dalam negara-negara yang mengamalkan pemerintahan Raja Berperlembagaan dengan Demokrasi Berparlimen, Raja tidak mempunyai kuasa. Yang berkuasa ialah rakyat. Rakyatlah yang memilih melalui pilihanraya parti manakah yang mereka hendak beri kuasa untuk memcrintah negara, untuk" tempoh yang ditetapkan. Yang di-Pertuan Agong dan Sultan atau Raja tidak boleh mencampuri politik, baik secara langsung atau tidak langsung. Jika ada yang berbuat demikian, Baginda bukan sahaja menyalahi tungsi Baginda, bahkan boleh disifatkan sebagai niencabar Parlimen. Sultan-sultan yang bersemayam di takhta juga tidak boleh berniaga atau memegang jawatan lain untuk tujuan sara hidup. Saraan hidup Sultan sudah ditanggung sepenuhnya oleh Negeri ataupun Kerajaan Pusat. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara juga menjadi Ketua bagi cabang-jabang Legislative, Executive dan Kehakiman negara. Bagindajuga merupakan salah satu komponen Parlimen bersama-sama dengan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Ini bermakna setiap Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan mendapat perkenan Baginda sebelum berkuatkuasa sebagai undang-undang. Baginda tidak boleh menolak daripada memberi perkenan itu, malah sejak 1984 kuasa Yang di-Pertuan Agong mengenai soal memberi perkenan sudah menjadi lebih jelas lagi ekoran pindaan Perlembagaan yang dibuat pada tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan juga bahawa dalam melaksanakan semua fungsi itu, baik Yang di-Pertuan Agong mahupun Sultan, mereka dikehendaki bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri di peringkat Persekutuan dan Menteri-menteri Besar di peringkat Negeri. Sekiranya sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan ingin berjalan dengan licin dan lancar, pemahaman mengenai fungsi ini adalah perlu sekali.

Penting saya nyatakan di sini dengan jelasnya bahawa UMNO telah menginstitusikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen setiap tahun ia mengadakan Perhimpunan, tetapi sehingga Perhimpunan Agung 1990, Parti UMNO tidak pernah memperkatakan peranan Raja Berperlembagaan secara terbuka, apa lagi mengkritiknya. Ini menunjukkan sekalipun UMNO sering diganggu, perlantikan Menteri Besarnya ditolak, calon-calon pilihanraya ditukar ganti, keistimewaan-keistimewaan yang diberi pleh Kerajaan dipersoal, namun UMNO tetap berpuashati dengan perjalanan sistem Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang telah ia sendiri asaskan.

Perlantikan Menteri-menteri Besar yang tidak disenangi oleh Sultan-sultan telah dibetulkan dengan cara yang tidak menimbulkanmasalah.Begitujugadengan konsesi-konsesi lain yang diberi kepada Sultan seperti tanah dan kawasan balak, peruntukan-peruntukan perbelanjaan, kegunaan kereta, kediaman rasmi dan sebagainya.

Dalam banyak hal, UMNO biasanya mengambil sikap beralah dan hormat. Menteri Besar yang disenangi oleh Sultan diganti, pendeknya UMNO telah tidak mengambil pendirian yang tidak berkonfrantasi. Bukti UMNO sayangkan Pemerintahan Beraja ialah sehinggakan ia telah mengambil langkah-langkah memperketatkan Akta Hasutan 1948 selepas peristiwa berdarah 1969 berkaitan dengan kedudukan istimewa Raja-Raja. Siapa juga yang membangkitkan soal Raja dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap sistem itu dianggap sebagai menghasut. Perbuatan itu dianggap menderhaka. Inilah pengorbanan UMNO yang tidak pemah mendapat balasan Raja-Raja. Apa yang dikatakan oleh seorang sejarawan di dalam akhbar baru-baru ini tentang Raja-Raja yang tidak mengenang budi UMNO adalah benar sama sekali.

Ahli-ahli Parlimen juga tidak lagi mendapat keistimewaan untuk mempersoalkan perbelanjaan DiRaja di Parlimen seperti sebelum pindaan itu dibuat.Apajugayangdiperuntukkanuntuk keperluan DiRaja diluluskan tanpa perbahasan. Ini semua menunjukkan bahawa UMNO taat dan hormat kepada Raja-Rajanya. Perlakuan UMNO juga membuktikan bahawa ia mahu rakyat keturunan lain juga menghormati Raja-Raja dan menerima hakikat bahawa satu masa dahulu negeri-negeri ini adalah kepunyaan orang-orang Melayu.

Prinsip Raja Berperlembagaan adalah amat penting dan UMNO mestilah mempertahankan prinsip Perlembagaan UMNO, seperti di masa-masa lalu khususnya pada waktu bangunnya UMNO menentang British yang menggunakan Malayan Union untuk menghapuskan Raja-Raja Melayu. Sekarang ada tanda-tanda bahawa prinsip Raja Berperlembagaan tidak difahami dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu hingga ia menjadi bertentangan dengan prinsip kedaulatan rakyat. Sebenarnya, UMNO dan Raja mempunyai ikatan simbotik yang tidak dapat dipisahkan.

Orang-orang Melayu sekarang faham bahawa sekiranya mereka memperkatakan kedudukan Raja-Raja mereka dengan niat dan tujuan baik, maka perbuatan itu sebenarnya tidak menghasut atau menderhaka. Mereka hanya akan dituduh menghasut sekiranya mereka memperkatakan kedudukan Raja-Raja dengan tujuan untuk membabitkan kebencian terhadap institusi itu.

UMNO sudah jelas akan terus mempertahankan Raja Berpelembagaan yang telah ia asaskan. Tidak perlu ada keraguan dan perbalahan lagi tentang hakikat ini. Komitmen UMNO hari ini dan juga akan datang pada institusi Raja Berpelembagaan tetap tidak luntur seperti pada tahun 1946 dan tahun 1957.

Namun, ramalan yang tepat mengenai masa depan Raja Berpelembagaan di Malaysia sukar untuk dibuat. Tetapi jika pemerintahan Beraja yang ada sekarang kembali semula kepada monarki mutlak, di mana seorang Raja membolot kuasa secara eksklusif, hal ini adalah tidak mungkin. Kenyataan ini bukan sahaja benar bagi Malaysia tetapi juga negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, malah yang tidak ada masa depan bukan sahaja pemerintahan monarki mutlak tetapi juga

sistem pemerintahan yang dikenali sebagai pemerintahan diktator. Hakikat bahawa pemeritahan di negara-negara Eropah Timur telah digulingkan oleh revolusi-revolusi pro-demokrasi, pro-rakyat adalah bukti jelas bahawa rakyat tidak akan membenarkan kuasa dalam sebuah negara dibolot oleh satu-satu tokoh atau kumpulan. Monarki mutlak sama seperti pemerintahan diktator tidak ada akauntabiliti pada rakyat. Jika Semangat 46 dan golongan-golongan orthodox berangan-angan untuk mengembalikan pemerintahan Raja Berpelembagaan kepada monarki mutlak seperti mereka bayangkan dalam tindak-tanduk mereka, maka mereka sebenamya silap. Tidak ada siapa yang akan membenarkan keadaan serupa" itu wujud semula dalam Abad ini atau juga yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, amaran perlu diingat atau, dengan izin, warning must be heeded. Jika sesuatu sistem menjadi beban, rakyat terbanyak berkuasa menukarkannya dengan satu sistem yang lebih sesuai lagi. Sejarah manusia sejak dahulu sampai sekarang dipenuhi dengan perubahan-perubahan itu. Misalnya, Revolusi Peranchis 1789, Revolusi Bolshevic 1917 dan dengan Revolusi Republik Islam Iran 1979, masih segar dalam ingatan kita semua. Nasib yang dihadapi oleh Shah Iran dan Tsar Soviet Russia, Raja Louis Feranchis ke 14, Raja Idris Libya, Raja Farouk Mesir dan banyak Raja-Raja lain, pada hakikatnya adalah contoh bahawa pemerintahan Beraja sebenarnya terdedah kepada berbagai kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, sesetengah Raja bagaimanapun bernasib baik terhadap kewujudan dan fungsi mereka dibuat secara "gradualism" dan evolusi. Hakikat bahawa Raja Berpelembagaan di beberapa buah negara Barat seperti United Kingdom, Belgium, Norway, Sweden dan Luxembourg berjaya mempertahankan kedudukan mereka pada ketika revolusi berlaku di sekeliling mereka. Adalah bukti jelas bahawa Raja Berperlembagaan, jika mereka berpegang kepada fungsi yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan sebenar, mempunyai masa depan yang cerah,

Malah di England pemerintahan Raja Berpelembagaan masih disanjung tinggi. Di Eropah tidak ada bangsa yang sayangkan Raja mereka seperti orang-orang Inggeris, Ratu Elizabeth II di Istana Buckingham masih dipandang tinggi. Tidak ada gerakan yang serius untuk menentang Pemerintahan Beraja, sekalipun pada akhir-akhir ini pelbagai cadangan untuk mengurangkan keagungan institusi Raja Inggeris itu didengar.

Sejak beberapa tahun lalu, Raja di Britain tidak membuat kerenah yang serius, ini kerana tindakan yang menjolok mata akan didedahkan dan dikritik. Malah tindakan Kerabat DiRaja yang memandu keretanya melebihi had laju telah menyebabkan lesennya digantung. Tidak apa apa y ang boleh dibuat oleh Islana di England untuk menyekat kebebasan rakyat daripada meneropongi perbuatan sumbang keluarga Diraja. Undang-undang membenarkan pendedahan itu, keluarga Diraja juga tidak dilindungi oleh undang-undang ketat untuk menutup perbuatan mereka yang tidak betul. Namun, seperti di negara kita akan terdapat segelintir cokong-cokong Raja yang mendapat faedah daripada karenah Raja dan anak-anak Raja tentulah menentang usaha-usaha Kerajaan untuk meneropong dan mengkritik tingkah-laku dan perangai mereka yang menjolok mata. Di negara ini, pemerintahan Raja Berpelembagaan mempunyai masa depan yang cerah, asalkan Raja-Raja menghormati kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kedudukan Raja dibincangkan secara terbuka oleh rakyat seperti yang terjadi sepanjang tahun 1990, ekoran campur tangan Raja dalam politik dan pentadbiran. Meskipun Raja-Raja telah ditegur, tetapi teguran itu bertujuan membina bukan menghancurkan. UMNO telah membuat ikrar yang jujur dan berterus-terang bahawa ia akan terus mempertahankan institusi Raja Berpelembagaan. Memanglah dari semasa ke semasa timbul pergeseran antara rakyat dengan Raja mereka seperti yang pernah berlaku di Perak, Pahang, Kelantan, Selangor dan juga di peringkat Persekutuan pada tahun 1983. Tetapi pergeseran ini tidak mengancam Sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Bagaimanapun, sekiranya pergolakan-pergolakan serupa ilu tidak dikawal, masa depan pemerintahan Raja Berperlembagaan mungkin terancam.

Tuan Yang di-Pertua, Raja-Raja tidak perlu berasa bimbang terhadap masa depan mereka. Perasaan bahawa Raja merupakan satu simbol perpaduan masih tebal. Pandangan bahawa Raja-Raja menjadi pelindung pada masyarakat berbilang kaum masih tinggi.

Sekiranya Raja-Raja Melayu kekal dengan fungsi yang ditetapkan menunjukkan nilai-nilai murni dan tingkah-laku yang baik sebagaimana sepatutnya seorang Raja tidak boros seperti menghabiskan berjuta-juta ringgit di meja judi, memiliki kuda dan tanggungannya bernilai berjuta ringgit setiap bulan, sedangkan masih lagi ramai rakyat negara ini yang mengais pagi makan pagi dan sebagainya, maka riwayat Raja -Berpelembagaan di negara ini masih panjang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana keberanian, kecekapan dan kejujuran beliau dalam mengendalikan isu immunity Raja ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Marudu.

*7.19 mlm.*

**Datu Amir Kahar bin Tun Datu Mustapha (Marudu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin di Dewan ini untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1993 mengenai Perkara 181(2) Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh tentang kekebalan Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi dan parti USNO selaku komponen Barisan Nasional berdiri teguh di belakang Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan isu pindaan Perlembagaan berhubung dengan kekebalan Raja-Raja. Kita ingin meletakkan Raja-Raja di tahap yang tinggi, kita ingin mempertahankan institusi Raja Berpelembagaan di negara ini.

Kita juga mahu menjamin Institusi Raja-Raja akan terus kekal dan memberikan kepercayaan rakyat kepada Institusi Raja-Raja. Itu sebabnya Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan yang dibentangkan pada hari ini wajib mendapat sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat, khususnya rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini.

Pada hemat saya, tidak ada sebab Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan ini perlu diragui oleh mana-mana_ pihak kerana tujuan adalah baik dan mempunyai maksud yang ikhlas iaitu untuk mengkukuhkan lagi institusi Raja-Raja Perlembagaan dan untuk kebaikan bersama Raja dan rakyat di negara kita.

Kedaulatan Raja-Raja Melayu sesungguhnya merupakan kedaulatan dan ketuahan orang Melayu sendiri. Adalah tidak munasabah, lidak logik dan jahil bagi orang Melayu mahu memansuhkan kedaulatan bangsa Melayu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan Institusi Raja-Raja Perlembagaan di negara kita, kita tidak mahu melihat salah laku dilakukan oleh Duli-duli, Tuanku dan kerabat DiRaja dibiarkan tanpa sebarang langkah Kerajaan yang berkesan. Kita khuatir tanpa tindakan tegas Kerajaan, masalah Raja-Raja yang kita bincangkan bersama pada hari ini mungkin akan berlarutan dan meninggalkan kesan negatif yang lebih buruk lagi.

Akibatnya, imej Institusi Raja-Rajayang kita warisi sejak zaman berzaman, yang kita sanjung tinggi dan kita daulatkan tercemar dan martabat Raja-Raja kita jatuh kerana penyelewengan, penyalahgunaan kuasa oleh Raja-Raja serta tidak ada undang-undang yang mengawal perlakuan Duli-duli Tuanku dan Raja-Raja yang kita sanjung tinggi. Kita mahu melihat agar rakyat Malaysia, khasnya dunia amnya, memberi kehormatan yang berterusan kepada Raja-Raja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem politik sekarang, Raja yang dianggap kebal dan tidak dapat disentuh oleh undang-undang, khususnya dengan adanya peruntukan Perlembagaan dalam Perkara 181(2) ini merupakan satu salah faham yang besar. Jika ahli politik, termasuk Perdana Menteri sendiri, boleh didakwa atau dihadapkan ke mahkamah dan jika pada awal Islam dahulu, pemerintahan Islam iaitu Sultan boleh dibawa ke mahkamah. Tidak ada alasan lain yang boleh menahan Raja-Raja pada masa ini untuk dikemukakan ke pengadilan. Inijuga bererti setiap pemerintah tidak mengira Raja ataupun tidak, mestilah boleh didakwa jika didapati bersalah dan dihukum yang setimpal yang harus dijatuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi prinsip sejagat bahawa tiada siapa yang boleh mengatasi undang-undang. Islamjuga menganggap semua manusia bertaraf sama dan seinua orang adalah sama di sisi undang-undang dalam sistem demokrasi. Ini adalah persoalan keseluruhan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya selaku para simpati USNO dan Ahli Dewan Rakyat ingin memberi jaminan dan janji kepada Duli-duli Tuanku Raja-Raja kita di Malaysia. Walaupun negeri Sabah tidak mempunyai Raja, saya dan parti USNO akan menentang kehabis-habisan sebarang langkah Kerajaan atau mana-mana pihak yang mahu menghapuskan Institusi Raja-Raja Perlembagaan. Di negara inilah janji dan jaminan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan, Perkara 181(2) dan lain-lain peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan isu Perlembagaan ini.

Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Larut.

*7.24ptg.*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong suatu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang penuh bertanggungjawab bagi satu suasana yang penting yang mana perlu mendapat sokongan bagi kepentingan semua rakyat dan Raja-Raja. Sudah bertahun-tahun telah berlalu, kurun demi kurun dunia mengenali raja dan menghormati Raja seterusnya memberi taat setia kepada Raja. Keistimewaan ini berlaku bagi rakyat Malaysia yang dahulunya Persekutuan Tanah Melayu.

Sudah juga berlalu sekian abad, kita orang-orang Melayu di Malaysia mempunyai Raja yang berdaulat. Rakyat menerima hakikat Institusi Beraja ini tanpa apa-apa persoalan sama ada apa-apa yang dilakukan oleh Raja-Raja atau perasaan-perasaan yang mana telah kecewa oleh perilaku-perilaku Raja-Raja di Malaysia ini. Sama ada perbuatan mereka bersopan ataupun tidak, rakyat tidak pernah memperkatakan dalam masa-masa 'terdahulu ini, sama ada di luar ataupun di dalam Parlimen atau di mana-mana mahkamah. Ini adalah satu keadaan yang amat selesa, dengan izin, very comfortable, dan Institusi Raja-Raja ini telah tidak menyusahkan mana-mana pihak sama ada ahli politik, peguam-peguam, pegawai Kerajaan ataupun semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini adalah kesan budaya baik dan bukan kerana peruntukan Perlembagaan ataupun Akta Hasutan walaupun kedua-duanya tidak mengizinkan apa-apa dipersoalkan oleh rakyat dari semua lapisan. Insiden beraja ini amatlah canggih dan semua rakyat peka atas wujudnya. Kekekalannya dan kewujudannya wajar ataupun pasti diteruskan.

Perlembagaan Malaysia dibuat sebelum Merdeka iaitu sebelum tahun 1957. Ini terkandung di dalamnya kekebalan Raja-Raja, dengan izin, immunity, di mana Raja-Raja boleh melakukan apa sahaja atas sifat peribadinya tanpa takut kepada mana-mana undang-undang dunia dan tanpa merujuk kepada Parlimen, mahkamah atau mana-mana kuasa yang ada sama ada perbuatan itu harus dibetulkan atau harus dihapuskan. Justeru itu,"maka'timbullah darr kekebalan itu perilaku-perilaku yang sangat mazmumah yang tidak diterima oleh masyarakat ramai apatah lagi Agama Islam yang maha suci. Seolah-olah mereka mempunyai absolute freedom, dengan izin.

Raja-Raja berketurunan pula dilantik satu persatu, hampir sudah 500 tahun sejak zaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah di Melaka lagi. Sama ada waris lakhta ini berpadanan atau tidak, berkelayakan atau tidak, tidak pernah dipersoalkan oleh mana-mana sektor rakyat. Ini juga telah diterima oleh bangsa Melayu dan rakyat Malaysia secara wajib ataupun fardhu ain.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sedang berubah, dahulu lain dan sekarang lain. Kebebasan rakyat telah dikenali diiktiraf, dengan izin, personal liberty. Preedom of rights juga telah dikenali, dengan izin, ianya termaktub dalam Perlembagaan. Hak asasi manusia, keadilan adalah ciri-ciri berasaskan Perlembagaan dan "The Rule of Law". Dalam hal ini, tiada pula sesiapa yang bebas mengambil tindakan mengikut hawa nafsunya. Maxim dalam bahasa Latin, "Nemo judex in causa sua potes," yang bermaksud tiada siapa yang boleh bertindak mengikut kehendak jiwa dan nafsunya. Justeru itu, kekebalan yang ada, serta Akta Hasutan yang ada bukan absolute dan ianya difikirkan semula oleh semua rakyat, oleh Parlimen dan oleh pemerintahyangjujursamaadaianyaharus dikekalkan atau dihapuskan mengikut masa dan suasana. Apa lagi buat masa ini ada perilaku-perilaku yang dilakukan oleh setengah pihak yang tidak constitutional, dengan izin, unconscienceable, tidak relevant dan unwarranted, dengan izin, mengikut justifikasi undang-undang "The Rule of Law" atau "the law of natural justice". Hal seperti ini telah menyusahkan perasaan sanubari rakyat bahkan telah menghiriskan perasaan yang selama ini terpendam oleh lidah -membisu seribu bahasa. Kaku dan kelu berdiam kerana adanya kekebalan dan takut kepada Raja-Raja kerana kebesarannya ataupun kerana ianya dianggap sebagai payung yang disanjung tinggi.

Kedua-dua kekebalan dan payung yang paling tinggi yang dianggap oleh rakyat apa lagi dengan sekatan-sekatan kekebalan ataupun dengan izin, immunity dan Akta Hasutan. Dalam merundingi Perlembagaan yang ada serta Akta Hasutan yang telah termeterai sekian lama, mungkin kedua-duanya tidak lagi sesuai kerana untuk kebaikan institusi beraja, berparlimen dan berdemokrasi. Kedua-duanya hendaklah ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, kekebalan yang ada ialah anugerah dari rakyat berparlimen dan berdemokrasi yang mana sering kedengaran yang berbunyi kalau di England, "the government of the people, by the people, for the people," iaitu Kerajaan rakyat, untuk rakyat, oleh rakyat. Rakyat berkuasa mengkaji semula tanpa apa-apa niat buruk ataupun malice aforethought untuk memperkecilkan institusi Raja-Raja ini.

Tuan Yang di-Pertua, kekebalan yang diberi oleh rakyat itu perlu difikirkan semula dan ditarik balik. Ini sahaja yang dipohon oleh perasaan yang selama ini terpendam membisu.

Tuan Yang di-Pertua, Blackstone ada berkata, "The King can do no wrong". Profesor Smith pufa berkata, Parliament is supreme, it can do and undo what it likes", yang bermaksud:

(1) Raja tidak buat salah; dan

(2) Parlimen itu agung dan ianya boleh membuat ataupun meminda undang-undang.

Apabila memikir sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan (Constitutiona! Monarchy) maka amatlah nyata bahawa sistem yang diikut itu adalah sistem yang dipraktikkan di England. England tidak ada constitution, . yang bermaksud tiada perlembagaan bertulis dan tiada dokumen-dokumen bertulis mengenainya yang dikenali sebagai, dengan izin, unwritten constitution. Kedudukan berlainan sedikit antara England dengan Malaysia. Di England, Parliament is supreme dan Artikel 4(1) di Malaysia, Perlembagaan itu agung atau supreme, dengan izin. Ini dalam kata-kata yang berlainan. Pada saya kedua-duanya sama. The Supremacy of Parliament dengan izin, dan the Supremacy of Constitution, kedua-duanya memberi makna yang sama. Jadi, Parliament is supreme,dengan izin, it can do and undo what it likes, dengan izin.

Yang kedua, "The King can do no wrong". Raja tidak membuat apa-apa kesalahan. Konotasi ini adalah amat benar. Tetapi kalau Blackstone masih hidup dan saya sebagai constitutional lawyer bertanya kepadanya, "What do you mean by King can do no wrong?" lanya akan menjawab, sebagaimana yang saya juga beiiikir, "The King can do no wrong based on the assumption of facts that no improper person shall become as King or Queen of England". Raja tidak membuat kesalahan tertakluk kepada hakikat dan undang-undang bahawa tiada siapa yang tidak layak menjadi Raja di England iaitu King ataupun Queen. Sejarah di England nyata. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada menyebut iaitu Raja mereka King Charles I, telah dipotong kepalanya. Begitu juga King Louis XVI di France pernah menerima hukuman. Bagi King Charles I, kepalanya dipotong dengan guillotine, masih ada kesan darah dan guilotinenya di Tower of London, kalau kita biasa tinggal di England atau melawat England.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal (2) Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi

sesuatu negeri atas sifat dirinya sendiri. Inilah yang tertera dan tercatat dalam Perlembagaan yang ada yang mana kini diftkir oleh Parlimen untuk ditarik balik dengan pindaan Perlembagaan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi. Fasal (2) menjelaskan kepada semua lapisan rakyat dari berbagai peringkat yang akan memahami ianya mempunyai dua makna seperti berikut:

*(a)* Raja tidak boleh melakukan kesalahan; dan

*(b)* Raja kebal,immune, dengan izin, di sisi undang-undang. Setakat Perlembagaan yang ada, jika tidak dipinda atau ditarik balik kekebalan atau dengan izin, immunity itu akan berterusan.

Interpretasi dalam *(a)* tadi, membawa erti bahawa Raja, dengan izin, impeccable, maksum bukan seperti impeccable maksumnyanabi-nabidanrasul-rasul.lanya setakat impeccable, dengan izin, maksum dari melakukan kesalahan duniawi sahaja. Justeru itu, apa sahaja tingkahlaku, perangai yang dilakukan atau yang ditinggalkan, yang harus tidak ditinggalkan olehnya, buat setakat ini difikirkan sebagai satu kesalahan.

Fahaman ataupun interpretasi *(b)* tadi pula, walaupun benar ia melakukan kesalahan, ia tidak boleh dihukum kerana ianya immune, dengan izin, kebal di sisi undang-undang. Kes ada menunjukkan yang dimaksudkan dengan Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan. yang menyatakan tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa ke mahkamah atas mana-mana kesalahan terhadap Yang di-Pertuan Agong atas sifat dirinya sendiri. Ini bermaksud perbicaraan atau prosiding itu tidak boleh dibuat terhadap Yang di-Pertuan Agong atas sifat dirinya sendiri, Tetapi prosiding atau perbicaraan boleh dilakukan terhadapnya atas sifat rasminya.

Ini membuktikan Raja memerintah atas nasihat. Menurut undang-undang Raja mempunyai, dengan izin, immunity from Judicialprocess,kekebalandaripadaproses Kehakiman di mahkamah biasa. Andainya Raja diberi nasihat berkenaan, mengenepikan ataupun waives his immunity, dengan izin, dan menyerah diri, dengan izin, submit to the jurisdiction of the court, prosiding boleh dllakukan ke atasnya seperti rakyat biasa. Dalam Perlembagaan sekarang di mana immunity iailu kekebalan masih ada, seperti kes McGill v. the Sultan of Johor, tahun 1984 satu Queenbench muka surat 147, di mana plaintif menuntut gantirugi berasaskan pecah'kontrak, breach of contract of marriage terhadap defendan, seorang pemuda Melayu yang dipanggil Albert Baker yang bersetuju berkahwin dengan plaintif. Apabila tuntutan plaintif mula didengar di Mahkamah Queenbench Division, mahkamah telah menentukan dengan mendapat sepucuk surat dari Pejabal Tanah Jajahan British yang ketika itu diketuai oleh bekas Perdana Menteri, sebelum menjadi Perdana Menteri iaitu Sir Winston Churchill yang memberi afformasi bahawa plaintif adalah seorang Raja yang berdaulat, dari negara yang berdaulat dan ada hubungan diplomatik yang rapat dengan Queen Elizabeth of England.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta ini mahkamah Inggeris mengambil keputusan bahawa ianya (plaintif) mempunyai kekebalan atau immunity dan tindakan guaman tidak boleh dikenakan ke atasnya. Sekiranya kekebalan atau immunity itu tidak ditarik balik, mungkin ianya bagi masalah kita kepada hari ini, akan menyusahkan rakyat jelata di masa-masa yang akan datang. Maka pindaan ini amat perlu diluluskan oleh Parlimen hari ini for the comfort, security and peace of the people, dengan izin.

Kedua,, "Parliament is supreme, it can do and undo what it likes"—merujuk kembali apa yang saya kata terdahulu.

Parlimen boleh membuat, meminda dan memansuhkan mana-mana undang-undang dengan mempunyai tujuan baik. Parlimen boleh dari satu masa ke satu masa yang lain, membuat, meminda, memansuh mana-mana undang-undang guna bagi kesejahteraan, keamanan dan keselesaan rakyat seperti yang saya sebutkan tadi for the comfort, security and peace of the people, dengan izin.

Tidak ada satu pun undang-undang, sama ada dibuat, dipinda ataupun dimansuhkan mempunyai tujuan selain daripada tujuan yang baik. Begitulah juga pindaan ini there had never been any malice aforethought, dengan izin.

Pindaan Perlembagaan ini adalah tepat bertujuan baik, menentukan kesusilaan rakyat, keharmoniah antara rakyat dengan Raja. Juga bertujuan supaya bukan rakyat sahaja perlu hormat kepada Raja bahkan Raja juga perlu hormat kepada kuasa rakyat, kesejahteraan rakyat, keamanan dan kesusilaan rakyat. Cita-cita ini tidak akan tercapai sekiranya salah satu pihak mempunyai kekebalan tanpa ada di sebelah pihak yang lain di mana membolehkan Raja-Raja membuat apa sahaja yang ia suka termasuk jenayah, dengan izin, criminal offences sebagaimana yang pemah dilakukan di Malaysia. Dengan yang demikian, tidak ada sesiapapun terlepas dari undang-undang dari proceeding mahkamah, keadilan prosedur-prosedur the Rule of Law ataupun natural justice.

Fasal 1 Perkara 32 ada ditambah sebagai dalam Rang Undang-undang. Begitu juga perkara-perkara yang lain yang tak payah saya sebutkan. Perkara 63 memansuhkan Pasal 5 yang mana tidak lagi menjadi kesalahan bagi sesiapa bercakap mengenai Raja-Raja di Dewan Parlimen. Dan adalah menjadi kesalahan jika seseorang menganjur untuk menghapuskan Raja-Raja, the abolition of royalty, dengan izin.

Perkara 63 adalah penting. lanya memberi tujuan yang sahih dan niat yang baik supaya Raja itu perlu dikekalkan dan sesiapa yang menganjur untuk menghapuskannya adalah menjadi satu kesalahan. Ini amatlah sesuai dengan kehendak orang-orang Melayu supaya Raja dikekalkan, tetapi mereka terpaksa tertakluk kepada civil and criminal jurisdiction.

Seterusnya Perkara 72 Dewan Negeri juga diberi kuasa yang sama. Rakyat diberi kuasa yang sama, iaitu bebas seperti di Dewan Rakyat tanpa kena apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah berhubung dengan perbahasan mengenai Raja-raja, tetapi juga adalah menjadi kesalahan yang sama bersama dengan Article 63 jika sesiapa menganjur menghapuskan Raja-Raja di Negeri-negeri.

Perkara 181 Perlembagaan dipinda kekebalan dari proceeding ditarik balik, dan *(b)* tiada ada kekebalan atau perlindungan atau mana-mana perlindungan tempat kediaman adalah juga tidak sah kalau kita tidak tarik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan pada saya bagi tujuan yang suci antara lain ialah mengekalkan insitusi beraja. Mereka tertakluk kepada undang-undang The Rule of Law. Kuasa-pengampunan dihadkan, tidak boleh mengampun diri-sendiri. Semuanya ini adalah munasabah dan amatlah penting diluluskan di Parlimen bagi kepentingan semua rakyat termasuk Raja-Raja dalam negara moden yang dihormati di dunia luar di atas pimpinan Yang Amat Berhormat yang bijaksana sebagai Perdana Menteri Malaysia, Saya menyeru menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nilam Puri.

*7.44 ptg.*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah satu sejarah yang paling besar bagi Malaysia di mana satu pindaan dibuat, dan bersejarah juga kerana pindaan ini tidak dapat persetujuan Raja-Raja Melayu atau Majlis Raja-Raja. Satu perkara yang berlaku sudah tentulah tidak berakhir pada 20hb selepas Dewan Negara bersidang, tetapi pasti ianya akan berpanjangan. Kita telah melihat bagaimana peranan media dalam dua tiga minggu ini telah membuat satu pembohongan dan meletakkan rakyat berada dalam keadaan cemas. Misalnya dua hari yang lalu, tiga hari yang lalu menyatakan Raja-Raja telah bersetuju. Keluar pula berita keputusan 6-3. Ada yang mengatakan 9-0. Tiba-tiba hari ini kita dapat tahu 9-0, semua Raja tidak bersetuju. Ini menandakan walaupun media kerjanya bodek pemerintah, tetapi suatu bodek yang paling tidak betul dan paling memalukan dalam sejarah peranan media di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masuk dalam suratkhabar. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita katakan sejarah, ia akan berpanjangan memulakan satu titik permulaan perbincangan secara menyeluruh. Memang pindaan Perlembagaan adalah perkara biasa. Pertama kita bercakap dari segi Islam dan perjuangan umatnya. Bila kuasa Islam itu jatuh, ahli-ahli Sejarah meletakkan berbagai tafsiran. Ada yang mengatakan selepas sahaja tahun 300 hijrah, ada yang mengatakan selepas tahun 700 hijrah. Tahun mana yang diambilpun, kita lihat bahawa umat Islam terutama sekali mengalami berbagai-bagai perubahan. Memang mengikut pusingan kuasa-kuasa di dunia ini ulama-ulama lebih ingin memberi pandangan mereka sesuatu kuasa itu akan bertukardi sekitar 700 tahun. Oleh itu, saya sendiri lebih gemar mengatakan kuasa-kuasa Islam itu mulai jatuh selepas 700 tahun hijrah. Paling ketara sekali kejatuhannya adalah pada tahun 1492 di mana jatuhnya Kerajaan Islam Sepanyol. Tahun 1992 genap 500 tahun genap jatuhnya Kerajaan Islam Sepanyol, Selepas itu jatuhpula Kerajaan Islam di India, jatuh pula kerajaan-kerajaan di Selatan Russia dan Melaka jatuh pada 1511, seterusnya Malaya ini pada tahun 1874, dan pada tahun 1924 complete deislamisation iaitu bila Kerajaan Turkey tumbang di tangan Mustafa Kamal Ataturk dengan menaikkan satu sistem ataupun perlembagaan sekular yang memerintah Turkey. Selepas itu, kita lihat negara umat Islam dijajah satu demi satu. Maka tidak lainlah negara itu selepas merdeka menganut ajaran penjajah yang menjajah mereka. Tetapi umat Islam mendapati bahawa nasib mereka tidak tertebus juga dengan mereka bernaung di bawah ideologj-ideologi kerajaan-kerajaan yang menjajah mereka. Oleh itu, abad 15 hijrah dianggap sebagai permulaan bangkitnya umat Islam untuk kembali kepada identiti mereka. Sebab itu, sekarang ini satu demi satu Perlembagaan negara dipinda ke arah Islam sama ada melalui revolusi atau evolusi. Kita lihat apa yang berlaku di Iran, Afghanistan, Sudan, insya Allah Kelantan—yang bunyi di hujung serupa, "tan".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Perdana Menteri mengatakan negara Islam yang majoriti sekarang ini yang majoriti penduduknya beragama Islam masih tidak menjalankan hukum Islam. Memang walaupun negara Islam penduduknya majoriti, tetapi otak mereka baru terlepas daripada penjajahan dalam lingkungan 40, 50 tahun ataupun 20, 30 tahun yang lalu. Oleh itu, kita lihat keadaan umatnya memang mereka sekarang bergerak ke arah perubahan. Kalau kita lihat kerajaan-kerajaan Islam yang jatuh, bukan kerana Islamnya, tetapi kerana perangai permerintahnya. Pemerintah yang mengumpul kekayaan sama ada ia bernama khalifah, ataupun bernama Raja ataupun bernama Perdana Menteri; mengumpul kekayaan di keliling mereka sehinggalah rakyat nampak bahawa pemerintah itu tidak lagi mengikut lunas-lunas Islam, lalu ditumbangkan pemerintah itu.

**Setiausaha Parlimen di-Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul);** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen minta jalan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, adakah Yang Berhormat pernah membaca sebuah kitab yang dikarang oleh Al-Syahid Imam Hassan Al-banna yang menjelaskan sebab-sebab kejatuhan Khalifah Al-Mu'tassim atas dua sebab.

Yang pertama, perebutan kuasa politik.

Dan yang kedua, ialah kerana perbahasan mengenai Islam tanpa ilmu. Tafsiran-tafsiran sendiri yang menyebabkan umat Islam berbalah dan akhirnya ditewaskan. Bukan soal himpun kekayaan. Bukan soal keangkuhan, tetapi soal perebutan kuasa dan tafsiran Agama Islam yang dipersempjtkan. Ini Hassan Al-banna, seorang pemimpin ikhwanul Muslim yang terkenal seluruh dunia. Jadi, ini satu andaian yang tidak berlandaskan kepada fakta yang betul.

Saya harap Ahli Yang Berhormat daripada PAS harus mencari bukli yang jelas bersandarkan kepada pandangan ulamak kerana PAS parti lslam.Tidak boleh buat "hantam keromo" sahaja.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya baca buku Imam Hassan Al- banna. Dan dia syahid kerana menentang pemerintah nasionalis di Mesir.

Tuan Yang di-Pertua, zaman mutakhir memang kita lihat mereka mengumpul kekayaan. Misalnya pemerintah-pemerintah di India. Dengan isterinya meninggal dunia, tanda kasih kepada isteri, dibuat satu mahligai yang indah yang bernama Taj Mahal, kerana cintanya kepada Mumtaz mahal-semua mahal-mahal. *(Ketawa)*

Begitu juga kita lihat istana di Turkey, istana di Damsyik, menyebabkan rakyat melihat sudah ada perbezaan yang nyata daripada zaman Khulafa Ur-Rasyidin, zaman empat Khalifah yang awal. Oleh itu, kita lihat untuk mengembalikan kegemilangan itu, maka orang melihat punca kesalahan iiu. Maka tidak ditiru punca kesalahan itu untuk menaikkan semula kekuatan ataupun tamadun Islam. Kita lihat misalnya, kenapa Islam begitu pesat berkembang di zaman empat Khalifah. Pengembara pergi mencari di Madinah di mana istana Umar Ibnu Al-Khattab. Tidak jumpa istana. Di saat Khalifah tidakdiam di dalam istana, diwaktu itulah Rome dan Parsi tumbang ke tangan Islam. Tetapi disaat pemimpin-pemimpin Islam diam dalam istana-istana besar, Istana Riadh, Istana Merdeka, Istana Seri Perdana; di wakiu duduk di istana-istana besar inilah, satu demi satu negara umat Islam jatuh ketangan penjajah. Jadi. sebab itulah kita kena melihat secara serius perubahan yang dibuat oleh umat Islam sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang untuk menakutkan Raja-Raja, selalunya pihak yang pergi berhujah di hadapan Raja mengatakan; "Awas! jangan jadi seperti Iran, di mana rakyatnya bangun menggulingkan Shah Iran, sebuah pemerintah Beraja yang mempunyai kuasa mutlak.Tetapi tidak diterangkan siapa yang mampu menggerakkan rakyat, kenapa rakyat memberi kepercayaan kepada orang yang menggerakkan rakyat?Tidak lain, kerana orang yang menggerakkan rakyat itu ialah Imam Khomeini, yang hidup serba sederhana, dan bila berjaya memerintah, beliau sebagai Ketua Negara dalam negara yang kaya, hanya diam dalam gerobok yang buruk sahaja. Sebab itu rakyat memberi

keyakinan kepada beliau. Dan contoh itu, insya Allah, di abad ini cuba diikut oleh Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Tok Guru Nik Abdul Aziz,telah mencapai kuasa menggerakkan rakyat, rakyat memberi kepercayaan kerana beliau duduk di rumah buruk di Pulau Melaka, rumah lamanya itu, baru ia boleh bercakap bahasa rakyat dan bercakap di atas denyutan nadi rakyat.

Sekarang ini kenapa rakyat bimbang? Rakyat bimbang dengan perubahan ini.Tadi dikatakan bahawa parti Semangat 46 parti yang tidak mempunyai pengaruh, tidak boleh menggerakkan rakyat. Tetapi menjadi kehairanan kepada kita, dengan tidak ada publisiti lebih 10,000 rakyat boleh berkumpul di Pekan, Pahang. Ini satu perkara yang menakjubkan. Ketua Polis Negara terpaksa mengadap Baginda Sultan Johor untuk membatalkan perhimpunan. Itu saya belum ceramah lagi itu! *(Ketawa)*

Jadi, ini menandakan bahawa rakyat bimbang dengan perubahan yang dibuat ini. Sebab itu PAS daripada awalnya mengambil sikap berhati-hati kerana kita tahu bahawa dalam kebimbangan rakyat ini, kononnya ada hasutan daripada orang tertentu. Siapa yang sempat menghasut ke kampung-kampung - boleh keluar 10,000 dalam masa yang begitu pendek. Kemudian, kita dengar pula sekarang ini Baginda Sultan Kedah membatalkan pula pertemuan-pertemuan ataupun Majlis-majlis Rasmi di Kedah. Begitu juga peristiwa-peristiwa yang lain, yang kita nampak, apakah parti rakan kami yang menggerakkan rakyat ataupun rakyat sendiri merasa bimbang dengan perubahan-perubahan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri mengambil sikap berhati-hati, sebab kami pernah melalui peristiwa di tahun 1987, bila MCA bergaduh dengan UMNO satu perhimpunan di Kuala Lumpur, sepanduk: "Basahkan keris dengan darah Cina", satu sepanduk lagi di Dewan Hamz;ih: "Hantar Lee Kim Sai ke Negeri China". Mereka bergaduh, tengok-tengok "Aku" yang masuk ke dalam—"Saya".

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kami berhati-hati benar dalam pertelingkahan yang ada ini. Kita berhati-hati benar sebab pernah dianiaya jadi perangkap politik.Saya akui memang Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pun ditahan juga, tetapi dia hanya melalui lock up, barangkali tiga minggu, entah duduk di lock up atau duduk di banglow mana. Telapi kami,Pembangkang, DAP, PAS menjadi tetamu Kem Kamunting setahun lebih dan hampir dua tahun. Sebab itu dalam hal ini kami berhati-hati, sebab kita tidak mahu berulang peristiwa tahun 1987, kita tengok MCA dengan UMNO seolah-olah akan bergaduh, kita pun tumpang semangkuk, tengok-tengok merengkok kita dalam tahanan.

Dalam kes ini, sayakatakan tadi, iatidak akan berakhir di sini, iaitu setelah Raja menolak, sudah tentu akan dibuat "tunjuk kekuatan" selepas ini "show force". Barangkali Perdana Menteri akan turun gelanggang. Timbalan- Perdana Menteri akan turun gelanggang, meminta sokongan rakyat, himpunan besar-besaran.

Pada masa yang sama, Ketua Polis Negara telah pun membuat satu amaran, sebarang perhimpunan, sebarang ucapan yang menyentuh ataupun yang melanggar Akta Hasutan akan diambil tindakan. Kita hendak tengok ketegasan Ketua Polis Negara, bila Perdana Menteri turun gelanggang, apakah Ketua Polis Negara akan menghalang perhimpunan-perhimpunan yang dibuat oleh Barisan Nasional.

Saya yakin Ketua Polis Negara tidak akan menghalang jikalau perhimpunan-perhimpunan itu dibuat oleh pihak yang memerintah. Kenapa rakyat merasa gelisah, memang kita lihat pendedahan-pendedahan yang dibuat di akhbar tentang kekayaan Raja-Raja,didedahkankekayaan ' Sultan Pahang, kekayaan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, kekayaan Sultan Johor, didedahkan itu sampai kadang-kadang rakyat kata: "Ini sudah overdoing". Sudah macam melampaui batas.

Saya sendiri pergi ke Johor Bahru semasa isu Gomez mula-mula diketahui rakyat, kita lihat hampir majoriti rakyat Johor Bahru menyokong apa yang dibuat oleh Parlimen.

Tetapi setelah pendedahan yang melampaui batas, kita nampak—tiga hari yang lalu saya telah pergi ke Johor Bahru. Kali ini kita tidak boleh sokong lagi, sebab kita nampak ianya melampaui batas. Orang yang mengkritik kemewahan Raja-Raja ini pula, saya katakan tadi, kalau orang seperti Imam Khomeini orang boleh terima tetapi bila datang daripada orang yang juga mengumpul kekayaan, inilah yang sukar diterima oleh rakyat. Sekarang ini kita dengar keluar nama Tengku Wong, Tengku Vincent Tan, Tengku Ananda Krishnan, Tengku Eric Chia, Tengku Arumugam, kenapakah kekayaan mereka ini tidak didedahkan. *(Tepuk)* Tan Sri Arumugam boleh menentukan siapa yang dapat kontrak dalam pembinaan lapangan terbang baru di Sepang. Jadi, rakyat bimbang sekarang ini sebab "tengku-tengku" ini masih bermaharajalela.

Rakyat masih ingat kes Bukit Kiara. Rakyat tidak ingat, saya peringatkan. Bagaimana tanah yang begitu mewah boleh terlepas kepada dua tauke, satu Vincent Tan dan satu tauke golf, dengan dipertikaikan bagaimana tanah itu boleh terlepas kepada dua orang tauke ini. Tanah yang ditafsirkan harganya RMl juta lebih.

**Tuan Wee Choo Keong:** *(Bangun)*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Bila sebut sahaja Bukit Kiara, dia selalu bangun.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, tadi kawan saya dari Nilam Puri ada berhujah mengenai kes Bukit Kiara. Tanah itu dijual kepada orang asing bukan kepada tauke-tauke di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat dari Nilam Puri memberitahu kita kenapakah kerajaan memberikan tanah utama negara kita kepada orang asing dengan harga yang paling murah iaitu RM59.000 seekar. Pada hal harga pasarannya lebih kurang RMl juta. Kenapa? Begitu juga di Pulau Redang, di mana tanah di Pulau Redang telah (di"earmark" sebagai satu Marine Park) diberi kepada Tengku Vincent Tan. Kenapa begitu? Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini yang rakyat bimbang sekarang ini kerana pendedahan di satu pihak. Pendedahan mengenai kekayaan Raja ini dan Raja itu, tetapi bagaimana dengan kekayaan tengku-tengku baru yang muncul ini? Barangkali melalui Tengku Menteri Kewangan, Tengku itu, Tengku ini. Inilah yang rakyat bimbang—Tengku Shahidan tidak ada.

Rakyat bimbang sebab pindaan ini menuju ke arah mana? Sebab itu dalam perbahasan dahulu saya mengatakan bahawa kita bimbangkalau kekebalan Raja digantikan dengan kekebalan eksekutif. Ini semakin hari semakin nyata ianya berlaku. Misalnya, kita ambil contoh kes rasuah Herman Luping dahulu—namanya, macam mana hendak bunyikan pun saya tidak tahu. "Luping". Sekarang kita tidak dengar lagi

kes itu. Barangkali fasal ada kompromi. Kita bimbang kes rasuah Ketua Menteri Melaka, yang dibicarakan sekarang, kalau dia masuk BN, saya yakin barangkali kes itu akan ditarik balik. Minta maaf, Ketua Menteri Sabah - kalau masuk BN mungkin akan ditarik balik kesnya. Ini bermakna eksekutif telah menjadi terlalu kebal sekarang ini. Ini yang rakyat bimbang. Saya dengar khabar bahawa kerajaan hendak buat referendum, kalau cara yang ada sekarang ini tidak berjaya. Kalaulah dengan tidak ada publisiti, 10,000 orang boleh keluar ke istana Pekan, Pahang, saya bimbang kalau ada referendum, kemungkinan besar Barisan Nasional akan kalah. Orang-orang UMNO sendiri misalnya—UMNO (Baru) maksud saya, di Batu Pahat dan di Muar menyewa bas untuk mengangkut rakyat Johor ke istana Johor kalau jadi perhimpunan pada hari itu.

**Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin):** Yang Berhormat.......

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya hendak bertanya, adakah wujud sebuah parti yang bemama UMNO Baru dan apakah pendaftarannya?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ada.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tidak ada.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** UMNO dan UMNO Baru hak itulah juga.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak menjawab soalan saya iaitu tidak ada UMNO Baru di Malaysia.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dahulu daftar UMNO Baru, tetapi sekarang pihak yang berkuasa boleh padam, boleh......

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu adalah salah. Tidak ada UMNO (Baru) didaftarkan. Beliau tidak dapat menunjukkan bukti.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Pendaftar boleh buang. Saya panggil UMNO. Jadi ini adalah kebimbangan rakyat di sini, sebab di Parlimen ini dibahaskan, didedahkan penyelewengan tetapi kita nampak tindakannya tidak ada, sebab itulah PAS sendiri, ada bahagian yang kita sokong dan ada bahagian yang kita tidak menyokong. Sebab kita katakan bahawa kita mahu kepada pindaan, tetapi kita bimbang pindaan itu boleh membawa kekebalan baru kepada pemerintah. Misalnya kita ambil satu contoh lagi, yang rakyat pertikaikansekarang. Dua orang Pengarang Utusan, kerana menulis satu cerita yang kononnya boleh mengaibkan Yang di-Pertuan Agong waktu itu, kisah badak daripada Melaka yang dihantar ke Thailand. Dua pengarang itu dipanggil ke Istana lalu di ceritakan di dalam akhbar itu. Menurut orang yang kena itu, kepalanya di tonyoh dan kononnya hidungnya dimasukkan dua jari dan diangkat—itu mengikut cerita. Tetapi cuba kita lihat, pengarang yang sama telah mempertikaikan Perdana Menteri dalam soal bahasa, bukan dia ditonyoh kepala, bahkan dia di buang kerja daripada Utusan.

Rakyat melihat siapa lebih kebal di sini. Inilah persoalan-persoalan daripada rakyat jelata.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sahabat saya mengeluarkan kata-kata kepada pihak yang tidak berhak dan tidak mempunyai peluang untuk menjawab. Jadi, saya harap dia

mengkaji fakta yang sebenarnya, oleh kerana saya tahu apa yang terjadi kerana saya adalah salah seorang pengarah akbar *Utusan Melayu.* Jadi, saya berharap saudara menyiasat fakta yang sebenarnya mengenai perkara yang kedua tadi, sebelum saudara meneruskan bercakap.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Insya Allah, saya akan siasat, begitu juga terhadap pendedahan harta-harta Raja pun, kita akan siasat, sama ada benar atau tidak sebab sekarang akhbar-akhbar Utusan menyiarkan seluas-Iuasnya. Apakah benar atau tidak, telah disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang membimbangkan kita lagi ialah bila pindaan ini meletakkan manusia ke arah sama rata. Islam dijadikan hujah - Alhamdulillah, kita terima hujah itu. Tetapi janganlah kita gunakan Islam semata-mata di dalam hal ini. Tambahan yang bercakap itu pula, sesetengah Ketua Menteri yang bercakap hal Islam dan hendak mendisiplinkan Raja itu - perangainya sama-samalah kita ketahui. Saya tidak mahu sebut, Kota Setar tahu itu. Yang bercakap mengenai soal hendak meletakkan Raja di bawah undang-undang ataupun hendak membuang immunity, Islam digunakan; Islam itu adalah akidah perjuangan kita, akidah perjuangan umat Islam.Oleh itu, ia hendaklah sentiasa berada dalam hujah itu, walau dalam keadaan apa sekalipun. Walaupun DAP tidak setuju dengan PAS dalam masalah Islam, tetapi kami tetap tegas, iaitu kami mahukan hukum hudud. Dia tidak setuju itu dia punya hal. Kalau dia sokong, MCA sokong dan UMNO sokong - Alhamdullillah.

Tadi Perdana Menteri telah bercakap mengatakan bahawa satu ketika nanti akan dilaksanakan hukum hudud—Alhamdulillah. Maknanya MCA dan GERAKAN telah pun bersetuju, sebab Perdana Menteri telah pun bercakap dalam kolektif. DAP tidak setuju, tetapi saya harap Jama-lama mereka setuju juga *(Ketawa).* Jadi, kita tidak hanya menggunakan Islam bila hendak meletakkan Raja ataupun hendak menghadapi Raja, tetapi perangai hari-hari mereka kita tahu dan kita ada rekord. Ini diceritakan sendiri oleh orang UMNO *(Baru)* di mana ada perangai Menteri Besar yang diceritakan oleh orang UMNO—minta maaf. Jadi mereka ini juga menghamburkan mulut mereka dan bercakap sekarang ini bahawa manusia adalah sama di sisi Tuhan dan hendak dibuat undang-undang. Baguslah kalau dia bercakap itu atas kesedaran, sebab manusia ini sentiasa boleh membuat kesilapan dan boleh kembali kepada jalan Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, senario selepas ini, kita harap selepas Parlimen ini bersidang, kalau ada rapat-rapat umum yang dijalankan oleh pemerintah untuk menjelaskan mengenai pindaan Perlembagaan ini, berilah peluang sama rata kepada semua parti-parti politik untuk menyatakan pendirian mereka di hadapan rakyat.

Kita tidak mahu selepas ini, bila berlaku rapat-rapat umum, himpunan-himpunan seperti SEMARAK di mana mereka yang memerintah dengan sebebasnya mengadakan rapat umum untuk menerangkan sesuatu isu, kami daripada parti Pembangkang sukar untuk mendapatkan permit ataupun menyampaikan pandangan kami kepada rakyat. Negara ini masih lagi berada dalam keadaan demokrasi walaupun dipertikaikan. Kita harap demokrasi itu akan dapat diperlihatkan bukan hanya dinyanyikan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, pandangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bayan Baru.

8.11 mlm.

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan penyokong-penyokong daripada Barisan Nasional, saya lihat bahawa Kerajaan begitu berazam, begitu beria-ia hendak melihat supaya pindaan Perlembagaan yang sentuh tentang kedudukan Raja-Raja ini diluluskan. Saya fikir bahawa isu ini bukanlah satu perkara yang dikatakan penting sahaja tetapi adalah satu perkara, satu isu yang besar, yang perlu ditangani dengan cara yang baik, yang bijak, yang berhati-hati dan tidak perlu dibuat secara tergesa-gesa jika sekiranya implikasinya juga akan menjadi besar.

Saya tidak nampak perkara ini besar sewaklu dibincang dalam Parlimen sahaja. Malahan kita perlu sebagai orang yang bertanggungjawab, Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, kerajaan yang bertanggungjawab, kita mahu kerajaan dan semua Ahli Parlimen lihat lebih jauh daripada apa yang kita sedang bincang di Parlimen. Jika sekiranya implikasi besar, siapa yang rugi—rakyat dan negara. Saya ulang, rakyat dan negara. Jika kerajaan sungguh bersikapbertanggungjawab, saya rasa kerajaan perlu menimbang pandangan-pandangan yang telah diberi, yang telah dikeluarkan oleh Pembangkang.

Saya tidak nampak mana-mana pihak Pembangkang yang terus-terang secara langsung menolak pandangan cadangan kerajaan. Saya tidak nampak. Cuma yang mereka tidak berpuashati termasuk diri saya, cara kerajaan menangani, cara kerajaan mengambil pendekatan ke atas isu yang besar ini dan jika tersalah langkah, saya bimbang kerajaan sendiri menggalakkan keadaan negara menjadi tidak menentu. Saya bimbang bukan sahaja rakyat akan berasa gelisah tidak senang, malahan ia akan membawa akibat, implikasi buruk atas ekonomi negara.

Saya rasa hari ini pun entah kita punya Bursa Saham pun tidak tahu berapa telah menurun. Tidak tahu lagi apakah kesan kepada pandangan pelabur-pelabur asing. Tidak tahu lagi wakil-wakil kedutaan asing yang dengar pada hari ini apakah laporan mereka akan buat kepada negara masing-masing. Ini satu implikasi yang luas. Saya rasa kita perlu bertanggungjawab dan membincangkan perkara hari ini dengan cara rasional dan cara yang bijaksana, bukan mengikut emosi.

Saya tidak bersetuju dengan sesetengah pembahas tadi, khususnya dari Barisan Nasional...

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat, Tasik Chenderoh hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Ahli dari Bayan Baru masih ingat bagaimana pada l0hb Disember yang lalu, apabila Ahli dari Tanjong berucap, meminta dan mendesak dengan segera kepada Timbalan Perdana Menteri supaya memanggil Parlimen bersidang untuk....

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** Ahli dari Jelutong.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Daripada Jelutong, minta maaf. Daripada Jelutong. Tanjong tidak dapat

hadir, kasihan pada masa itu. Jelutong meminta supaya Timbalan Perdana Menteri, waktu itu di hadapan sana, menunjuk supaya Parlimen dipanggil dengan segera untuk meminda Perlembagaan dan Timbalan Perdana Menteri menyatakan, kita akan buat in due course, mengikut peruntukan Perlembagaan kita.

Ini pandangan yang bercanggah, dari satu ketika hendakkan supaya disegerakan dan hari ini dengan pandangan yang cukup berbeza sekali kerana permainan politik *(Tepuk)* untuk mendapatkan publisiti murah. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Terima kasih. Sebenarnya ini bukan permainan politik. Apabila DAP membuat kepulusan pada lOhb Disember yang lalu mencadangkan supaya perkara ini dibawa ke Parlimen dengan secepat mungkin, itu adalah pada ketika itu tanpa melihat perkembangan, *(Disampuk)* tanpa melihat kepada perkembangan....

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** Pembohong! Pembohong! Pembohong!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kenapa lompat? Hah, kenapa? -

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** Mabuk! Mabuk! Mabuk!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Jangan cuba provoke! Nanti saya pun lepas cakap-cakap yang tidak baik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakap hari ini adalah demi untuk kepentingan rakyat. Setelah kita melihat perkembangan-perkembangan yang terakhir, sehingga hari ini pun kita mengetahui bahawa Raja-Raja ataupun Conference of Rulers tidak bagi consent, itupun kita bawa ke sini. Adakah kerana pihak Barisan Nasional begitu beria—ia hendak tunjuk kuasa, Perdana Menteri orang kuat, Timbalan Perdana Menteri pun kuat, Barisan Nasional mempunyai kuasa 2/3 majoritidi sini...

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** Mabuk! Mabuk! Mabuk!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ini kurang ajar. Itu kurang ajar. Tuan Yang di-Pertua, saya minta ditarik balik. Kalau tidak saya menggunakan perkataan yang lebih pahit dari itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat diminta tenang.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ini provoke. Dia orang mula provoke. Ini kita tidak sedap dengar. Kalau itulah sikap Barisan Nasional, huru-haralah negara ini. *(Disampuk)* Macam inilah huru-hara, tiga-empat orang di belakang itu. *(Sambil menunjuk ke arah Setiausaha-Setiausaha Parlimen).* Inilah keadaannya.

Jadi...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta sahabat saya, hendak "cool him down" sedikit. Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi, bermakna kalau jawapan itu kita ambil sebagai yang benar, bermakna dia ini dolak-dalik. Adakah saudara mengakui yang sekarang ini saudara dalam keadaan yang berdolak-dalik? Pada l0hb Disember hari itu bercakap lain, hari ini cakap lain. Jadi, macam mana kita hendak pegang DAP ini? Sebab itu rakyat tidak percaya kot?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Barisan Nasional mengatakan kami berdolak-dalik. Sebenamya yang sayajelaskan awal-awal tadi, sedangkan Ketua Pembangkang kami pun telah menjelaskan pendirian DAP bahawa kita memang pada prinsipnya bersetuju dengan pindaan itu. Kita sudah cakap. Soalnya cara kita mengendalikan, cara kerajaan menangani isu ini. Ini yang kita bincangkan. Bukan soal kita tidak bersetuju dengankerajaan. Itu mahu faham.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri minta jalan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ramai peminat!

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, terima kasih. Sebenarnya ucapan Timbalan Presiden DAP dan merangkap Wakil Rakyat Jelutong begitu terang. Dia dengan bukulah, itu dan ini, dan dia mencadangkan dengan tegas, cabar berulang kali kepada Perdana Menteri supaya dibawa secepat mungkin kepada Parlimen mengenai Akta pindaan ini dan satu persatu dia cadangkan termasuk soal pengampunan, soal sedition, soal jangan ampun diri sendiri. Satu persatu malah boleh dikatakan hampir semua pindaan ini adalah dicadangkan oleh Timbaian Presiden DAP. Begitu terang sekali dan saya sendiri pada masa itu, minta maaf, saya rasa, "Oh, ini memang satu parti sedikit-sedikit pada ketikanya ada prinsip".

Hari ini sudah tukar langsung. Jadi, memang memalukanlah. Saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat ingat bagaimana Timbalan Presiden DAP mencadangkan satu persatu? Boleh kata kita sudah adopt cadangan dia itu *in toto.*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan dan Barisan Nasional bertanggungjawab, sudah tentu perkara ini dapat dikendalikan dengan cara baik, tidak payah tunggu sebulan, dua bulan malahan seminggu pun entah boleh dibuat. Masalahnya sekarang ini....

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** *(Menyampuk)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Masalahnya, saya belum berucap panjang. Banyak lagi saya hendak memperkatakan. Kesilapan-kesilapan langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan Barisan Nasional. Cerita Raja begitu besar, sebelum kita hendak cakap tentang konsep bermesyuarah, kita hendak mengambilhati Raja-Raja supaya bersetuju dengan cadangan pindaan ini, hari-hari kita bombat, hentam Raja habis-habis. Adakah itu cara konsep bermesyuarah? Adakah itu cara bertanggungjawab kerajaan Barisan Nasional? Hari-hari kita bagi, lebih daripada komunis pula jadinya Raja-Raja. Hari-hari. Itu bukan caranya. Jangan cakap Raja-Raja, kita yang melihat, yang membaca pun, oh, ini cara yang tidak bertanggungjawab. Memang tidak bertanggungjawab.

Selepas itu hendak suruh Raja honnat, menerima bulat-bulat kehendak kerajaan kerana kerajaan tidak bersifat bersih, tidak jujur. Itu sebab masalah ini yang saya sebut, kalau jujur dan bersih, seminggu saya rasa boleh pujuk Raja-Raja.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada di sini patutberitahukepadapemimpin-pemimpin Barisan Nasional lain supaya lebih berhati-hati, lebih bertanggungjawab, lebih-lebih lagi membincang hal Raja-Raja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat.......

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bang, minta jalan bang. Eh, abang pula! *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**...Jerai minta jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ingin minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat. Yang Berhormat baca atau tidak keputusan Raja-Raja?Sebenamya Raja-Raja minta, kita sudah beri masa yang cukup panjang. Yang Berhormat takut terlewat sedikit kot hal-hal ini. Kita sudah aiur elok. Cara mana lagi kita hendak sembang dengan depa ini? Ampun tak ampun, hai, sudah cukup panjang cerita. Jadi, cara Yang Berhormat ini kalau bercakap dengan Raja, tak sempat masuk Istana sudah disuruh keluar. Dalam Parlimen pun tak sedar jengei. Jadi, tolonglah, tolong stable. Steady sedikit, jangan dok attack tak tentu fasal. Mintalah steady sedikit, baca keputusan Raja-Raja dahulu.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa dua bulan kebelakangan ini kita lihat berbagai ucapan dan kenyataan yang telah dibawa oleh akhbar berhubung dengan apa yang dikatakan oleh Raja, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri Menteri Kewangan dan lain-lain. Sehingga hari ini kita lihat apa yang berlaku pada hari ini bahawa apa yang yang telah dilaporkan oleh kebanyakan akhbar adalah putar-belit dan perkara yang tidak benar, menyeleweng. Perkara yang tidak benar berhubung dengan apa pendapat Raja, apa Raja cakap, semua itu merupakan spekulasi......

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** *(Bangun)*

**Tuan Othman bin Abdul:** Penjelasan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mabiruddin):** Yang Berhormat, ada tiga orang minta penjelasan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sayadahulu. Yang Berhormat rakan saya inL...

**Seorang Ahli:** Rakan pula dah!

**Tuan Othman bin Abdul:** Rakan, rakan. Tadi "abang", sekarang "rakan". Adakah Yang Berhormat hendak menuduh akhbar yang putar-belit, saya tidak. Saya hendak mengatakan Raja yang putar belit. Sehari bersetuju, dua hari tak bersetuju; sehari bersetuju, dua hari tak bersetuju. Ini kenyataan yang tepat, yang jelas. Sebab itu akhbar melaporkan yang berlaku; dua hari dahulu bersetuju, 6:3, kemudian tak bersetuju; hari ini tak bersetuju pula. Jadi, yang mana putar-belit? Hendak bercakap akhbar ataupun pihak Raja-Raja sendiri? Ini perlu diketahui dengan jelas.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Soal laporan dalam akhbar bersetuju atau tidak bersetuju kebanyakannya adalah andaian daripada mereka yang membuat kenyataan akhbar termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan ini mengelirukan, tak benar! Sebab itu hingga hari ini yang mana dikatakan Raja-Raja yakin akan memberi kelulusan atau bersetuju dengan pindaan Undang-undang, tetapi resultnya adalah sebaliknya. Ini yang kita lihat pada hari ini dan rakyat semua tahu!

**Tuan Othman bin Abdul:** Okay. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bersama-sama dipanggil ke Istana dua tiga kali menyatakan pertama bersetuju, kemudian dipanggil pula, bersetuju lagi dengan pindaan dan pihak Raja memberikan pindaan. Kabinet bersetuju dengan pindaan. Raja yang mencadangkan pindaan dan kita berseiuju dengan pindaan, tiba-tiba datang lagi, tak bersetuju! Jadi, siapa yang hendak dikatakan bersalah yang mengakibatkan kita berada di dalam Dewan ini? Jelas, ini kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah merupakan kenyataan yang keluar daripada Istana. Keyakinan, kebenaran yang jelas, bukan penipuan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Ini jelas!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya, terima kasih. Sebenarnya apa yang rakyat baca melalui media massa terutama laporan-laporan akhbar seperti *The New Straits Times, Utusan Malaysia,* dan *Utusan Melayu* itulah yang kila lihat sehingga hari ini. Apa jua yang hendak dipertahankan oleh pihak kerajaanbahawaRajamemangbetul, besok bersetuju, lusa tak bersetuju, hari ini bersetuju, tak bersetuju pula tengah hari tadi. Rakyat membaca dengan penuh keyakinan seolah-olah 'Raja akan bersetuju. Baru-baru ini, minggu lepas kononnya 6 Raja telah bersetuju; tiga Raja tak bersetuju. Akhbar boleh menulis, menyebut nama Raja yang tak bersetuju dan sebab-sebab. Sama ada perkara itu benar atau tidak, Raja tidak membuat kenyataan. Yang kita tahu kenyataan dibuat sama ada oleh pemimpin kerajaan mahupun ulasan-ulasan yang telah dibuat oleh pengarang-pengarang akhbar. Apakah iiu tidak betul?

**Tuan Othman bin Abdul:** Sekali lagi. Contoh. Sultan Selangor awal-awal lagi menyatakan persetujuannya tentang pindaan ini, tetapi mengapa akhirnya dia tidak bersetuju? Jadi, siapa yang bercabang? Siapa yang tak betul? Semua kenyataan dalam akhbar, kenyataan dalam televisyen mengatakan dia bersetuju dengan cadangan pindaan hendak membuang immunity. Ini jelas. Tiba-tiba hari ini tak bersetuju. Takkan hendak kata hendak salahkan pemimpin Barisan Nasional atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Ini tidak boleh dilakukan!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Rakyat tidak tahu sejauh mana persetujuan yang dibuat olehRaja. *(Disampuk)Rakyat baca akhbar,* itulah yang rakyat lahu. Apa yang bertaku, perbincangan antara pemimpin- pemimpin UMNO dengan Raja, itu sama ada diceritakan oleh akhbar secara betul atau tidak, rakyat tidak tahu. Rakyat membaca, itu sahaja yang dia faham.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Eh, ini belum habis.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan, saya hendak tanya soal ini juga. Mengenai Sultan Selangor ini. Dalam TV punkitadengarsuaranya,dalamsuratkhabar ada. Takkan rakyat tak tahu, tak boleh dengar suara, tak kan ambil suara orang lain! Adakah ini tidak namanya dolak-dalik? Jadi macam mana ini? Cuba beri tafsiran kepada yang saudara dengar daripada televisyen, yang saudara baca dari suratkhabar dalam konteks kenyataan Sultan Selangor mengenai isu pindaan Perlembagaan. Adakah ini tidak merupakan satu manifestasi dolak-dalik daripada Raja-Raja?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya rasa kita harus faham, bersetuju dengan menerima. *(Disampuk)* Kalau dikatakan DAP pun bersetuju dengan pindaan atau cadangan yang baik yang dikemukakan oleh kerajaan. DAP ada sebab untuk tidak bersetuju, tidak menerima maknanya—tak dapat menerima. Saya percaya Raja pun demikian juga. Kalau bercakap tentang pindaan kerana hendak menarik atau menghapuskan kekebaian, mungkin Raja boleh menerima, tetapi cara kita menggubal pindaan, cara kita melaksanakan Undang-undang, mungkin itu tidak diterima. Saya belum dengar sampai hari ini bahawa Raja-Raja mengatakan dia dia tidak boleh terima langsung pindaan Undang-undang. Mungkin dia tak berseluju cara kerajaan mengendalikan pindaan ilu. Mungkin dia mahu cara pindaan lain, tetapi pihak kerajaan BarisanNasional, Pemimpin-pemimpin yang saya rasa kurang bertanggungjawab terus terang mengatakan Raja-Raja menolak dan hentam Raja-Raja habis-habis. Itu cara yang saya rasa tak bijak! Orang tak mahu menerima, itu cerita lain. Dia bersetuju pada dasar, pada prinsip dia bersetuju tentang pindaan...........

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Timbalam Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: .........hendak menarik balik kebekalan. *(Ketawa)* Kekebalan, sorry.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sampai sebut pun tak betul Tuan Yang Di-Pertua. Soal kita mengkritik atau menentang ini bukan sahaja anggota Barisan Nasional, tetapi yang paling jelas dan nyata, kalau Yang Berhormat boleh baca *Hansard* Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, bermacam-macam kes dan perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Banyak sekali, menghentam Raja, Sultan Johor, Sultan Selangor, semua sekali. Saman lagi dan macam-macam. Itu disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Bermakna sama DAP dengan Barisan Nasional sekarang, tetapi mengapa Ahli Yang Berhormat sanggup mengatakan mengapakah UMNO akan menghentam Raja-Raja sedangkan itu jelas dalam Dewan ini. Jelas dalam Dewan ini, telinga saya tidak pekakdan tuli. Semua kita dalam Dewan Rakyat ini mendengar denganjelasdantertulisdenganjelasdalam *Hansard.*

**Tuan Ahmad bin Noor:** Kita tak perlulah hendak memutar-belit, *(Disampuk)* tak perlu. Kerana apa- yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu jelas. Semasa membincang isu berhubung dengan perilaku Sultan Johor pada 10 Disember itu terang-terang. Memang terang-terang. Perkara yang tak puas hati semua orang tahu. Saya sendiri faham hujah-hujah yang dibuat oleh pihak Barisan Nasional. Memang banyak perkara yang kita tak puas hati, tetapi 'disebabkan isu ini merupakan satu tsu yang besar dan

sensitif, apakah cara bijak yang patut dilakukan oleh pihak kerajaan? Ini yang penting, bukan soal kita tak nampak apa Sultan buat; dahulu kita setuju, tak berbangkit. Sekarang pun, kalau ikut hati saya memang kita bersetuju banyak perkara apa yang dilakukan oleh Raja-Raja. *(Disampuk)* Terus-terang saya bercakap. Sebab itu kita menyokong motion ataupun usul yang dikemukakan pada 10 Disember. Kita faham, masalah yang di hadapan kita bukan masalah itu. Itu sudah difahami oleh semua pihak.

Malahan kita bersama pendapat yang telah dikeluarkan oleh beberapa Ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini tentang perilaku, salah guna kuasa, penyelewengan, pembaziran. Kita semua faham tapi kita hendak buat isu ini macam satu isu yang seolah-olah Raja sudah menjadi musuh tetapi dalam masa yang sama kita hendak katakan kita hormat Institusi Raja-Raja, kita hendak mempertahankan Institusi Raja-Raja. Ini satu hipokrit. Dalam masa yang sama kita kutuk. Saya rasa ini satu perkara yang tidak betul.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Timbalan Yangdi-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat, Arau minta jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order. Sebab menuduh orang Barisan hipokrit dalam mempertahankan Institusi Beraja saya ingat ini bukan sahaja melanggar 36(6) tapi melanggar Akta Hasutan. Kita tidak boleh menuduh. Kita sudah buat pendirian, itulah pendirian kita. Kita tidak boleh tuduh yang kita hipokrit dan kita tidak cuba mempertahankan Institusi Beraja. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, sebab kita cakap pasal Raja ini, bahasa saya ialah bahasa beradat. Bahasa baik-baik. Kalau cakap tajuk lain saya lebih kasar daripada Yang Berhormat. Oleh sebab ini kita bercakap bahasa istana, ya.

Soalan saya ialah apakah Yang Berhormat sedar bahawa beberapa aturcara yang harus diterimapakai untuk kita berunding dengan Raja telah pun dibuat dan kita telah pun dimaklumkan bahawa Majlis Raja-Raja ataupun Raja-Raja telah membuat cadangan balas supaya kita menubuhkan mahkamah khas. Jadi kitapun buat tambahan pada hari ini untuk bersetuju untuk menubuhkan mahkamah khas. Tapi bila dibuat keputusan, dia tidak bersetuju lagi. Apakah Yang Berhormat sedar perbuatan untuk berdolak-dalik—bagi syarat, syarat diterima tetapi masih tidak setuju. Itu merupakan perbuatan yang tidak patut diterima oleh semua pihak termasuk pembangkang. Semua aturcara untuk kita berunding telah kita buat. Jadi, Yang Berhormat sekarang ini menyebutkan bahawa kita tidak berunding dan sebagainya. Semua kita sudah buat. Sampai cadangan balas inipun kita bersetuju. Tetapi masih lagi dia tidak bersetuju. Apakah ini kita boleh ambilkira dia masih betul?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendakwa bahawa kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang bijaksana, banyak-banyak hal yang telah ditandatangani oleh beliau boleh diselesaikan, boleh mencari penyelesaian yang baik. Masakan isu yang penting, yang sensitif, yang begini besar pula dia tidak tahu, dia sudah habis harapan, dia sudah hilang segala keupayaan, tidak lagi

berdaya untuk hendak menyelesaikan, kononnya Raja-Raja sudah tidak boleh lagi berbincang, pintu sudah tertutup. Adakah itu dimaksudkan? Saya rasa daripada perbincangan awal tadi saya lihat bahawa kerajaan tidak peduli, Kerajaan sudah berazam seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan sudah beria-ia; walaupun Raja-Raja tidak memberikan consent mereka; kerajaan akan terus bawa kepada Parlimen untuk mendapat kelulusan kerana Kerajaan ada majoriti 2/3.walaupun.......

**Tuan Abdul Ghaffar bin Baba:** Bolch tanya sikit ya. Bolehkah DAP bercadang untuk berjumpa Sultan. UMNO tidak ada halangan untuk mendapat persetujuan mereka. UMNO tidak ada halangan. kerajaan tidak ada halangan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Insya Allah Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau inilah kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan kepada DAP untuk berbincang semula dengan kerajaan kita boleh buat. Jangan cakap di mulut di hati lain. *(Disampuk)* Baru tadi bila kita cakap, dia cakap Akta Hasutan. Yang UMNO punya orang dok bercakap Timbalan berapi-api hentam Raja habis-habisan, tidak ada siapa cakap hasutan.

Pada halnya memang melanggar Akta Hasutan. Kita tahu....

**Tuan Abdul Ghaffar bin Baba:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Tuan Abdul Ghaffar bin Baba:** Kata Ahli Yang Berhormat melanggar Akta Hasutan. DAP pup bebas, boleh berunding dengan Raja-Raja. Jadi, Ahli Yang Berhormat menyalahkan Barisan Nasional gagal. Mengapa DAP tidak mahu cuba?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau DAP cuba Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Perdana Menteri memberi satu pengakuan di sini bahawa soal ini ditangguhkan. Isu ini jangan lagi diluluskan di Parlimen. Beri ruang, beri masa kepada pihak DAP untuk berbincang dengan Raja-Raja. Kalaupun dipersetujui, kita buat cara bersih.

**Tuan Abdul Ghaffar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Raja-Raja telah pun membuat keputusan. Jadi tangguhkan Parlimenpun, keputusan sudah dibuat. Jadi keputusannya Persidangan Parlimen harus diteruskan. Selepas ini masih ada peluang DAP untuk pergi memujuk Sultan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, DAP kalau hendak berjumpa dengan Raja-Raja itu tidak ada masalah. Kalau Raja-Raja sanggup berbincang dengan DAP, sanggup menjadikan DAP menjadikan orang tengah antara Raja dengan kerajaan, memang satu perkara yang mulia. Kita bimbang kalau kita bawa satu formula yang baru dikemukakan kepada kerajaan nanti kerajaan tidak terima sebab dia DAP. Malahan dalam Barisan Nasional pun, orang-orang UMNO tidak mahu bawa orang-orang MCA, MIC, Gerakan jumpa Raja-Raja. Cuma orang-orang UMNO. Ini jelas, semua orang tahu. Seolah-olah cuma UMNO sahaja yang boleh menangani isu Raja ini. Tidak boleh orang lain. Tambah pula DAP ini. Selain daripada saya, saya rasa UMNO tidak akan terima. *(Disampuk)*

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa selepas ucapan Ahli Parlimen dari Jelutong, rakan-rakan Barisan Nasional yang bangun berucap memuji pandangan beliau dalam Dewan ini. Ini jelas bahawa mengatakan kalau sekiranya benda yang baik DAP mencadangkan, kita bersetuju. Semua rakan-rakan yang bercakap pada hari itu termasuk dari Arau memuji dan menambah lagi idea yang diberikan oleh Ahli Parlimen dari Jelutong mengenai apa yang dicakapkan. Ini menunjukkan kesediaan kami untuk menerima.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ada lagi? Saya tak jawap pun yang tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya Yang Berhormat, beri dia jawab dulu ya.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kalau orang-orang UMNO, sekurang-kurangnya di sini ada tertulis dalam *Hansard* menyokong apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Jelutong. Selalu yang saya tahu hentam dia habis-habis. Hari ini saya dengar,baguslah, saya ucap terima kasih. Sekurang-kurangnya saya juga sedar bahawa orang-orang UMNO pun banyak yang bersetuju dengan pandangan daripada wakil-wakil DAP.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal media-massa....

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tadi pasal Yang Berhormat sebut tentang hipokrit dalam Barisan Nasional. Tentang mana yang hipokrit? Walhal dalam pindaan ini kita sebut bahawa selepas pindaan ini kedudukan Raja-Raja masih Raja-Raja. Jadi, tentang mana Yang Berhormat kata hipokrit, saya hendak tanya. Di mana?

**Tuan Ahmad bin Nor:**Saya telah jelaskan tadi Tuan Yang di-Pertua, dalam satu ketika pihak pemimpin UMNO begitu memuji-muji, menghormati dan hendak melindungi kepentingan lnstitusi Raja-Raja, dalam masa yang sama juga pemimpin-pemimpin UMNO hentam Raja habis-habis. Ini yang saya maksudkan hipokrit itu dan ini jelas, satu perkara yang jelas.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau kita semua dengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dalam Dewan Rakyat bahawa Institusi Raja tidak disentuh dan tidak boleh disentuh mengenai hendak menggugur atau menghapuskan kedudukan Raja-Raja. Itu tidak boleh. Masih dikekalkan. Yang kita mencadangkan boleh dikritik, bagi pandangan ialah perangai, kelakuan, akhlak, perilaku, merogol orang, menempeleng orang, hutang orang tidak bayar, itu soal yang kita bangkitkan. Bukan soal institusi. Inipun keliru juga PAS dan S46 ini yang menyebutkan tentang institusi - tidak. Bahkan dengan jelas Perdana Menteri menyebutkan institusi tidak boleh dipersoalkan, kedudukan Raja Berperlembagaan tidak boleh dipersoalkan. Itu jelas pendirian kami Barisan Nasional.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pihak kerajaan dan Barisan Nasional khususnya pemimpin UMNO (Baru) memilih untuk

menghentam, mengkritik Raja, dalam masa yang sama kita berbincang soal pindaan Perlembagaan yang menyentuh kedudukan Raja-Raja. Mengapa? Tidak bolehkah kita bincang soal ini, soal pokok? Jangan dok bincang soal dia punya hal peribadi, dia hendak kahwin dengan siapa, dia hendak ada istana berpuluh-puluh, memang semua orang tahu. Tapi janganlah ambil kesempatan dalam masa yang sama untuk merigeruh usaha-usaha Kerajaan untuk mendapat sokongan, penerimaan Raja kepada cadangan pindaan ini. Ini yang saya maksud.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau seorang Sultan mempunyai sepuluh istana. Bagi penjelasan. Pendirian DAP. Adakah Yang Berhormat mahu sepuluh istana satu Sultan di Malaysia atau menghabiskan wang rakyal begitu sahaja. Sedangkan ini saya faham dasar DAP tidak mahu pembaziran.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ini perkara adalah satu perkara lama. Perkara yang diketahui oleh semua rakyat tapi tidak didedah, tidak dikisah oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk dengan penasihat-penasihat Raja, Menteri-menteri Besar, penasihat Agong-Perdana Menteri. Dari mana? Dari UMNO. Tetapi mereka semua memilih dalam masa kita hendak cadangkan pindaan Perlembagaan untuk hendak menghumbahkan, hendak mendedahkan segala perkara-perkara yang tidak baik itu.

Apakah ini cara orang Melayu, adat orang Melayu? Adakah ini cara orang Melayu mengendalikan hal dengan Raja? Saya rasa ini perkara yang tak betul. Bila tak betul, kita hendak mempolitikkan, hari ini kita tuduh orang lain cuba menghasut rakyat menentang pindaan Perlembagaan.

Berbalik kepada hal media massa ini. Media massa bukan sahaja memutarbelit dan memberi gambaran yang tidak benar terhadap perkembangan isu pindaan Perlembagaan berhubung dengan kedudukan Raja-Raja ini, malahan media massa berat sebelah. Kalau kita mahu lihat perkara ini diselesaikan dengan secara yang rasional, secara yang adil, secara yang bijak, sudah tentu kita beri peluang semua orang berbincang melalui media massa dengan secara yang baik untuk rakyat menilai yang mana benar dan yang mana tak benar. Beri peluang kepada rakyat, sebab apa yang kita bincang pindaan Perlembagaan,-semua orang mengatakan untuk kepentingan rakyat dan negara.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Bayan Baru, cara mana yang orang Melayu menyelesaikan masalah dengan Raja sepertimana Yang Berhormat kata tadi. Apabila berlaku pertembungan rakyat Melayu dengan Raja, cara mana? Beri contoh-contoh (examples) di dalam sejarah, cara yang elok macam mana, selain daripada rakyat Melayu tikam dan halau Raja, cara mana yang dibuat? Adakah dipujuk,adakah digosok belakang? Beri example dalam sejarab yang kata orang Melayu pergi bodek Raja, tak boleh bercakap langsung mengenai dengan kelakuan buruk Raja. Beri satu example sahaja dalam sejarah yang kata cara Melayu membetulkan Raja itu dengan elok? *(Ketawa)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Periua, kita perlu kaji dan tak boleh kita beri jawapan secara spontan. *(Ketawa)* Tetapi apa yang saya hendak jelaskan di sini.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *(Bangun)*

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin** Nor:....adakah apa yang ilakukan oleh pemimpin UMNO itu cara yang betul?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya, nanti saya jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu, sabar. Hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tak payah jawab, saya yang berucap.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya hendak beri....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Nanti dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya hendak beri cara penjelasan kepada Yang Berhormat dari Bayan Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ada dua orang. Ya, Setiausaha Parlimen dulu. Hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya tak beri orang menjawab. Kerana saya jawab, mereka boleh tanya. Kalau mereka tanya, boleh, saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau minta penjelasan, bolehlah.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya sudah kaji macam mana Raja dulu buat penyelesaian, saya pun hendak beritahu kepadaYungBerhormat.Sayahendakberi, terimakasih.....

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduklah sat!

**Tuan Ahmad bin** Nor:...orang-orang UMNO ini, yang ini pandai bercakap, tetapi besok kalau hendak Dato' hendak Dato' Seri, Tan Sri, itu dia....

**Tuan Othman bin Abdul:** Dato' Seri tak ada, Kedah sudah......Dato' tak ada.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Bagus. Jikalau tidak, Padang Terap nanti hendak dapat itu....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Eh, Pendang entah dia hendak dapat Dato' tahun ini, jadi "miss".

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Nanti dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalankah?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya hendak tolong Yang Berhormat dari Bayan Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Padang Terap.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya hendak tolong dia, sebab dia tak belajar sejarah. *(Ketawa)* Cara orang-orang Melayu menyelesaikan masalah Raja dulu, bukan sahaja dimaki dan dihamun, di "ligan". Dalam perkataan orang Kedah "diligan". "Diligan" Raja bersiong. Kalau Yang Berhormat daripada Kedah, kalau Yang Berhormat tengok sejarah Raja bersiong, dia "ligan" sampai ke Baling. Di Kota Tinggi ditikam; ketika hendak pergi sembahyang Jumaat, dia tikam perut Raja. Di Petani, di Jawa "diligan" Raja. Bukan setakat "diligan" Raja, dia ambil bini Raja yang elok itu. *(Ketawa)* Jadi, Yang Berhormat, cara Melayu yang mana, yang saya kata cara Melayu yang elok ini, cara mana? UMNO hanya mengkritik di atas asas parti Yang Berhormat sebagai Parti Sosialis, kenalah sokong kita. Ada sampai 10 istana ini mana ada kena dengan prinsip sosialis? Itu feudalis yang mesti diperjuangkan oleh paiti Yang Berhormat untuk membuangkan ciri-ciri feudalisme ini. *(Tepuk)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, Padang Terap baru sekarang jadi orang Melayu. Rupanya dulu dia bukan orang Melayu. Baru sekarang dia hendak sedar tentang sejarah Sultan dan Raja-Raja. Baru sekarang hendak sedar, dulu dia tak sedar? Dulu dia bukan orang Melayu. Barangkali baru dua, tiga hari ini orang Melayu agaknya, baru nak cerita fasal sejarah.Kenapa dulu tak cerita fasal sejarah, 10 tahun, 20 tahun yang lalu? Kenapa sekarang nak bincang soal sejarah? Dulu UMNO, sekarang pun UMNO (Baru)—UMNO juga,ahli UMNO.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa dia kata saya baru sekarang? Saya mengkaji sejarah semenjak saya duduk di bangku universiti. *(Tepuk)* Tesis saya mengenai dengan political economy orang-orang Melayu dengan Raja, berkenaari dengan sejarah pertembungan rakyat dengan Raja, bukan baru tiga hari ini sahaja. *(Ketawa)* *(Tepuk)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tak apa, tak apa. Cuma dari segi isu ini baru inilah jadi orang Melayu *(Ketawa)*, dulu tak jadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Larut bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Order 36.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, point of order.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Order 36. Dia menyakit-nyakitkan hati Ahli Padang Terap. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** 36 berapa? Tak termasuk. Ini tak kena. Teruskan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, media massa telah memainkan peranan yang boleh dianggap sebagai tidak begitu positif ke arah membawa pindaan Perlembagaan ini, walaupun DAP sendiri mahu kebebasan akhbar. Tetapi kebebasan akhbar itu memberi gambaran dan laporan yang sebenar, yang tepat, bukan cuba hendak menyokong kerajaan secara membuta-tuli....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yangdi-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:...** saya sebagai seorang bekas wartawan...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):**Nanti dulu!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:...** saya hendak tanya dia, apa yang dia kata "sebenar laporan"...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dulu. Hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya tak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau dia tak tahu fasal wartawan jangancakap!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia lak beri jalan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tidak perlu bela akhbar......

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keatl:** Ya, teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak. Saya minta saudara saya dari Bayan Baru....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya tak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:...** sebelum saudara jadi burung tiong, beri saya bercakap sedikit hendak menjelaskan. *(Pembesar suara dimatikan)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau pihak akhbar atau media massa terus memainkan peranan secara yang negatif ini, ia akan merugikan rakyat dan negara. Dia tidak memberi laporan yang tepat kepada rakyat untuk menilai tentang apa yang sedang berlaku dan apakah perkembangan-perkembangan yang sebenar secara tepat dan ini amat mengelirukan. Saya rasa pihak kerajaan patutlah melihat bukan sahaja untuk mengekalkan....

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Larut.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Kita bukan dok berkelahi selalu, minta penjelasan. Tidakkah akhbar DAP *Rocket* itu beri kenyataan yang benar ataupun tidak benar. Cukuplah. Ipoh mali jahat. *(Ketawa)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** *Rocket* sentiasa melaporkan perkara-perkara yang benar. *(Boooo)* Disebabkan kebenaran itu, Barisan Nasional takut, dia tarik balik permit *Rocket* tidak dibenar untuk dijual kepada orang awam. Ini satu penyalahgunaan kuasa, Yang Amat Berhormat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sepatutnya suratkhabar parti bukan untuk dijual kepada orang ramai, dia telah melanggar undang-undang. *(Tepuk)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ini cerita saya pun malu hendak ungkitlah. 25 tahun kerajaan benarkan jual kepada public, baru ini tarik balik, apa cerita ini? Dulu kalau tak boleh, tak boleh daripada awal. 25 tahun dibenarkan *Rocket* dijual di semua pondok-pondok akhbar, kemudian ditarik.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa dia langgar undang-undang itu? Dia sudah tahu 25 tahun langgar undang-undang. *(Ketawa)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ini permitbukan langgar undang-undang. Kalau langgar undang-undang, kita sudah diheret ke mahkamah.ini kerajaanmenyalahgunakan kuasa, menarik balik permit.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** DAP boleh bawa Government ke mahkamah. *(Ketawa)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Susah. *(Ketawa)* Yang Amat Berhormat kena baca Akta Cetak, tak boleh, kalau pergi pun kalah, sebab kerajaan berkuasa. *(Ketawa) (Tepuk)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, ini tuduhan serius. Implikasinya mengatakan bahawa kerajaan mempengaruhi mahkamah, Ini salah.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Bukan. Saya kata tak boleh bawa ke mahkamah, sebab kuasa itu adalah kuasa Pendaftar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya. Sebab ini dibangkitkan fasal *Rocket.* Jadi, kalau ada *Rocket* sekurang-kurangnya rakyat dapat membaca secara balance. Sekarang *Rocket* tak dibenarkan dijual kepada orang awam, maka rakyat 'cuma membaca mendapat maklumat-maklumat yang tidak betul, tidak tepat daripada akhbar-akhbar yang dikawal oleh kerajaan. Saya rasa kalau amalan ini diteruskan, maka ia amat merugikan rakyat dan negara. Kalaulah politik ini yang dimainkan oleh Barisan Nasional kerana hendak mengekalkan kedudukan dan kekuasaan Barisan Nasional dalam negara ini, saya rasa lambat-laun kita dalam keadaan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal kerajaan sebab-sebab yang sebenar kerajaan membawa pindaan kepada Perlembagaan ini. Saya percaya sepertimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri.....

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sebabnya kita bawa ihi kerana desakan daripada DAP pada 10hb Disember dahulu. *(Tepuk)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Terima kasih, baru sekarang kita dengar cerita ini, sebab apa kerajaan hendak sangat pindaan ini diluluskan, jadi DAP juga diperalatkan. *(Ketawa)*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau kerajaan Barisan Nasional ingat hendak memperalatkan DAP....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Larut bangun lagi.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Ya, hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Kita ti dak pernah berkelahi, kalau kerajaan boleh memperalatkan DAP, adakah DAP itu tidak sensible, dengan izin?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Itulah saya hendak kata tadi, kalau cuba hendak diperalatkan, DAP bukanlah sebuah parti yang boleh diperalatkan. Kita. akan menyokong benda yang baik, dan kita akan menolak perkara-perkara yang tidak baik. Sebab itu, Ketua Pembangkang yang juga datang daripada DAP telah menyebut tentang pendirian DAP dengan secara yang jelas. Soal DAP menolak cadangan kerajaan tidak timbul—tidak timbul.Kita berkali-kali menyebut supaya perkara ini dibuat secara yang betul, secara peraturan, secara Perlembagaan, cara undang-undang. Kalau ini boleh dibuat oleh kerajaan, saya rasa walaupun Ketua Pembangkang tidak memberi jawapan sebab saya yang berucap, saya ingin menyatakan kalau sekarang kita mengambil pendirian untuk berkecuali (abstain). Kalau kerajaan boleh buat dengan cara prosedur, peraturan ataupun perlembagaan secara yang betul, kita boleh menyokong pindaan yang telah dibuat oleh kerajaan, tidak ada susah...

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Bukan satu perkara yang susah hendak diberi sokongan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Yang Berhormat Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya apakah cara yang paling betul bagi DAP? Saya hendak dengar pada hari ini.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya sudah sebut, sebab di dalam 3 perkara yang menjadi pendirian DAP, bahawa DAP mahu perkara ini dijalankan mengikut Perlembagaan. Jadi, kalau itu soal interpetasi Barisan Nasional, kita tidak terima.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Menyampuk)* .

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau Yang Berhormat daripada Nibong Tebal membuat interpretasi Perkara 38(4) mengikut pandangan beliau itu dia punya pandangan, bagi kita mesti mendapat consent daripada Raja. Kalau Raja tidak bersidang—itu soal lain. Kemudian menyatakan pula Raja tidak berkenan, ini satu keputusan Raja yang amat serius, konkrit......

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau tidak ada Persidangan Raja-Raja—itu soal lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru, sama ada beliau sedar bahawa dalam Persidangan Parlimen pada l0hb Disember yang lalu, ahli-ahli Pembangkang kecuali daripada Semangat 46

kesemuanya menyokong yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dan hasil daripada itu seolah-olah Pembangkahg menyatakan kepadakerajaan apa yang kerajaan hendak buat untuk mempastikan bahawa perkara yang berlaku ini tidak mungkin akan berlaku lagi, Maka sudah tentulah satu tindakan mesti diambil oleh kerajaan meminda Perlembagaan supaya Perkara 181(2) dimansuhkan ataupun dibatalkan, ataupun Perkara 181 (2) ini diterangkan secara lebih berkesan kepada rakyat.

Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru adakah beliau terfikir bahawa kalau perkara ini dikemukakan kepada Raja-Raja Melayu bahawa Raja-Raja Melayu akan bersetuju supaya mereka boleh dibawa ke mahkamah. Adakah Yang Berhormat berfikir bahawa Raja-Raja Melayu akan bersetuju? Jadi apabila perkara ini dibawa ke Parlimen dan menimbulkan masalah, parti Pembangkang hari ini mengeksploitasi keadaan. Misalnya apabila perkara ini tidak dibawa ke Parlimen, kenapa pada masa itu sebelum 18hb tidak ada sebuah parti Pembangkangpun yang menyuarakan cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini dengan Raja-Raja Melayu?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Gerik ini buat-buat tidak faham, Kita sudah berapa kali jelaskan tentang pendirian kita pada lOhb Disember. Kita mengakui bahawa tidak ada Rajapun yang boleh mengatasi undang-undang dan kita bersetuju dengan pindaan soal immunity ataupun tentang kekebalan. Kita bersetuju juga supaya rakyat diberi peluang membela, mendapat redress kalau ada penindasan ataupun penganiayaan. Kita sudah terangkan dengan jelas, bermakna kita bersama dengan pihak Barisan dalam soal itu, sebab itu kita menyokong isu ataupun Usul yang dibawa pada lOhb Disember.Soal sekarang yang dibincangkan berhubung dengan pindaan ini muiigkin melibatkan formula, solution ataupun mechanisme......

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong TeeKeat):** Yang Berhormat, Arau bangun.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya jawab belum habis sana sudah....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dari segiundang-undang,sayahendaktestYang Berhormat baca buku atau tidak baca buku ya.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya rasa cukuplah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih, Yang Berhormat, kita berdua kawan. *(Ketawa)* Dalam soal ini ialah soal tafsiran ya,tafsiran DAP, tafsiran Barisan Nasional dan sebagainya.

Dalam Perkara 181(2), pindaan ini dia mesti seperti Yang Berhormat kata, mesti mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja. Pindaan ini sebenarnya terdapat di bawah Perkara 159(5), tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa dalam Perkara 159(5) itu tidak menyebut Perkara 181(2). Dia sebut semua perkara-perkara lain yang melibatkan Raja-Raja dan juga hak istimewa orang Melayu, tetapi dia terlupa menyebut Perkara 181 (2). Adakah Perkara 181(2) perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja sebelum, selepas ataupun tidak perlu langsung? Sebab dia tidak sebut, jika Yang Berhormat ada Perlembagaan, Yang Berhormat boleh rujuk sekarang ataupun Yang Berhormat boleh tanya sahabatnya yang pakar undang-undang di sebelah Yang Berhormat. Saya sudah hafal yang itu.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin membuat interpretasi (Ketawa) berhubung apa yang dibangkitkan itu, cuma apa yang saya hendak katakan di sini, kalaulah Peguam Negara itu cara berseorangan tidak berkemampuan untuk membuat cadangan pindaan yang boleh diterima. Mengapa tidak kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa khas bagi mengkaji, membincang tentang pindaan Perlembagaan ini? Dan dibuat dengan secara yang lebih komprehensif, cara yang boleh diterima.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit pada Yang Berhormat ini. Saya tengok beliau menekankan sangat dengan cara yang betul jadi apakah cara yang betul, rakan-rakan saya beberapa orang sudah tanya cara yang betul, tetapi tidak ada jawapan juga daripada Yang Berhormat?

Sebentar tadi Yang Berhormat sebutkan bahawa hendak kumpul semua orang selain daripada Peguam Negara untuk membincang perkara ini. Kalau ini dibuat tentu akan memakan masa yang lama, terutamanya mungkin ada orang yang sengaja hendak melengah-lengahkan lagi, hendak kata kita tidak membuat perbincangan, saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri telah pun menemui Raja-Raja sebagai individu dan juga di dalam Majlis Raja-Raja, sudah beberapa kali. Saya nampak, ini interpretasi saya, seolah-olah ada usaha hendak mempermainkan pemimpin-pemimpin kita. Sekejap dipernampakkan seolah-olah adakelulusan, ada persetujuan dan selepas itu tidak bersetuju pula. Ada kelompok tiga, ada kelompok enarn, yang akhirnya pada hari Sabtu kalau saya tidak silap membayangkan seolah-olah ada persetujuan dan kita boleh meneruskan, dan bagi saya nampak interpretasi yang hendak dibuat disengajakan ada mesyuarat Majtis Raja-Raja hari ini kerana hendak memberi kita last minute notice, dan kita sudah sampai di sini hendak bermesyuanit barulah kita dengar tidak ada persetujuan. Dalam keadaan demikian macarn mana kita hendak berhenti, ada interpretasi lain selepas itu dalam salah satu syarat yang disebutkan tadi, bahawa kita hendak bincang berapa lama lagi, dalam tiga perkara kecil ataupun tiga perkara besar, hendak memakan masa beberapa tahun untuk kita dapat persetujuan.

Saya rasa asalnya yang kita bentangkan dahulu pada l0hb Disember adalah keadaan yang terjadi, nampaknya berlurut-turut seolah-olah islana tidak mempunyai sensitiviti langsung, maka itulah timbulnya mernuncak perasaan rakyat menyeluruh yang dilahirkan....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong pendekkan.

**Raja Dato'Ariffin bin Raja Sulaiman:** Saya hendak memberi latar belakangnya. Saya hendak bertanya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tolong pendekkan.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Kita duduk tanya, tidak berbangkit perkara ini, Ya? Jadi, kerana hasrat dan cita-cita rakyat yang menyeluruh, sebab itu Pembangkang nampaknya pada masa itu, hendak mengambil kesempatan. Jadi, saya hendak bertanya betul-betullah, Yang Berhormat kerana Yang Berhormat salah

satu, the only, yang unggul, tunggal, wakil Melayu tunggal dalam DAP biarlah rakyat tengok pendirian Yang Berhormat jelas ataupun tidak dalam hal ini ataupun Yang Berhormat juga terikut-ikut dengan yang lain hendak mengambil kesempatan ini. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, pendirian saya (DAP) adalah jelas, cuma diputar-belit oleh pihak-pihak tertentu, termasuk media massa. Jelas! Kita tidak timbul takut. Kalau perkara ini daripada awal dibincang memberi peluang kepada pihak lain untuk sama-sarna kita membincang dan mencari jalan bagi membawa satu pindaan yang boleh diterima oleh Raja-Raja. Sekarang ini tidak payah kita bincang. Dahulu pun, saya rasa kita telah pun mencadangkan supaya satu Jawatankuasa antara semua parti politik yang mewakili yang ada dalam Parlimen dibawa bincang bersama, kalau betul-betul jujur tetapi itu tidak diterima. Kemudian, sekarang suruh DAP berjumpa Raja-Raja. Kita orang tengah. Kita sudah membuat cadangan.

**Seorang Ahli:** Takut, betul!

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tidak, Yang Berhormat. Dia cadang. Saya harap itu ditarik balik.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Yang mana?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang kata suruh DAP. Minta tolong DAP jadi orang tengahlah.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Yang Amat Berhorrnat Timbalan Menteri ada menyebut sama ada serius atau tidak serius.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata "minta DAP jadi orang tengah." Kalau DAP hendak cuba, dia boleh cuba.

**Seorang Ahli:** Cubalah!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau hendak cuba?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kalau hendak selesaikan masalah hendak jumpa Rajakah, hendak keluar negerikah, soal DAPlah. Boleh buat.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ada pihak lain pun berjumpa dengan Raja-Raja tetapi mereka dituduh menghasut Raja-Raja. Macam mana pula kalau DAP begitu berjumpa Raja-Raja dan kita tidak sama pula pandangan. Besok tuduh pula DAP menghasut Raja-Raja. Ini cara yang tidak betul. Sebab itu, saya berkata daripada awal.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *(Bangun)*

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Sebab itu saya kata daripada awal.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua,.,..

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu. Ada dua orang. Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tidak beri jalan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Boleh, boleh dapat penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kulim—Bandar Baharu bukan Pendang. Yang Berhormat Timbalan Menteri,

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya cuma... Tadi, Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa ada kemungkinan formula-formula DAP tetapi apa lagi hendak menggunakan formula DAP kerana apa yang di-cadangkan pada hari ini adalah formula yang dicadangkan oleh DAP—oleh Yang Berhormat dari Jelutong? In toto. Dan malah dia kata dia suruh bawa ke Parlimen dengan cepat mungkin. Jadi, apa lagi hendak ada formula ini. Sokong sahajalah. Formula apa ini? *(Ketawa)*

**Tuan Othman bin Abdul:** Tamat! Tamat!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tidak! Saya hendak tambah itu sahaja. Hendak menambah penjelasan Yang Berhormat dari Kulim —Bandar Baharu, tentang ucapan Yang Berhormat tadi.

**Seorang Ahli:** Duduklah! Beri chance!

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih. Inilah yang dikatakan adik-beradik. *(Ketawa)* Saya hendak menjelaskan, Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat baca akhbar bahawa Ahli Parlimen dari Gua Musang, Ketua Semangat 46 menyatakan dengan tegas bahawa dia telah round seluruh Malaysia, berjumpa Raja-Raja ini. Kesembilan Raja-Raja telah menjelaskan pendirian Semangat 46. Jadi, kita tidak kata, Dan menjelaskan bahawa kita mengatakan bahawa inilah parti yang menjalankan kegiatan, cucuk Raja-Raja bagi pandangan yang tidak betul, gambaran yang tidak baik kepada masyarakat.Bawa 200 orang pergi ke Istana Seri Menanti—kami mewakili rakyat. Wakil Rakyat apa—200 orang? Sedangkan Ketua Cawangan UMNO boleh bawa 300 orang. *(Ketawa)* Malu! Jadi, ini penjelasan yang tegas yang diberikan oleh Presiden Semangat 46, Ahli Parlimen dari Gua Musang. Dia sudah round semua. Ahli Yang Berhormat tidak baca surat-khabarkah?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagai rakyat, mana-muna pihak yang boleh diterima oleh Raja untuk mengadap Raja tidak salah untuk mengadap, termasuk Semangat 46. Cuma bila orang lain buat, mereka dikecam oleh Barisan Nasional, khususnya pemimpin-pemimpin UMNO. Ini secara yang tidak baik. Seolah-olah yang lain itu bukan rakyat. Cuma UMNO sahaja rakyat Raja-Raja. Ini secara yang tidak betul. Orang lain berjumpa—"hasut", "dicucuk"', tengok bahasa yang digunakan. Dalam masa yang sama bercakap tentang Islam. Ini yang susah iaitu yang PAS marah itu tadi. Jadi, saya rasa politik yang seumpama ini amat merbahaya bagi ncgara.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya hendak sebutkan tadi.....

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi, Yang Berhormat. Ya, Setiausaha Parlimen.

**Tuan Othman bin Abdul:** Hendak beri teks ucapan Semangat 46.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Cukup.

**Tuan Othman bin Abdul:** Hendak beri kcpada S.46 ini *(Tunjukkan teks ucapan)* yang kita kata hendak cucuk ini kerana beri ucapan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Teruskan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** S.46 kah, siapakah, termasuk DAP, kita berhak menemui rakyat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Betullah! Ini yang saya hendak memberi penjelasan ini.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau kerajaan cuma membenarkan orang-orang UMNO, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk menemui rakyat dalam masa yang sama beritahu polis, menahan, mencegah ahli-ahli parli Pembangkang untuk menemui rakyat, ini adalah satu langkah yang undemocratic.

**Tuan Othman bin Abdul:** Siapa yang cegah? Tidak ada siapa yang cegah ini. Ini saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat. Tabik sekali, tabik sekali. *(Ketawa)* Tabik!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Sampai tabik. *(Ketawct)*

**Tuan Othman bin Abdul:** Ahli Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Ahli Partimen dari Gua Musang. Immunity adalah daulat. Immunity adalah daulat! Tampar orang daulat, bunuh orang daulat, rogol orang daulat. Tafsiran S.46 dan PAS. Jadi, ini yang kita mengatakan bahawa....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tarik balik tuduhan itu!

**Tuan Othman bin Abdul:** Nampak dah! Sorry, minta maaf! Ini yang kita katakan memberi gambaran kepada masyarakat yang tidak betul. Ini ucapan Presiden Semangat 46 di Persidangan Khas S.46 di Kota Bharu. Immunity adalah daulat. Semua masyarakat malu sebagai Presiden Semangat 46. Immunity adalah malu kepada masyarakat Malaysia.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tafsiran pemimpin-pemimpin Semangat 46.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun ini.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Dan mengikut kalau kita boleh faham tentang sensitiviti orang Melayu berhubung dengan Raja Perlembagaan.

**SeorangAhli:** Kawan hendak bercakap!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Sudah tentu kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Bersetujukah dengan saya, Yang Berhormat dari Bayan Baru.

**Seorang ahli:** Bersetuju!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** laitu Yang Berhormat dari Pendang tadi, Setiausaha Parlimen ambil satu bahagian. Kalau hendak adili hendak baca ucapan itu secara menyeluruh daripada mula hinggalah akhir. Bersetujukah dengan pandangan saya?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Bersetuju! Memang kerja mereka mencari salah. Yang baik itu memang tidak nampak. Yang betul, tidak nampak. Mencari kesalahan dan cuba hendak merendah-rendahkan parti Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** *(Bangun)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Memang itu amalan tugas mereka.Ya?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sepanjang yang saya tahu, konsep DAP ini non-racial, tidak ada perkauman. Tetapi Ahli Yang Berhormat berkali-kali sebut "Melayu, Melayu, Melayu". Ini adakah bercanggah atau tidak dengan dasar DAP— tidak ada perkauman lagi di Malaysia ini? Saya hairan juga.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Baru hari ini Yang Amat Berhormat hairan. *(Ketawa)* Kita bercakap bukan soal perkauman di mana sahaja perkara yang tidak betul, kita cuba memberi pandangan kita. Yang betul kita akan sokong, bukan soal perkauman. Saya bercakap di sini bukan kerana saya seorang Melayu bercakap. *(Disampuk)* Kalau tidak, kenapa yang lain-lain yang bukan Melayu tidak mengambil kesempatan kalau mereka tidak peduli Raja? Mereka tentu mengambil ke sempatan sokong dengan pindaan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Soalan pendek sahaja. Kalau Yang Berhormat kata begini saya bercakap bukan Melayu, mengapakah kaia saya tadi baru 3 hari ini jadi Melayu yang implikasinya Yang Berhormat lebih Melayu daripada saya? *(Sampuk)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya rasa Yang Berhormat dari Padang Terap marah itu. *(Ketawa)* Dia berasa sedih dan marah. Sebenarnya, saya berkata dia bawa dua tiga hari jadi Melayu dalam konteks isu inilah. Kerana dulu dia tidak mahu jadi Hang Jebat. Dia tidak mahu cakap tentang Raja. Sekarang, baru dia mahu bercakap. Dia hendak cerita sejarah Raja. Raja Bersiong. Saya pun tahu sejarah Raja Bersiong. Tetapi hari ini, dia baru bercerita.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Dia bangun ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya bercakap tiga tahun dahulu di Persidangan Agung UMNO mengenai Raja-Raja.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Siapa cakap?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Maknanya Yang Berhormat tidak baca suratkhabar. *(Ketawa)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Syabas kalau bercakap sayangnya pemimpin- pemimpin UMNO tidak mengambil tindakan. Kalau ada orang UMNO yang menyuarakan pandangan mereka yang tidak begitu puas hati tentang perilaku Raja daripada dulu lagi, sudah tentu perkara itu tidak berbangkit. Nak tunggu kes Gomez, baru hendak start. Ini satu perkara yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang akhir sekali saya hendak sebutkan, saya tidak perlulah pertanyaan-pertanyaan daripada pihak yang lain, iaitu berhubung dengan sebab-sebab yang sebenar. Saya rasa perkara ini sudah lama. Sebab itu, DAP dengan secara ikhlas, dengan cara

yang penuh kesedaran dengan perasaan yang secara rasional, kita bersetuju tentang apa yang dikatakan oleh wakil-wakil dari UMNO berhubung dengan perilaku kepincangan amalan-amalan dalam institusi Raja-Raja.

Kita bersetuju, sebab itu saya hendak cakap ini. Jadi, sebab-sebab yang kita bawa pindaan kepada Perlembagaan ini bukan kerana soal kecil, soal besar dan soal ini saya rasa serius dan perlu disekat. Ha, ini dia dia'm, tiada siapa hendak cakap, perlu disekat dan cara yang kita hendak sekat inilah..:....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jerai bangun.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tidak perlu.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tadi Yang Berhormat kata, jangan bangkit siapa tanya. Lepas itu Yang Berhormat cabar pula suruh tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jerai. dia tidak beri jalan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia beri, sekampung, abang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Terima kasih, tidak perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk, Jerai!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini satu soalan Yang Berhormat, saya minta.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sat, sat, saya cabar ini, tidak beri jalan. Apa cakap tidak serupa bikin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tiada tawar-menawar di sini.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, jadi kalaulah kerajaan mempunyai sebab-sebab tertentu yang lebih besar daripada apa yang ditekankan cuma soal criminal ataupun civil offences yang dibincangkan secara meluas itu, saya berharap perkara ini juga perlu diterangkan kepada rakyat dengan secara yang baik dan yang betul. Bukan secara yang mengambil kesempatan seperti mana yang dilakukan oleh media massa sekarang ini. Saya bercakap secara ikhlas ini sebab kila faham dan kita tahu malahan bukan sahaja kita berbincang dalam Parlimen dan di luar Parlimen. Saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat pun, saya sedia berbincang mengenai perkara ini kerana perkara ini benar. Tetapi janganlah kita buat seolah-olah kita ini tidak ada langsung adat, tidak ada langsung cara bahasa yang kita bercakap, seolah-olah kita ini, "oh, dalam zaman moden, kita kena berlagak macam orang moden. "Tetapi sebenamya, kita telah terkeluar.....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin** Nor:......daripada lunas-lunas adal-istiadat......

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** "Raja" bangun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Timbalan Menteri bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya tidak beri jalan, saya pun hendak habis.

**Beberapa Ahli:** Raja bangun, Raja bangun.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Satu sahaja.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Anak Raja mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Seorang Ahli:** Tidak kiralah.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tadi sudah sebut, anak Raja Bersiong. *(Ketawa)*

**Tuan Ahmad bin Nor:** Okay, last. *(Ketawa)*

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormatdok sauk-sauk kata tidak beradat, tidak berbahasa ini, seolah-olah kita tidak jumpa Raja. Tiap-tiap pagi dia jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri. Ini kita bincang—tidak beradat lagikah? Dalam Parlimen inipun sauk sahaja. Saya harap berasas kepada tindakan-tindakan yang telah dibuat dan perbincangan-perbincangan yang dibuat, Yang Berhormat masih bercakap seolah-olah kita tidak peduli langsung fasal Raja. Yang saya dok tengok, tadi saya sudah sebut, bahawa seolah-olah kita dipermainkan. Rasa hendak panggil, hendak jumpa, hendak terang, telefon sahaja, segera kita kena sampai di sana. Kita pun al beck and call. Jadi, saya harap dan saya tengok tadi, betul-betulkah hendak bincang? Kalau hendak bincang ini, berapa tahun? Bukan seluruh Perlembagaan, tiga perkara yang kita rasa penting, itu yang saya hendak tanya. Jangan sauk sahaja semua.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Dengan ringkas dalam masa yang sama, UMNO juga hentam Raja-Raja. Itu yang dikatakan adat-lah, dengan sopan-santunlah. Dalam masa yang sama, tidak payah jawab.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Di mana UMNO hentam? Di majlis mana?

**Tuan Ahmad bin Nor:** UMNO Baru hari-hari hentam dalam akhbar. Minta maaf, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Itu bukan UMNO. Minta Yang Berhormat pergi ambil surat daripada UMNO ataupun ini datang dari rakyat. Saya pun baca, surat-surat daripada rakyat yang datang daripada berbagai lapisan. Jadi, kalau dalam Dewan ini pun Yang Berhormat pakai loncong sahaja. *(Ketawa)* Saya tidak tahulah, di kawasan Yang Berhormat, di mana kita tidak dengar pun. Sudah tentulah sekatannya tidak begitu k.etat yang nampak hendak buat di sini.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, memang orang UMNO cuma nampak rakyat yang.......

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bayan Baru,sila gulung.

**Tuan Ahmad bin Nor:**...tidak puas hati.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung. Sudah panjang masa Yang Berhormat be-ucap.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Itu soalan-soalan yang berbangkit. *(Ketawa)* Saya berucap pun tidak panjang, saya ingat, saya rasa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kembali tentang implikasi yang saya kata satu isu yang bukan sahaja sensitif tetapi satu isu yang besar dan implikasi yang besar. Kita bimbang jika sekiranya perkara ini diteruskan secara bulldoze di Parlimen kemudian tidak mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja, Agong tidak dapat memberi assent ataupun persetujuan-nya, maka ini akan mewujudkan satu krisis Perlembagaan yang besar. Jika ini berlaku, saya rasa bukan soal apa pendirian UMNO atau apa peridirian Barisan Nasional, tetapi akibat yang akan melanda rakyat dan negara..Ini satu perkara yang penting. Ini saya ingin mengingatkan, dan akhirsekali saya ingin menyatakan bahawa DAP akan mengambil pendirian berkecuali ataupun abstain dalam soal pindaan Perlembagaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Arau.

*9,16 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Perdana Menteri berhubung dengan pindaan Perlembagaan,

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada hari ini tidak sempat saya mengemukakan oleh kerana kita terpaksa tamat pada jam 9.30 malam, pada besok hari saya akan pergi secara detail tentang beberapa perilaku yang saya rasa sudah sewajarnya, kita membuat pindaan. Dalam ucapan saya yang lepas, saya agak kelam-kabut sedikit kerana masa hanya diberi selama 15 minit. Tetapi besok saya akan perincikan perkara-perkara tersebut untuk makluman dan juga pandangan semua rakyat supaya mengetahui sudah sampai masanya. Kalau Yang Berhormat semua dengar apa yang saya baca dan DAP dengar, saya rasa DAP akan bertukar fikiran. Kerana kalau sekiranya mereka tidak berseiuju dengan pindaan ini, makna kata mereka bersetuju dengan beberapa perilaku-perilaku yang amat menjolok mata dan salah satu daripada perilaku itu sama seperti yang dilakukan oleh orang-orang Serbia kepada orang-orang Bosnia seperti melakukan perogolan di disko dan sebagainya. Kalau DAP tidak menyokong pindaan ini, sekali gus dia bersetuju.

Cuma yang menjadi persoalan saya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan saya bawa, bukan saya orang yang pertama bawa, wakil daripada Jelutong dari masa ke semasa telah membawa perkara ini tentang perilaku-perilaku yang kita rasa hanya boleh diselesaikan jikalau sekiranya kita dapat takrifkan ataupun kita dapat perjelaskan berhubung dengan Perkara 181(2). Itu yang kita hendak buat sekarang supaya benda-benda ini tidak berlaku lagi. Saya hendak beri amaran dan juga makluman kepada PAS dan DAP—Semangat 46 hendak buat apa, dia sudah keluar, hendak cakap apa pun tidak boleh sebab dia sudah kalah sebelum berperang, itu memang "semangat"dia. Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat berkecuali atau Yang Berhormat tidak bersetuju, sekali gus saya

ingin mengatakan—kalau orang pergi ke sekeliling negara, saya juga akan pergi ke sekeliling negara—bahawa DAP dan juga PAS, saya harap PAS akan bertukar fikiran, bersetuju dengan perilaku. Ini perilaku bagi sebuah negeri. Saya ada lagi sembilan negeri yang saya akan bentang, kalau diberi masa besok, yang melibatkan perilaku-perilaku kerana ada Perkara 181(2). Itu ceritanya.

Jadi, sekarang ini boleh bercakap dengan tenang sedikit dan tidak diganggu oleh kerana masanya terlampau panjang. Sebelum itu, saya hendak perbetulkan konsep sejarah. Saya bukan ahli sejarah,tetapi saya ingin juga berminat sebab seronok mendengar kawan-kawan bercerita fasal sejarah, dan juga fasal adat-istiadat yang tidak bertulis ini yang menyebabkan orang tafsirkan berbagai-bagai. Saya ingat tidak ramai orang tahu sebab saya dapat sumber ini daripada buku juga yang kurang menarik semasa saya pergi ke Selangor baru-baru ini, saya beli buku ini. Saya terbaca yang ini—Sejarah Orang Melayu. Orang Melayu ini sebenamya bermula daripada sejarah Nabi Ibrahim alaihisalam.

Yang pertamanya dia melahirkan liga keturunan besar. Tolong perbetullah ustaz-ustaz kalau saya silap. Ini telah dituliskan oleh sejarahwan Islam yang terkenal, kalau tidak silap saya bernama Harris. Yang pertamanya, dia telah mengeluarkan bangsa Arab ataupun keturunan Arab melalui anaknya yang bernama Nabi Ismail alaihissalam. Yang keduanya, bangsa Yahudi melalui anaknya Nabi Ishak alaihissalam; dan yang ketiganya, melalui perkahwinannya dengan seorang perempuan bernama Qatura. Dia mengeluarkan bangsa yang dipanggil bangsa Jawi. Bangsa Jawi itu, Arab rujukkan ialah bangsa Melayu. Bangsa Melayu ini akhirnya apabila melalui Qatura, mungkin Qatura itu kecil, jadi dia melahirkan muka-muka macam kita sedikit. *(Ketawa)*

Akhirnya keturunan dari Qatura ini pergi ke kawasan Tibet, dan mereka bermastautin di sana. Mereka memberi nama gunung yang paling tinggi di dunia sebagai Gunung Himalaya. Dalam bahasa Sanskrit maknanya Gunung Melayu. *(Ketawa)* Ini sejarah yang saya hendak perbetulkan. Akhirnya mungkin terlampau sejuk—pada zaman awal terlampau sejuk, bangsa ini telah berpindah dan masuk ke India, masuk ke China, masuk ke Jepun. Apabila mereka sampai ke penghabisan Semenanjung, selepas itu mereka berpecah pergi ke kepulauah Melayu pada masa tersebut, termasuk indonesia, membawa bersama-sama mereka kebudayaan. Jadi, kebudayaan yang ada dalam kebudayaan Melayu bukan dibawa, diserang oleh Raja Chulan dan sebagainya. Sebenarnya kebudayaan itu telah dibawa oleh mereka. Ini adalah tafsiran sejarah yang saya hendak perbetulkan. Ahli-ahli sejarah bersetuju dengan saya tentang perkara ini. Ini tafsiran yang terbaru sebab sejarah ini, dia berdasarkan kepada fakta yang dijumpa dan membuat tafsiran. Sekarang saya memberi fakta saya, dan ini tafsirannya bahawa kebudayaan ini dibawa ke sini. Sebab itulah kebudayaan Melayu ini ada campuran - campur India, campur Cina dan campur Jepun. Di antara kebudayaan Cina yang kita terimapakai; apabila pengantin berkahwin kita bubuh kain putih di atas katil untuk menentukan ia ada dara ataupun tidak. *(Kctawa)* Itu kebudayaan Cina, tetapi orang Melayu buat. Sahabat saya dari Bayan Baru bercakap fasal kebudayaan Melayu dan sebagainya, itulah ceritanya.

Sekarang sampai ke peringkat Kesultanan Melayu. Ini hendak membetulkan sejarah. Satu kesultanan, kalau dikaji dari awal sampai ke akhir, oleh kerana sejarawan-sejarawan pada masa tersebut adalah merupakan ahli sejarawan istana. Mereka yang berada di istana, kecuali seorang yang saya tengok yang

bukan duduk di istana, tetapi dia telah menulis sejarah ini di kurun yang ke 18, iaitu Abdullah Munshi. Yang lain-lain merupakan sejarawan-sejarawan istana—Tun Sri Lanang dan lain-lain lagi adalah merupakan penulis-penulis istana. Mereka menceritakan keagungan istana. Kalau negara itu maju dan makmur, maka rajanya agung. Kita mendengar hanya raja itu agung, istananya besar dan sebagainya. Pernahkah kita mendengar cerita-cerita mengenai rakyat? Tidak ada. Rupa-rupanya cerita-cerita rakyat ini hanya kita ketahui bila kita mencapai kemerdekaan. Walaupun kita ada raja agung, raja tak agung dan sebagainya, tetapi rupa-rupanya rakyat menderita. Rakyat duduk dalam miskin yang cukup teruk pada masa tersebut sehinggalah bila pemerintah kita di peringkat awal memperkenalkan pembangunan luar bandar dan sebagainya, barulah kita lihat kemunculan rakyat. Inilah sejarah awal.

Saya hendak beritahu sebelum saya terlupa. Dalam sejarah Melayu—sejarah ini bukan saya seorang baca sahaja, semua orang baca. Budak-budak sekolah baca, Yang Berhormat baca. Sejarah ini telah ditulis oleh Buyong Adil yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa. Pengerusi Dewan Bahasa pernah dibuang oleh Raja dahulu. Semua orang baca, ini fakta sejarah. Saya hendak beritahu kepada Raja-Raja bahawa sekiranya anak-anak muda membaca sejarah Johor, sejarah Perlis, sejarah Terengganu, sejarah Selangor, ini yang saya baru baca. Malam ini kalau saya dapat sambung, saya akan baca lagi, kita lihat bahawa tidak ada sesuatu kesinambungan berhubung dengan Raja. Saya hendak cerita sedikit tentang Sultan Mahmud—Sultan Mahmud I, II dan III—pada besok hari. Saya hendak sebut di sini ialah sejarah Kesultanan Melayu semasa undang-undang belum ditulis adalah merupakan sejarah di mana mereka berada dalam istana dan tidak pernah selamat. Kalau mereka tak diserang, mereka pergi menyerang orang. Mereka tidak boleh bertahan 10 tahun. Tiga tahun pun mereka akan merancang untuk menyerang, ataupun mereka berperang atau berbunuhan kerana berebut kekasih. Ada satu certita menarik tentang berebut perempuan besok, Tuan Yang di-Pertua. Mereka berperang dan jatuhnya kerajaan kerana berebut perempuan.

Jadi, yang penting di sini tidak pernah bertahan lama. Tetapi UMNO dan juga Barisan Nasional, masa itu "Perikatan"—DAP pun belum ada lagi. DAP dok menumpang dari kemerdekaan. Tanpa kemerdekaan, DAP tak wujud. Perikatan—UMNO, MCA dan juga MIC—telah berjuang habis-habisan dan mengadakan Perlembagaan sebagaimana yang kita ada hari ini. Kerana Perlembagaanlah yang menyebabkan Raja-Raja boleh berada dalam istana sampai 35 tahun sekarang. Dan saya percaya mereka boleh berada dalam istana sampai hari kiamat kalau mereka mahu, kalau sekiranya mereka bertingkah laku yang sesuai dengan kehendak rakyat. Jadi, rakyat membuat undang-undang membolehkan Raja berada di istana. Istana mereka tak pernah diserang. Sebaliknya mereka terus membina istana. Tetapi sebelum Perlembagaan dibuat, mereka telah diserang ataupun mereka menyerang. Semasa British memerintah, mereka dihina. Walaupun ada Sultan yang memuji British, tetapi mereka dihina, dan British bebas bertindak kepada Raja-Raja ini sesuka hati mereka. Contohnya orang Perak jangan lupa, British sanggup menghukum Sultannya dan dibuang di Pulau Seycelles. British boleh buat. Pada hal yang bunuh ialah si Putong, yang kena gantung Maharajalela dan dia buang daerah Raja. Tergamakkah orang-orang Melayu dan juga rakyat Malaysia sekarang hendak buat begitu kepada Raja, walaupun ada terbukti kes-kes yang melibatkan kes

pembunuhan. Inilah saya berpeluh bila saya dengar keputusan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pindaan ini, pada hal semalam mereka bersetuju. Kalau British ada masa tersebut, saya sudah pasti British akan membuat sesuatu kepada Raja.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang menyedihkan. Walaupun British pernah membuang mereka.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya memberi masa sedikit.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sedikit sahaja tak mengapa. Kami ini tidak rapat dengan Raja. Kami hanya melihat apa sahaja daripada akhbar. Jadi, akhbarlah memberitahu Raja sudah bersetuju—6:3 dan sebagainya, macam main bola. Kemudian Menteri Kewangan mengatakan bila di interview dalam kereta, perbincangan sangat-sangat boleh membawa kepada persetujuan. Jadi, kita di sini tak faham, kami daripada yang tidak tahu, yang tak rapat dengan Raja, apakah permainan akhbar ataupun dolak-dalik daripada Raja. Sebab yang kami lihat ialah akhbar. Kami percaya kepada apa yang tertulis. Apa Yang Berhormat dari Arau beritahu itu kami tidak tahu, sebab kami bukan rapat dengan Perdana Menteri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ceritanya macam ini. Saya harap saya dapat habiskan seminit. Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri—ini bercakap kepada rakyat. Kita nampak jelas bahawa Raja akan bersetuju. Saya mendengar ceriia dan diberitahu oleh ketua saya bahawa syaratnya ialah menubuhkan mahkamah khas. Enam Raja ini bersetuju dengan bergelak ketawa, saya percaya boleh minum kopi, teh dan sebagainya, walaupun berawas antara satu dengan lain, tetapi bersetuju dengan syarat adakan mahkamah khas. Tetapi kita bersetuju dan kita bawa pada hari ini mengadakan mahkamah khas. Bersetuju pula perwakilan daripada Majlis Raja-Raja dan perwakilan daripada kita, Ketua Hakim Negara. Tetapi bila sampai persidangan rasmi pada hari -ini, mereka menolak. Ini bukan perkara baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Itulah ruginya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Yang Berhormat diminta sambung besok.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebab baru sahaja saya kata, berhenti. Cerita lama, baru saya berhenti.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Boleh sambung besok.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh sainbung besok, baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.*